DR 4 TAHUN 2016

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEEMPAT



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS

# ISU PENYELEWENGAN DAN PENYELUDUPAN DIESEL BERSUBSIDI

- **KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
- **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

# LAPORAN
# JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
# PARLIMEN KETIGA BELAS


| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1. | LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG ISU PENYELEWENGAN DAN PENYELUDUPAN DIESEL BERSUBSIDI | 1-21 |
| 2. | RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA | 22-25 |
| 3. | AGENDA MESYUARAT | |
| 4. | LAPORAN PROSIDING | |
| 5. | DOKUMEN PEMBENTANGAN | |

# LAPORAN
# JAWATANKUASA
# KIRA-KIRA
# WANG NEGARA

# LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG ISU PENYELEWENGAN DAN PENYELUDUPAN DIESEL BERSUBSIDI

## 1. PENDAHULUAN.

Isu berkaitan penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi telah mendapat liputan daripada media massa dan pelbagai reaksi dari masyarakat umum terhadap kemungkinan berlakunya ketirisan dalam penyaluran subsidi bahan bakar berkenaan.
Kajian Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada Tahun 2007 dan 2012 (siri 2), manakala pengauditan JAN dan Unit Audit Dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (UAD KPDNKK) terhadap Pengurusan Pemberian Diesel Bersubsidi dilaksanakan pada tahun 2008.
Berikutan daripada isu ini yang terus berbangkit dan bagi melindungi kepentingan awam, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen memulakan prosiding terhadap Penyelewengan dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi dalam mesyuarat Bilangan 24, pada 19 Jun 2014.

## 2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77(1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah bersidang bertujuan untuk:

i) Mengkaji dan meneliti pengurusan program ini bagi mengenal pasti sama ada wujud kelemahan yang boleh diambil iktibar daripadanya; dan

ii) Kawalan dalaman yang dipakai dan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan bagi menangani isu penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan seperti berikut:

a. Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan dalam LKAN tahun 2007 dan 2012 (siri 2) serta pemerhatian audit tahun 2008 daripada JAN dan UAD KPDNKK;

b. Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti pengurusan diesel bersubsidi iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KPDNKK, KSU MoA serta wakil Kementerian masing-masing untuk memberi maklum balas dan tindakan yang diambil terhadap isu yang dibangkitkan; dan

c. Menjemput wakil dari agensi pusat yang terlibat dalam urusan diesel bersubsidi seperti Kementerian Kewangan (MoF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Akauntan Negara untuk hadir bersama.

## 4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN SKIM DIESEL BERSUBSIDI.

4.1 Skim Diesel Bersubsidi telah mula dilaksanakan pada tahun 2001 meliputi pengangkutan darat, air dan *vessel* perikanan di bawah bidang tugas KPDNKK. Pada 15 September 2005, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga Dan Bekalan Diesel telah memutuskan pelaksanaan dan pemantauan Skim Diesel Bersubsidi Untuk Nelayan dipertanggungjawabkan kepada MoA melalui LKIM.

4.2 LKIM merupakan Badan Berkanun yang ditubuhkan pada 1 November 1971 di bawah Akta 49, LKIM 1971 dan dikawal selia oleh MoA. Tujuan penubuhan LKIM adalah menambah baik kedudukan sosioekonomi nelayan dengan tumpuan untuk meningkatkan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara.

4.3 Pada 1 Januari 2006, LKIM telah melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi Untuk Nelayan di Semenanjung Malaysia dan mulai 1 Jun 2006 di Sabah dan Sarawak.

4.4 Objektif pemberian Skim Diesel Bersubsidi kepada nelayan adalah seperti berikut:

a. Meringankan beban nelayan akibat kenaikan harga minyak diesel;
b. Menggalakkan nelayan keluar menangkap ikan bagi meningkatkan pendapatan;
c. Meningkatkan pendaratan dan bekalan ikan dalam negara;
d. Memastikan Skim Diesel Bersubsidi disalurkan kepada nelayan; dan
e. Mewujudkan sistem kawalan penyaluran diesel bersubsidi.

4.5 MoF telah melantik Petronas Dagangan Berhad (PETRONAS), Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (Shell), Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BHP) dan Chevron Malaysia Limited Sdn Bhd (Caltex) sebagai pembekal diesel bersubsidi.
Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga Dan Bekalan Diesel telah memutuskan pemborong diesel bersubsidi pula dipertanggungjawabkan kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA), Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Negeri Sabah (KO-NELAYAN), manakala Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan (PNK) merupakan peruncit Skim Diesel Bersubsidi.

4.6 Sehingga bulan Februari 2013, sebanyak 126 jeti jualan telah disewa daripada pemilik jeti dan sebanyak 78 adalah jeti milik PNK dan Kompleks LKIM.

4.7 Bagi meringankan beban rakyat dalam menghadapi krisis kenaikan harga minyak, mulai tahun 2002 Kerajaan telah memberi subsidi bagi setiap liter penjualan diesel di pasaran tempatan. Seterusnya bagi membendung kenaikan kos kehidupan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah, Kerajaan telah memperkenalkan pemberian subsidi tambahan bagi setiap liter diesel yang dibeli bagi

kegunaan kenderaan yang terlibat secara langsung dengan orang awam seperti bas sekolah, bas ekspres, bas mini dan kereta sewa dan kenderaan yang terlibat secara tidak langsung dengan orang awam seperti lori kargo am, lori tangki air dan *window van.* Berikutan itu, terdapat 3 kategori harga diesel di pasaran tempatan iaitu diesel tanpa subsidi, diesel bersubsidi dan diesel bersubsidi tambahan (super subsidi).

4.8 Urusan memproses dan meluluskan pemberian subsidi tambahan bagi sektor pengangkutan darat dan sungai diletakkan di bawah tanggung jawab KPDNKK, manakala yang melibatkan sektor perikanan di bawah tanggung jawab MoA.

4.9 Pemberian diesel bersubsidi tambahan ini dilakukan melalui dua skim iaitu skim *skid tank (pembelian secara pukal)* dan skim *fleetcard (pembelian secara runcit).* Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel adalah bertanggungjawab untuk menimbang dan memperakukan permohonan subsidi diesel bagi kedua-dua skim ini. Skim *skid tank* diluluskan kepada syarikat pengangkutan yang mempunyai lebih daripada 16 buah kenderaan, manakala skim *fleetcard* diluluskan kepada orang perseorangan atau syarikat pengangkutan yang memiliki kenderaan kurang daripada 16 buah kenderaan.

## 5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN.

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada PAC Parlimen mengenai isu yang telah dibangkitkan dalam LKAN tahun 2007 dan (siri 2) 2012 serta pemerhatian audit tahun 2008 oleh JAN dan UAD KPDNKK.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KPDNKK dan MoA telah dipanggil memberikan keterangan.

Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

## 5.1 Penjelasan Awal Daripada Jabatan Audit Negara.

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) memaklumkan mengenai polisi, struktur serta isu-isu hasil kajian terhadap Pengurusan Pemberian Diesel dan Petroleum Bersubsidi.

a. Polisi berkaitan Diesel Bersubsidi melibatkan beberapa peringkat iaitu:

- Urusan pemberian subsidi diesel oleh MoF terletak di bawah Jawatankuasa Dasar Fiskal.

- Di peringkat KPDNKK, polisi penggubalan dasar dan strategi berkaitan dengan pembangunan perdagangan pengedaran dalam negara diletakkan di bawah Bahagian Perdagangan Dalam Negara (BPDN).
  BPDN ini juga bertanggungjawab mengawal selia harga perdagangan terhadap barang-barang perlu, pelesenan, kawalan pengeluaran, pengedaran dan penjualan barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta pemberian diesel bersubsidi.

- Pada 15 September 2005, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga Dan Bekalan Subsidi telah memutuskan pelaksanaan dan pemantauan Skim Diesel Bersubsidi untuk nelayan dipertanggungjawabkan di bawah MoA melalui LKIM.
  Pada 1 Januari 2006, LKIM telah melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi untuk nelayan di

Semenanjung Malaysia manakala Sabah Dan Sarawak pada 1 Jun 2006.

- Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai harga dan bekalan diesel bersubsidi telah memutuskan pemborong diesel bersubsidi dipertanggungjawabkan kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA), Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Negeri Sabah (Ko-Nelayan) manakala Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) merupakan peruncit skim Diesel Bersubsidi.

b. Daripada segi struktur subsidi diesel dan petroleum, MoF menyediakan peruntukan pembayaran subsidi, meluluskan syarikat pembekal dan penetapan harga.
Kelulusan lesen penguatkuasaan MoA bertindak sebagai pengerusi dan urus setia jawatankuasa oleh agensi-agensi lain seperti Agensi Penguat Kuasa Kastam dan Agensi Penguat Kuasa Maritim. Jabatan Perikanan Malaysia melesenkan *vessel* dan penguatkuasaan. Jabatan Laut Sabah bertanggungjawab melesenkan perkakasan menangkap ikan di Sabah.
Manakala LKIM bertanggungjawab meluluskan kad e-Nelayan bagi mendaftarkan pusat jualan dan mengesahkan tuntutan syarikat pembekal.

c. Pemberian diesel bersubsidi oleh MoA dan KPDNKK adalah sebanyak RM9,962 juta bagi tahun 2011, RM11,563 juta tahun 2012 dan RM10,638 juta bagi tahun 2013.
Manakala subsidi bagi LPG bagi tahun 2013 adalah RM2,196 juta. Subsidi bagi petroleum tahun 2011 sebanyak RM9,775 juta, tahun 2012 sebanyak RM12,069 juta dan tahun 2013

sebanyak RM11,015 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**PEMBERIAN DIESEL, PETROL(RON 95) DAN LPG MENGIKUT KEMENTERIAN**

| | 2011 | | | 2012 | | | 2013 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Diesel (RM juta) | Petrol (RM juta) | LPG (RM juta) | Diesel (RM juta) | Petrol (RM juta) | LPG (RM juta) | Diesel (RM juta) | Petrol (RM juta) | LPG (RM juta) |
| MoA | 1,466 | 128 | - | 1,696 | 144 | - | 1,408 | 173 | - |
| KPDNKK | 8,396 | 9,647 | 2,178 | 9,867 | 11,925 | 2,237 | 9,230 | 10,842 | 2,196 |
| **Jumlah** | **9,862** | **9,775** | **2,178** | **11,563** | **12,069** | **2,237** | **10,638** | **11,015** | **2,196** |

d. Daripada aspek pemantauan di peringkat KPDNKK, Bahagian Penguatkuasa bertanggungjawab memastikan undang-undang berkaitan dan melindungi hak pengguna melalui langkah pembanterasan segala bentuk penyelewengan, penindasan dan pencatuan termasuk membendung penyalahgunaan dan penyelewengan minyak bersubsidi.

## 5.2 Isu-isu Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Terhadap Pengurusan Diesel Bersubsidi.

5.2.1 Antara isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN tahun 2007 dan (siri 2) 2012 mengenai Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi di bawah LKIM iaitu:

- LKIM tidak menjalankan penilaian *outcome* pada tahun 2010 sehingga 2012 terhadap Skim Diesel Bersubsidi bagi mengukur sama ada dasar dan program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan dan memberi manfaat kepada

golongan sasar. Bagaimanapun, selepas JAN membuat teguran, LKIM membuat penilaian *outcome* pada tahun 2013.

- Sebanyak 2,002 transaksi jualan diesel bersubsidi yang sepatutnya dijual pada harga RM1.80 per liter kepada *vessel zon C2* telah dijual pada harga Diesel Super Subsidi iaitu RM1.25 per liter. Perbezaan harga ini menyebabkan peningkatan kos (kerugian) kepada Kerajaan sejumlah RM8.14 juta. LKIM memaklumkan perbezaan berlaku adalah akibat salah pendaftaran *vessel*, kesilapan masuk transaksi dan kekeliruan terhadap perubahan harga.

- Penjualan diesel bersubsidi kepada 43 *vessel* melebihi kapasiti tangki sebenar pada satu-satu transaksi iaitu antara 600 hingga 10,500 liter bagi satu *vesel*. Selepas teguran JAN, LKIM telah meminta Jabatan Perikanan Malaysia untuk memasukkan maklumat kapasiti tangki dalam lesen tersebut bagi meningkatkan pemantauan penjualan diesel bersubsidi.

- Penjualan diesel bersubsidi sebanyak 165,474 liter kepada 55 *vessel* melebihi kuota yang telah ditetapkan. Berdasarkan maklum balas LKIM, ini adalah disebabkan kelemahan e-Nelayan Subsidy Management System (e-NSMS) untuk mengambil kira transaksi secara manual apabila *Personal Device Assistant* (PDA) berada dalam mod *offline*.

- Sebanyak 16 atau 18.4% daripada 87 pusat jualan tidak mempunyai alat pengukur manakala 13 pusat jualan atau 14.9% menggunakan alat pengukur seperti kayu, dahan pokok dan pita pengukur untuk menentukan bacaan stok diesel dalam *skid tank*. Ini menyebabkan terdapat perbezaan antara baki stok fizikal dalam *skid tank* dengan baki buku stok diesel bersubsidi yang direkodkan.

- Pusat pengisytiharan menggunakan kod peniaga lain yang berdaftar dalam sistem *e*-Pengisytiharan untuk merekodkan penjualan hasil tangkapan nelayan kepada peniaga yang tidak berdaftar.

- Sebanyak 30 borang pengisytiharan pendaratan ikan untuk belian diesel bersubsidi tidak lengkap.

5.2.2 Antara isu yang dibangkitkan dalam pemerhatian audit tahun 2008 oleh JAN dan UAD KPDNKK serta pemeriksaan mengejut oleh JAN mengenai pengurusan pemberian diesel bersubsidi tambahan bagi sektor pengangkutan darat antaranya seperti berikut:

- JAN tidak dapat mengesahkan sama ada 25 syarikat yang menerima subsidi diesel adalah layak kerana syarikat tidak mengemukakan maklumat yang lengkap semasa permohonan pembekalan minyak secara pukal melalui *skid tank*.

- Kelemahan pengurusan *fleet card* dalam pembelian diesel super subsidi secara runcit seperti berikut:

- permohonan *fleet card* yang diluluskan tanpa mengemukakan dokumen yang lengkap;
- borang permohonan *fleet card* tiada ruang berkenaan maklumat kapasiti tangki;
- sejumlah 24.04 juta liter diesel bersubsidi digunakan oleh kenderaan yang telah tamat tempoh; dan
- pembelian diesel bersubsidi oleh individu dengan menggunakan *fleet card* bukan miliknya.

- Teknologi Nano (*Nano Tag*) dibekalkan oleh Syarikat Teras Kimia Sdn Bhd dengan nilai kontrak RM117.4 juta setahun selama 5 tahun (1 April 2006 sehingga 31 Mac 2011).

  *Nano Tag* berfungsi untuk penandaan terhadap diesel bersubsidi bagi memastikan industri yang layak sahaja menggunakan diesel tersebut.

  Ujian persampelan yang dibuat oleh syarikat ke atas 5,377 sampel dari industri seluruh negara pada bulan Mei 2008 mendapati sebanyak 3,176 sampel atau 59% adalah positif di mana berlaku penyalahgunaan oleh industri yang sepatutnya tidak menggunakan diesel bersubsidi tetapi telah menggunakan diesel bersubsidi.

  Walaupun sampel telah dikenal pasti positif namun tindakan tidak dapat diambil oleh KPDNKK kerana:

  - Kesukaran mengenal pasti kuantiti keseluruhan dalam bekas menyimpan diesel di mana sampel diperolehi.
  - Bukti penyalahgunaan lewat dilaporkan oleh syarikat kepada KPDNKK mengakibatkan

tindakan susulan oleh KPDNKK untuk ujian semula bagi tujuan pengesahan lewat dilaksanakan di mana dalam tempoh kelewatan tersebut diesel telah habis digunakan.

- Penyimpanan diesel bersubsidi dengan yang tidak bersubsidi tidak diasingkan.

## 5.3 Keterangan KSU KPDNKK dan Wakil-Wakil Kementerian.

a. KSU KPDNKK menjelaskan mengenai latar belakang pengagihan diesel bersubsidi dan faktor-faktor yang menyumbang kepada penyelewengan.

### i. Latar Belakang.

- Pemberian diesel bersubsidi bermula pada tahun 1999 iaitu berjumlah RM83 juta. Bagaimanapun jumlah tersebut meningkat sehingga RM9.230 bilion bagi diesel bersubsidi pada tahun 2013. Jika termasuk LPG dan petroleum jumlah keseluruhan adalah berjumlah RM22.68 bilion.

- Pada tahun 2006, *nano tagging* atau penandaan ke atas diesel telah diperkenalkan bertujuan untuk memudahkan penguatkuasaan tentang kebocoran dan ketirisan urusan berkaitan diesel bersubsidi.

### ii. Pengagihan Diesel Bersubsidi.

- Kuota diesel yang telah diluluskan oleh KPDNKK akan disahkan oleh Jabatan Kastam Diraja

Malaysia berdasarkan amaun yang keluar daripada depot.

- Pengagihan diesel bersubsidi dibuat mengikut keperluan yang diminta oleh 5 syarikat minyak seterusnya diagihkan ke stesen-stesen minyak oleh syarikat minyak tersebut. Selepas pengedaran, tuntutan secara bulanan akan dikemukakan kepada MoF berdasarkan kepada penjualan sebenar yang dilakukan oleh syarikat-syarikat minyak berkenaan.

- Kategori penerima diesel bersubsidi adalah kategori kenderaan sendiri, kereta milik individu atau pemilik syarikat (*commercial vehicle)*, lori akan mendapat diesel bersubsidi pada kadar RM2.00 per liter.

- Manakala pengangkutan awam yang menggunakan *fleet card* akan mendapat diesel super subsidi (kadar harga lebih rendah) sebanyak RM1.80 per liter.

- 11 jenis pengangkutan awam yang layak menerima *fleet card* adalah bas sekolah, bas ekspres, bas berhenti-berhenti, bas mini, teksi, van mayat, ambulan dan kenderaan bomba. Pada Januari 2014, sebanyak 41,148 buah kenderaan dan jumlah kuota di bawah *fleet card* yang diluluskan ialah RM48.5 juta.

- Terdapat penurunan untuk *skid tank* tahun 2012 iaitu 377 juta liter kepada 360 juta liter pada tahun 2013 iaitu penurunan sebanyak 4.43%. Ini adalah disebabkan polisi tiada pertambahan kepada *skid tank* untuk kenderaan komersial.

**iii. Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Penyelewengan Diesel Bersubsidi.**

- Perbezaan harga diesel bersubsidi di antara negara Asean iaitu Malaysia sebanyak RM2 seliter, Indonesia sebanyak RM3.45 seliter, Thailand sebanyak RM3.01 seliter dan Singapura sebanyak RM4.46 seliter. Perbezaan harga yang ketara ini boleh menyebabkan berlaku penjualan diesel kepada negara luar.

- Tiada mekanisme untuk membezakan antara minyak diesel bersubsidi dengan industri selepas pemansuhan teknologi nano (*Nano Tag*) pada tahun 2011. Aktiviti penguatkuasaan dijalankan berdasarkan semakan rekod dan dokumen.

- Penggunaan sistem sedia ada tidak menyeluruh yang hanya fokus kepada pendaftaran pembekal diesel bersubsidi tidak termasuk fungsi-fungsi lain seperti *monitoring*.

**iv. Penguatkuasaan**

- Agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan aktiviti penguatkuasaan penyelewengan

dan penyeludupan diesel ialah Bahagian Penguatkuasaan, KPDNKK dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) di sempadan Utara negara, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk penguatkuasaan di laut 12 batu nautika, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam serta juga *task force* oleh agensi sokongan iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Laut, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), RELA dan LKIM.

- Akta yang terlibat adalah Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kastam Penyeludupan dan AMLATFA.

- Semenjak tahun 2011 sehingga 2013, terdapat 1,865 kes dengan nilai rampasan 27.7 juta liter atau RM42.4 juta.

- Antara aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah **Ops Titik** yang bermula pada 15 Mei 2014 sehingga 31 Disember 2014. Objektif Ops Titik adalah untuk membasmi kegiatan jenayah penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi.
  Operasi ini dijalankan secara menyeluruh dengan menyasarkan semua pihak iaitu syarikat, individu dan kawasan panas yang dikenal pasti.
  Selain itu, operasi tentang harga atau Ops Harga dan cetak rompak turut dijalankan. Berikutan

daripada Ops Titik yang dijalankan, sehingga 18 Jun 2014 terdapat 171 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM8.7 juta.

v. **Tindakan Kementerian.**

- Tindakan membekukan pengeluaran kebenaran lesen baru operasi PDA untuk 3,550 peruncit atau *dealers pump station, 918 bunkering* termasuk 865 pemborong seluruh negara sehingga Disember 2014.

- Membatalkan kebenaran lesen PDA dan lesen borong diesel yang beroperasi di jeti-jeti persendirian. Ini melibatkan sebanyak 26 jeti persendirian. Bertujuan bagi mengelakkan diesel bersubsidi disalurkan kepada kapal-kapal luar.

- Penetapan kuota penjualan bahan bakar kepada semua stesen minyak yang berada dalam lingkungan 25 kilometer dari sempadan negara jiran.

**5.4 Keterangan KSU MoA dan Wakil-Wakil Kementerian.**

a. Pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan bertujuan untuk membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung oleh nelayan kesan kenaikan harga minyak.
Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai harga dan bekalan diesel pada 15 September 2005 telah membuat keputusan seperti berikut:

- Syarikat pembekal minyak bersubsidi nelayan adalah Petronas, Shell, Caltex dan BHP;

- Pemborong kepada minyak bersubsidi ini adalah NEKMAT bagi Semenanjung Malaysia, PANESA bagi negeri Sarawak dan Ko-Nelayan bagi negeri Sabah; dan

- Persatuan nelayan kawasan di setiap negeri telah dilantik menjadi peruncit bagi menyalurkan minyak kepada nelayan.

b. Skim ini pada awalnya dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada tahun 1997. Bermula pada tahun 2001, Skim Subsidi diesel meliputi pengangkutan darat, air, *vessel* perikanan dilaksanakan dan diambil alih oleh KPDNKK.

c. Pada 15 September 2005, Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai harga dan bekalan diesel memutuskan Skim Diesel Nelayan diletakkan di bawah MoA.
Skim Subsidi Diesel Nelayan berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia pada 1 Januari 2006 dan diperluaskan di Sabah dan Sarawak pada 1 Jun 2006. Pada masa itu, harga diesel dan petrol bersubsidi nelayan adalah RM1 seliter bagi *vessel* zon A, B dan C, manakala zon C2 pada harga RM2 seliter.

d. Penyaluran bekalan subsidi diesel dan petrol diperolehi daripada 4 syarikat minyak iaitu Petronas, Shell, Caltex dan BHP.

Penyaluran diesel bersubsidi daripada depot ke pusat jualan minyak melalui pemborong yang dilantik menggunakan lori tangki syarikat minyak atau lori tangki persatuan nelayan.

Manakala di pusat jualan runcit, kawalan penyaluran minyak diesel bersubsidi ke *vesel* nelayan adalah melalui sistem *e*-nelayan yang diuruskan oleh persatuan nelayan kawasan di kompleks LKIM dan jeti-jeti pendaratan ikan mengikut kuota *vessel* yang telah ditetapkan.

e. Bagi tahun 2013, nilai subsidi diesel dan petrol yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi sektor perikanan adalah berjumlah RM1.6 bilion.

f. Pembahagian kuota sebanyak 100 juta liter sebulan kepada 4 syarikat pembekal minyak iaitu Petronas, Shell, Caltex dan BHP adalah ditentukan oleh MoF.

Manakala pembahagian kuota kepada pemborong iaitu NEKMAT, PANESA dan Ko-Nelayan adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol nelayan.

Daripada sejumlah 100 juta liter yang diperuntukkan, sebanyak 71 juta liter adalah kuota kepada NEKMAT, 15 juta liter kepada Ko-Nelayan dan 14 juta liter kepada PANESA.

g. Kuota kepada *vessel* nelayan telah ditetapkan mengikut zon tangkapan, perkakasan dan juga *Gross Register Tonnage* atau GRT. Kuota minimum bagi *vesel* adalah 1,000 liter sebulan dan maksimum 24,000 liter sebulan. Penggunaan terbanyak minyak diesel bersubsidi adalah *vesel* pukat tunda zon C2.

h. Sehingga Mei 2014, jumlah keseluruhan *vessel* yang menerima Skim Subsidi Diesel adalah sebanyak 53,086 buah *vessel* dengan kuota 1,000 liter sebulan. Sehingga kini bilangan pusat jualan yang menguruskan pengedaran diesel dan petrol bersubsidi kepada nelayan adalah berjumlah 382 buah pusat. Daripada jumlah tersebut 191 buah merupakan pusat jualan diesel manakala 191 buah juga adalah merupakan pusat jualan petrol. Purata penyaluran oleh pihak Kerajaan terhadap diesel bersubsidi adalah sebanyak 1,200 juta liter setahun. Manakala penggunaan sebenar oleh *vesel* adalah lebih kurang 1,100 juta liter setahun.

i. Mekanisme kawalan, Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan dikawal oleh 3 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Induk Pelaksana Petrol dan Diesel Nelayan yang dipengerusikan oleh KSU MoA.
Kedua, Jawatankuasa *Task Force* yang dipengerusikan Ketua Pengarah LKIM manakala yang ketiga adalah Jawatankuasa *Task Force* Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah LKIM negeri.

j. Pada tahun 2011, terdapat 9 kes tangkapan KPDNKK yang melibatkan penyalahgunaan diesel bersubsidi dan bot nelayan bernilai RM146,318. Pada tahun 2013 hanya 2 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM7,020 manakala pada tahun 2012 tiada kes tangkapan dilaporkan.

k. Daripada segi perbandingan kes yang melibatkan bot nelayan berbanding kes yang dibuat oleh KPDNKK hanya 1% sahaja berbanding kes keseluruhan tangkapan yang

dibuat KPDNKK pada tahun 2011 iaitu 9 daripada 653 kes, manakala perbandingan dari segi nilai hanya 2% daripada jumlah nilai yang telah ditangkap oleh KPDNKK berbanding nilai keseluruhan iaitu berjumlah RM5.36 juta.

l. Antara isu-isu yang dikenal pasti dalam pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan adalah:

- kad perintah *e*-diesel boleh digunakan oleh bukan pemilik;
- pengangkutan minyak oleh lori persendirian;
- alat peranti tidak berkeupayaan untuk membaca kad pengenalan dan tidak boleh mengawal kuota *vessel;*
- pengeluaran minyak bersubsidi tidak selari dengan kuantiti pendaratan ikan nelayan; dan
- kekurangan kakitangan untuk membuat pemantauan peringkat pusat jualan.

m. Bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dinyatakan, MoA melalui LKIM dan NEKMAT serta Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

- penggunaan kad pintar *e*-diesel telah digantikan dengan kad pengenalan bagi mendapatkan bekalan diesel bersubsidi di pusat-pusat jualan bermula 1 Disember 2012;

- mewajibkan penggunaan lori tangki syarikat pembekal berlogo, syarikat minyak dan lori tangki keupayaan persatuan nelayan, berlogo persatuan nelayan; mempertingkatkan keupayaan alat peranti pembimbit

bagi ST4ex kepada IPT300 bagi membolehkan akses melalui kad pengenalan pemilik *vessel* untuk penjualan diesel bersubsidi dan mengawal had kuota setiap *vessel*;

- mewajibkan pengisytiharan hasil tangkapan di pusat-pusat pengisytiharan pendaratan ikan LKIM sebelum pembelian diesel bersubsidi dapat dilakukan oleh nelayan melalui sistem *e*-Pengisytiharan; dan

- 12 pejabat LKIM daerah telah diwujudkan bagi tujuan untuk memudahkan pemantauan dan kawal selia.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

# RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- **Bilangan 24/ 2014 pada Khamis 19 Jun 2014**

# 6. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

6.1 PAC Parlimen dimaklumkan PDNKK bahawa trend jualan diesel bersubsidi telah meningkat dengan begitu mendadak dari 3.03 billion liter pada tahun 2009 sehingga 8.61 billion liter pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak 184%. Peningkatan ini tidak selari dengan jumlah permintaan pengguna industri perikanan dan tiada penjelasan yang diberikan oleh pihak KPDNKK. PAC Parlimen memandang serius perkara ini kerana ia boleh menjurus kepada ketirisan berbillion-billion ringgit kepada Kerajaan.

6.2 PAC Parlimen berpandangan bahawa sistem yang hendak digunakan mestilah mengambil kira keperluan keseluruhan, kategori pengguna kawalan dalaman dan sistem IT juga berupaya untuk memenuhi semua fungsi yang telah ditetapkan. Ini juga akan menutup kelemahan sistem bagi mengelakkan ketirisan.

6.3 Skim pengurusan dan penguatkuasaan segala bentuk subsidi diesel dan petrol tidak berkesan. Antaranya termasuk penggunaan sistem *Nano Tag* untuk penandaan minyak bersubsidi adalah sama sekali tidak berkesan kerana kos perolehan dan pengurusan yang mahal dan tidak diiringi oleh penguatkuasaan undang-undang.

## 7. SYOR PAC PARLIMEN.

7.1 PAC Parlimen berpendapat bahawa fungsi LKIM sebagai agensi pelaksana untuk menyalurkan diesel bersubsidi kepada nelayan perlu dikaji semula untuk diserahkan kepada jabatan lain umpamanya Jabatan Perikanan. Sistem pengagihan diesel bersubsidi perlu dikaji semula secara menyeluruh sama ada ia menepati matlamat untuk meringankan beban kepada rakyat dan kos pengurusannya adalah berpatutan dan pemantauannya boleh mengelakkan daripada berlaku ketirisan dana Kerajaan yang besar.

7.2 Jika Kerajaan mendapati bahawa skim subsidi perlu diteruskan kepada sektor-sektor tertentu, sistem pengagihan diesel bersubsidi ini perlu dirombak secara menyeluruh. Langkah-langkah penambahbaikan secara berperingkat sebelum ini telah gagal untuk mengawal dan mengelakkan ketirisan dan pembaziran. Skim yang bakal dilaksanakan perlu menghadkan jumlah subsidi yang ditanggung oleh pihak Kerajaan seperti melalui baucar nilai terhad kepada setiap pengguna. Ini akan memudahkan pentadbiran, mengurangkan keperluan penguatkuasaan dan mengelakkan daripada penyalahgunaan skim subsidi diesel di mana perolehan diesel melebihi penggunaan yang munasabah.

7.3 MoA terutama LKIM perlu mengenal pasti individu yang terbabit dalam penyelewengan diesel bersubsidi dan mengambil tindakan terhadap mereka.

7.4 Satu mekanisme penandaan terhadap diesel bersubsidi dilaksanakan bagi mengatasi masalah penyelewengan bahan api berkenaan.

7.5 Sistem agihan diesel bersubsidi dikaji semula dan digantikan dengan satu sistem pemberian kepada golongan sasar yang benar-benar layak menerima bantuan.

7.6 Penguatkuasaan perlu dijalankan secara berterusan di seluruh negara bagi mengatasi masalah ketirisan.

7.7 Langkah Kerajaan Sabah menghapuskan Sistem *Barter Trade* seharusnya dicontohi.

7.8 Kementerian hendaklah memperkemaskan prosedur bagi memproses dan meluluskan pemberian diesel super subsidy kepada individu/syarikat yang layak. Bagi syarikat yang terbukti telah beberapa kali melanggar syarat, mereka perlu disenarai hitamkan daripada mendapatkan sebarang kuota.

7.9 *Fleetcard* sepatutnya mempunyai tempoh sah laku dan hanya boleh diluluskan pembaharuannya jika ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk membolehkan Kementerian memastikan bahawa syarikat pengangkutan berkenaan masih layak mendapat diesel super subsidi.

7.10 Aktiviti penguatkuasaan oleh KPDNKK perlu dipertingkatkan. Pegawai Penguatkuasa perlu mengadakan lawatan mengejut dari semasa ke semasa ke premis syarikat pengangkutan yang diluluskan kuota diesel super subsidi untuk memeriksa rekod serta kenderaan yang berkaitan bagi memastikan syarat-syarat kelulusan dipatuhi dan syarikat

berkenaan masih layak mendapat kuota berkenaan atau kelulusan kuota perlu dikaji semula.

7.11 LKIM hendaklah membuat penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi untuk menentukan peruntukan yang dibelanjakan mencapai objektif yang ditetapkan.

7.12 LKIM hendaklah memastikan pusat jualan diesel subsidi bagi zon C2 mengikut harga yang ditetapkan. LKIM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pusat jualan yang telah menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik *vessel* Zon C2.

7.13 LKIM hendaklah membuat penambahbaikan terhadap PDA Personal Digital Assistant supaya memaparkan maklumat kapasiti tangki vesel bagi mengawal penjualan diesel bersubsidi.

7.14 LKIM hendaklah menyemak semula kuota diesel bersubsidi di setiap PNK dan memastikan pengagihan adalah mencukupi berdasarkan penggunaan bulanan setiap zon.

7.15 LKIM hendaklah memastikan PNK membuat pemeriksaan stok fizikal diesel bersubsidi pada setiap hari dengan menggunakan alat pengukur yang bersesuaian.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

# AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- **Bilangan 24/ 2014 pada Khamis 19 Jun 2014**

Lampiran A

# MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BIL 24/2014 PADA KHAMIS 19 JUN 2014 DI BILIK JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN

| TARIKH / HARI / MASA | PERKARA | KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT |
|---|---|---|
| 19 Jun 2014<br>(Khamis)<br><br>11.00 pagi | 1. Penyelewengan dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi | 1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan<br><br>2. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani |

# LAPORAN PROSIDING

- Bilangan 24/ 2014 pada Khamis 19 Jun 2014

Bil. 24

Khamis
19 Jun 2014

MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Mengenai:**

**Penyelewengan dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi**

- Kementerian Perdagangan Dlm Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani

**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**
**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,**
**PARLIMEN MALAYSIA**
**KHAMIS, 19 JUN 2014**

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

**Hadir**
Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*
Y.B. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
Y.B. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
Y.B. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
Y.B. Datuk Chua Tee Yong [Labis]
Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]

**Tidak Hadir *[Dengan Maaf]***
Y.B. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
Y.B. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

## URUS SETIA

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa [Pegawai Penyelidik, Parlimen]
Encik Ahmad Johan

## HADIR BERSAMA

**Jabatan Audit Negara**
Y.Bhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Puan Ong Swee Leng [Pengarah (Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Encik Toha bin Sharif [Timbalan Pengarah (Sektor Badan Berkanun Persekutuan)
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan I]
Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah]
Puan Nadia binti Abd Halim [Penolong Juruaudit]
Encik Zakaria bin Md. Alip [Penolong Juruaudit]
Puan Suzana binti Mohamad Azman [Penolong Juruaudit]

## HADIR BERSAMA

**Kementerian Kewangan**
Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian]

**Jabatan Akauntan Negara**
Puan Maslina Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**
Encik Mohd Azraie bin Harun [Ketua Unit Integriti JPA]

**Unit Perancang Ekonomi**
Encik Allauddin Anuar [Timbalan Ketua Pengarah]

## SAKSI

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan**
Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad [Ketua Setiausaha]
Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]
Encik Abu Samah bin Ahabudin [Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri]
Encik Mohd Roslan bin Mahayudin [Pengarah Bahagian Penguat kuasa]
Encik Abdul Halim bin Pakri [Pegawai Penguat kuasa Bahagian Penguat kuasa]
Encik Asaari bin Zainudin [Sekretariat Majlis Harga Barang Malaysia]
Puan Syahriah binti Samsudin [Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri]
Puan Tay Lee Ly [Pegawai Undang-undang]
Encik Mohd Abdul Kadir bin Darail [Ketua Penolong Pengarah (Parlimen dan Kabinet)]

**Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani**
Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah [Ketua Setiausaha]
Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah [Ketua Pengarah, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia]
Encik Azini bin Mohd Shahid [Setiausaha Bahagian, Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan]
Puan Syahrizad binti Mahpar [Ketua Penolong Setiausaha]
Encik Othman bin Latiff [Timbalan Pengarah (LKIM)]
Cik Umi Kalsom binti Amran [Penolong Pengarah (LKIM)]
Puan Liyana binti Mohd Rafek [Penolong Setiausaha]
Tuan Haji Ismail bin Haji Ayub [Pengurus Besar]
Puan Dahara Paro [Pegawai Tadbir]
Tuan Haji Yusof bin Haji AG. Besar [Penolong Pengurus Besar]
Encik Salem bin Benga [Pegawai Ehwal Ekonomi]
Encik Hisyam bin Lisika [Eksekutif Pemasaran]

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA**

**KHAMIS, 19 JUN 2014**

**Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.19 pagi**

[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**Tuan Pengerusi:** Kuorum sudah cukup ya. Tiga orang. [Ketawa] Jadi, selamat pagi saya ucapkan kepada...*[Disampuk]* Okeylah. *No, we start first then they can come and join.* Selamat pagi saya ucapkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, Datuk Haji Anwari dan pasukan daripada Jabatan Audit Negara, wakil-wakil kementerian. Selamat pagi dan selamat datang ke Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara kita pada pagi ini khusus untuk membincangkan mengenai masalah penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi.

**■1120**

Kementerian dan jabatan yang terlibat adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi, pada pagi ini sebenarnya saya hendak maklumkan bahawa PAC memanggil kedua-dua kementerian mengenai isu ini adalah kerana SPRM Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah mengambil tindakan dengan mendakwa pegawai LKIM Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia kerana menerima rasuah. Isu ini perlu kita halusi dan pastikan bahawa bukan sahaja di LKIM tetapi di keseluruhan pengguna sistem subsidi ini dan juga pengurus sistem subsidi ini tidak akan berlaku ketirisan dan juga kejadian rasuah.

Pada hari ini sebenarnya fokus kita ialah kepada meneliti sistem subsidi diesel ini, apakah struktur pengurusannya? Apakah *internal control* yang dipakai dan apakah bentuk penguatkuasaan yang dipakai oleh...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Apa dia Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu? Yang dipakai oleh kedua-dua kementerian ini untuk memastikan bahawa kejadian ketirisan rasuah tidak berlaku lagi pada masa-masa akan datang. Jadi, sebelum itu saya hendak minta Datuk Haji Anwari daripada Jabatan Audit Negara untuk memberikan kita sedikit penerangan dan juga sebagai satu *foundation,* asas untuk kita bertanya soalan kepada kedua-dua wakil kementerian sekejap lagi. Terima kasih.

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang

Negara (PAC), Yang Berhormat Dato' Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan, Setiausaha PAC, pegawai kanan daripada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan *team* Audit daripada Jabatan Audit Negara.

Yang Berhormat, kami daripada Jabatan Audit Negara akan memberikan maklumat ringkas mengenai polisi, struktur serta isu-isu hasil pengauditan mengenai kelemahan-kelemahan kawalan dalaman dan pemantauan subsidi, diesel dan petroleum. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 terhadap KPDNKK dan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2007 dan 2012 siri 2, LKIM.

Dari segi polisi subsidi diesel dan petroleum di peringkat Kementerian Kewangan, urusan pemberian subsidi diesel dan petroleum terletak di bawah Jawatankuasa Dasar Fiskal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di KPDNKK polisinya penggubalan dasar dan strategi berkaitan dengan pembangunan perdagangan pengedaran dalam negara, diletakkan di bawah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, KPDNKK. Bahagian ini juga antara lain mengawal selia harga perdagangan terhadap barang-barang perlu, pelesenan, kawalan pengeluaran, pengedaran dan penjualan barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1991 serta pemberian diesel bersubsidi.

Di peringkat LKIM, polisinya pada 15 September 2005, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga dan Bekalan Diesel telah memutuskan pelaksanaan dan pemantauan Skim Diesel Bersubsidi untuk nelayan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui LKIM. Pada 1 Januari 2006, LKIM telah melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi untuk nelayan di Semenanjung Malaysia manakala di Sabah dan Sarawak pada 1 Jun 2006.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga dan Bekalan Diesel telah memutuskan pemborong diesel bersubsidi dipertanggungjawabkan kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PANESA), Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Negeri Sabah (Ko-Nelayan) manakala Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) merupakan peruncit Skim Diesel Bersubsidi. Dari segi struktur subsidi diesel dan petroleum, kita lihat di sana Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan pembayaran subsidi, meluluskan syarikat pembekal dan harga. Agensi yang dipanggil pada hari ini KPDNKK, kelulusan lesen penguatkuasaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai pengerusi dan urus setia jawatankuasa dan agensi-agensi lain seperti agensi penguatkuasaan Kastam, Agensi Penguatkuasaan Maritim.

Jabatan Perikanan Malaysia melesenkan *vessel* dan penguatkuasaan. Begitu di negeri-negeri, melesenkan perkakasan menangkap ikan di Sabah dan Jabatan Laut Sabah. Manakala LKIM yang dipanggil pada hari ini meluluskan kad e-Nelayan mendaftarkan pusat jualan dan mengesahkan tuntutan syarikat pembekal. Ini dari segi *structure* dan fungsi. Okey, kita lihat dari segi *financial* mungkin tidak berapa nampak sangat. *So,* ada tiga perkara yang hijau di sana. *[Merujuk slaid pembentangan]* Subsidi bagi diesel tahun 2011 RM46 juta. Tahun 2012, RM603 juta, tahun 2013 sebanyak RM757 juta dan jumlah untuk subsidi diesel RM1.4 bilion. Manakala subsidi bagi LPG, sebenarnya dia bercampur untuk tahun 2011 dan 2012 itu. Cuma tahun 2013 dapat diasingkan RM391 juta.

Ketiga, subsidi bagi petroleum tahun 2011 sebanyak RM19.9 bilion, tahun 2012 sebanyak RM23.8 bilion dan tahun 2013 sebanyak RM22.04 bilion. Jikalau kita lihat graf di bawah ini, jumlah keseluruhan tahun 2011 sebanyak RM20 bilion, tahun 2012 sebanyak RM24.42 bilion dan tahun 2013 berkurangan sedikit RM23.2 bilion.

Dari segi proses kerja, pembayaran subsidi kita lihat di sanalah dia punya *flow*, boleh lihat dalam fail. Dari segi aspek pemantauan di peringkat KPDNKK, Bahagian Penguat Kuasa bertanggungjawab memastikan undang-undang yang berkaitan dan melindungi hak pengguna melalui langkah pembanterasan segala bentuk penyelewengan, penindasan dan pencatuan termasuk membendung penyalahgunaan dan penyelewengan minyak bersubsidi.

Pemantauan subsidi diesel di LKIM, kita dapat lihat peringkat-peringkatnya, peringkat kementerian, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan, peringkat ibu pejabat LKIM, Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Subsidi. *So,* kita dapati ada kelemahan dari segi bilangan mesyuarat di sinilah. Kemudian di peringkat LKIM negeri, Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi peringkat LKIM negeri.

Hasil pengauditan, daripada tiga kajian yang kita jalankan pada tahun 2008, 2007 dan 2012, kita akan bincang satu persatu. Hasil lawatan baru-baru ini kami ke lokasi penempatan barang-barang rampasan di Nilai. Mungkin elok tunjuk gambar dulu. *[Merujuk slaid pembentangan] Slide* 52. *So,* KPDNKK mempunyai 80 lokasi untuk meletakkan barang-barang rampasan di 15 buah negeri di Malaysia.

**■1130**

71% daripada lokasi tersebut disewa sementara dan selebihnya milik KPDNKK. Sebuah bangunan kompleks yang dimiliki sendiri oleh KPDNKK terletak di Nilai 3, Seremban. Kita dapati keluasan kawasan empat ekar dilengkapi dengan satu bangunan pentadbiran serta kawasan luas bagi penempatan barangan rampasan. Ini adalah gambar lokasinya. *So* berlaku kesesakan dalam kompleks penyimpanan tersebut yang tidak dapat menampung sebagai tempat penyimpanan barang-barang kes kerana kemasukan barang-barang baru yang banyak.

Terdapat barang-barang kes seperti lori minyak yang ditahan kerana menjalankan aktiviti penyeludupan diesel terpaksa diletakkan di luar kawasan simpanan yang dikawal. Di antara punca berlaku kesesakan di sini barang rampasan yang disimpan sehingga melebihi lima tahun kerana kes belum selesai dan tiada satu dasar yang menetapkan tempoh penyeludupan barang rampasan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Jadi Datuk *enforcement* ini jalanlah. Tangkap, tangkaplah. Barang dirampas, rampaslah. Akan tetapi pendakwaan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Proses pendakwaan itu yang nanti kita akan bincangkan.

**Tuan Pengerusi:** Adalah?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *Backlog.* Kita cubalah melihat status terkini dengan membuat *spot check* di Nilai 3 ini. Seterusnya saya jemput secara *detail* kajian KPDNKK walaupun laporan ini tahun 2008 tapi masih relevan pada kes masa kini.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah, Sektor Kerajaan Persekutuan]:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Datuk Haji Anwari serta wakil-wakil kementerian. Izinkan saya untuk membentangkan berkaitan dengan kajian terhadap pemberian subsidi tambahan bagi sektor pengangkutan darat. Untuk makluman, yang telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008, sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli PAC, kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pemberian subsidi ini adalah atas permintaan kementerian supaya Jabatan Audit Negara menilailah berkaitan dengan pelaksanaan itu. Sebab itu sebenarnya kita lapor secara ringkas sahaja dalam laporan tersebut tidak secara *detail* sebagaimana laporan-laporan biasa kerana ianya dibuat atas permintaan kementerian sendiri.

Dalam melaksanakan kajian ini ada tiga perkara isu utamalah yang telah kita bangkitkan berkaitan dengan ini. Pertama berkaitan dengan isu *skid tank* iaitu pembekalan minyak secara pukal melalui *skid tank. So* isu yang kita temui berkaitan dengan isu *skid tank* ini adalah pihak Jabatan Audit tidak dapat mengesahkan sama ada syarikat-syarikat yang layak untuk menerima subsidi di samping pemilihan juga tidak dapat dikesan. Maksudnya di sini kita tidak dapat mengesahkan sama ada syarikat-syarikat yang menerima subsidi tersebut adalah benar-benar layak. Okey, semakan juga kita dapati...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Apa kategorinya untuk melayakkannya?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ada beberapa syarat yang melayakkan kenderaan-kenderaan tersebut untuk menerima subsidi. Macam bilangan kenderaan yang digunakan untuk melayakkan. Ada syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kelulusan diberikan oleh MOF, bukan?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *No.*

**Tuan Pengerusi:** Oh! Bukan?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Oleh KPDNKK.

**Tuan Pengerusi:** Rajah sembilan, *page* lima tadi kata MOF beri kelulusan, bukan? Menyediakan peruntukan pembayaran subsidi dan meluluskan syarikat pembekal dan harga. Meluluskan syarikat pembekal dan harga, itu apa maknanya? *Supplier,* ya? Betul, *that's mean how come* ada syarikat yang tidak diaudit?

**Datuk Chua Tee Yong:** ...Menerima yang tidak layak. Pembekal *is supplier maybe Shell, Petronas and etc I don't know.* Betulkan?

**Tuan Pengerusi:** Tidak, penerima *is the* syarikat pembekal subsidi.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Lesen memang dikeluarkan oleh KPDNKK.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi syarikat yang akan membekalkan ini diluluskan oleh MOFlah?

**Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau ikut pada yang kita dapat, Kementerian Kewangan meluluskan syarikat yang memang sudah *approve* boleh jadi pembekal tetapi untuk mendapat lesen subsidi itu *through* KPDNKK. *License* untuk melayakkan dia dapat minyak diesel subsidi itu. Ya, betul. Akan tetapi pembayaran semua...

**Tuan Pengerusi:** Tidakkah pelik itu MOF sudah lulus tetapi lesen belum keluar lagi. Terbalik dia punya prosedur. Patutnya KPDNKK lulus dahulu baru MOF luluskan terus dan keluarkan *payment*.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Untuk makluman macam yang kita katakan tadi, ini berlaku tahun 2008 lagi. *So* apa yang berlaku berasaskan pada laporan. Kita tidak dapat semak *working paper* berkaitan. Itu sahaja. *Working paper* tentang kajian ini kita tidak dapat semak.

**Tuan Pengerusi:** Prosedur ini sejak daripada mula-mula *start* dahululah?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya. Benda ini apa yang dilaporkan sekarang ialah pada tahun 2008. Maksudnya tahun 2008 punya laporan yang kita laksanakan dalam tahun 2009 ini...

**Tuan Pengerusi:** Ini satu soalan yang kita boleh tanya mereka nantilah sama ada perkara ini masih berlaku atau tidak, okey.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Sebagai contoh di sini mengapa kita kata kita dapat sahkan, kita dapat mengesahkan yang daripada kita semak 71 buah kenderaan yang dimohon untuk mendapatkan lesen tersebut, 71 buah kenderaan itu adalah yang tidak layak.

**Datuk Chua Tee Yong:** *Sorry*, ya. Lampiran satu yang kita lihat tadi, semua syarikatkah atau ini *sample* sahaja?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *Sample.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Sample* sahaja? Sebenarnya jumlahnya syarikat ada berapa? Tidak tahu, ya?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak tahu.

**Datuk Chua Tee Yong:** *Nolah, because they are doing based on previous* punya *I understand. I am just trying to ask. I hope you don't mind.*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Kalau kita tengok lampiran satu di sini ada 51 buah syarikat yang tidak layak.

**Tuan Pengerusi:** Encik Abdul Rashid, biar tepat Encik Rashid. Ini imej Jabatan Audit Negara ini. You tidak boleh anggar macam semalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. *[Ketawa]*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Okey, apa yang saya maksudkan kita temui 71 buah kenderaan yang telah tamat tempoh. Maksudnya di sini apabila kenderaan-kenderaan yang telah tamat tempoh pada kita adalah kenderaan yang tidak layak mendapat subsidilah. Terdapat enam buah kenderaan yang diberi lesen bersubsidi sepatutnya yang tidak layak menerima dan juga di tahap keselamatan. Itu isu berkaitan dengan isu *skid tank* yang kita laporkan pada masa itu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *Yes*, tahun 2008.

**Tuan Pengerusi:** *The reason is* – kalau hendak dibandingkan dengan keadaan dahulu dengan keadaan sekarang, ada atau tidak perbezaan?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Isu yang kedua adalah berkaitan dengan *fleet card* iaitu pembelian secara runcit yang mana kita beri kad untuk pembelian minyak bersubsidilah. Apa yang kita dapati adalah permohonan *fleet card* yang diluluskan tanpa mengemukakan dokumen-dokumen penting yang perlu dikemukakan untuk memohon *fleet card* - tidak lengkap, borang-borang permohonan *fleet card* tiada ruang maklumat kapasiti tangki. Oleh itu maklumat tersebut tiada dalam sistem.

**■1140**

Dalam tempoh Januari hingga Mei 2008 sebanyak 24.04 juta liter diesel subsidi telah digunakan untuk kenderaan yang telah tamat tempoh cukai jalan. Pihak Audit juga mendapati diesel bersubsidi juga telah dibeli oleh individu dengan menggunakan *fleet card* yang bukan miliknya, maksudnya, ada kenderaan-kenderaan yang bukan miliknya. Itu berkaitan dengan...

**Tuan Pengerusi:** Jadi, ada dua isu. Satu, untuk audit pun susah sedikit, pasal apa, kapasiti tangki lori itu tidak dinyatakan. Jadi, maknanya dia tak boleh buat. Selalunya buat *cost reference* balik maklumat-maklumat dalam kertas dengan maklumat yang sebenar.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Pasal apa, tangki itu dia boleh isi ikut suka dia. Kalau dia bawa tangki yang lebih besar daripada had yang dinyatakan, dia boleh ambil diesel lebih lagi.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Okey, isu yang ketiga adalah berkaitan dengan *nanotag* iaitu penandaan minyak diesel bersubsidi. Untuk makluman, untuk *nanotag* ini adalah satu konflik yang telah ditandatangani antara kerajaan dengan sebuah syarikat iaitu Syarikat Teras Kimia untuk membuat penandaan terhadap minyak-minyak bersubsidi. *So,* kontrak bernilai RM117 juta ditandatangani dengan syarikat untuk tempoh lima tahun bagi mereka membuat penandaan terhadap minyak-minyak bersubsidi.

Ekoran daripada itu, isu-isu yang kita bangkitkan berkaitan dengan perkara tersebut adalah kesukaran mengenal pasti kuantiti keseluruhan dalam bekas penyimpanan diesel di mana sampel diperolehi. tiada bukti dari segi persampelan terhadap minyak-minyak yang dibekalkan adalah perbezaan antara minyak bersubsidi atau bukan bersubsid dan juga penyimpanan diesel bersubsidi dengan yang tidak bersubsidi tidak diasingkan. Unit kawalan bahan petroleum *nanotag* di ibu pejabat mewujudkan satu sistem dan sehingga kini tiada perjawatan khusus dipohon untuk tujuan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Tak, saya tak faham. *You* kata pakai *nanotag* tetapi *nanotag* itu tidak boleh bezakan antara diesel bersubsidi dengan diesel yang tidak bersubsidi?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Susah untuk pembuktian. Maksudnya di sini, bila diambil tindakan mahkamah, hendak membuktikan *because* katakan dia beli minyak daripada, memang dia ada tanda. Akan tetapi hendak membuktikan dia beli daripada siapa itu, perkara-perkara macam yang itu. *[Disampuk]* Ya, ya. Itu kelemahan. Sebenarnya banyak kes saman yang telah dikeluarkan tidak boleh diambil tindakan mahkamah kerana untuk hendak membuktikan yang minyak itu betul-betul – memang dia perolehi minyak itu dari situ tetapi punca dia dapat itu. Itu jadi masalah.

**Tuan Pengerusi:** Apa gunanya?

**Datuk Chua Tee Yong:** Kerana *nanotag* dia *general.* Dia tak *identify by* kedai.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *No.*

**Datuk Chua Tee Yong:** Dia *nanotag,* semua *nanotag.* Dia tak ada macam *identify from* kedai Lim kah, kedai Gan kah, tak adalah?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *So,* apa yang saya difahamkan, cara *nanotag* ini adalah semua depot yang ada ini, pihak syarikat yang mendapat kontrak ini akan pergi membuat penandaan di minyak. Seterusnya, setiap tahun syarikat ini kena pergi ke kilang-kilang untuk ambil sampel minyak dan membuktikan bahawa minyak yang digunakan adalah minyak yang tidak bersubsidi.

**Tuan Pengerusi:** Untuk saya ini, satu cerita besar lagi ini. Kenapa kerajaan beli *nanotag* ini? Kalau *nanotag* ini dia tak ada... *[Disampuk]* Dia tak boleh menandakan dan membezakan. Maknanya macam *nanotag* ini dia taruh, dia tak ada *marking. Bar code* pun ada *marking,* ada kalau *scan* itu dia boleh nampak dia punya perbezaan nombornya.

**Datuk Chua Tee Yong:** *You decide... Not you, someone else decided to supply and someone else decided – They cannot identify which is station A or station B but they know it is* minyak subsidi, betul?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya, ya. Akan tetapi kita tak boleh *charge base on* minyak subsidi, *you* beli salah, tak boleh? Dia mesti tahu *source?*

**Tuan Pengerusi:** *No, no, what we are talking about is this, nanotag* itu kalau boleh, *you* boleh *separate* kan ikut negeri, ikut stesen minyak yang ada. *You just put* macam *bar code. Bar code have different number. So, when you tag the* barang, *the bar code has got a different number for another* barang. *So, this nanotag* maknanya *is just* macam *marker* sahajalah letak.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tak, sebenarnya dia *liquid,* kena masuk dalam minyak tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Tak, bukan. Soalan saya begini, kenapa kementerian beli barang yang tak difikirkan dahulu dia punya kegunaan? Itu maksud saya.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi:** Kalau benda itu difikirkan secara kegunaan daripada mula sampai habis, difikirkan bahawa benda ini boleh berlaku atau tidak? *Nanotag* ini akan berkesan kalau keadaan berlaku atau tak? *A proper due diligence*, tak buat. Jadi maknanya...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Mungkin kita boleh tanya...

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, maknanya sistem ini pun dibeli tanpa memikirkan ataupun tanpa dibuat *due diligence* dan sebagainya dan terus beli. *Hundred millions* habis. Selepas itu *abandon.*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Cuma, sekarang sudah tak ada.

**Tuan Pengerusi:** Kenapa beli kalau tak fikirkan pasal kegunaannya dulu? Itu pun kita kena tanya juga. Sama ada mereka beli ini, main beli tanpa buat *due diligence* yang ketat tentang penggunaan *nanotag* ini supaya berkesan.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Itu sahaja kajian berkaitan dengan KPDNKK dan kemungkinan Puan Nor akan membentangkan berkaitan dengan dua kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan LKIM.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum itu saya hendak tanya, struktur sistem yang dipakai sekarang ini oleh KPDNKK ini, ada penambahbaikan yang boleh dicadangkan oleh Audit tak?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Selepas yang kita buat tahun 2008 kita tak audit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi maknanya ulasan mengenai sistem yang dipakai sekarang ini oleh pihak Audit itu, ada tak komen-komen lain yang kita boleh guna pakai?

**Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah]:** Tuan Pengerusi, kita ada buat syor juga untuk penambahbaikan. Jadi, kalau tengok di *slide* di syor yang terakhir sekali itu kita ada sebut kementerian perlu mengemaskinikan prosedur, memproses dan meluluskan pemberian diesel super subsidi kepada individu syarikat yang layak. Kemudian, dicadangkan juga agar disenaraihitamkan bagi syarikat yang melanggar syarat. Kemudiannya *fleet card* sepatutnya ada tempoh sah laku, itu cadangan untuk penambahbaikan dan hanya boleh diluluskan pembaharuannya jika ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk membolehkan kementerian memastikan bahawa syarikat pengangkutan berkenaan masih layak mendapat subsidi, Tuan Pengerusi.

Kemudian, ada dua lagi cadangan penambahbaikan iaitu pengambilan sampel bagi ujian diesel. Akan tetapi sebab kita sudah habis *nanotag* itu tak ada, Cuma di ketika itulah, tahun 2008 dicadangkan supaya pengambilan sampel bagi ujian diesel bersubsidi dengan kaedah *nanotag* itu dibuat secara *on-site* sahaja memandangkan hasil ujian *off-site* yang memang dilaksanakan *through off-site* itu mempunyai beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan ketepatan ujian. Kemudian...

**Tuan Pengerusi:** Soalan saya begini, perlu tak sistem subsidi ini diteruskan? Kalau struktur untuk mewujudkan subsidi ini orang kata *complicated* sangat dan susah hendak buat penguatkuasaan dia dan kosnya pula tinggi. Bukan? Lebih baik kita tak payah bagi subsidi dan duit itu dipakai, disalurkan terus kepada mereka yang memerlukannya. Itu maksud saya, bukannya pasal kalau kita buat sistem tetapi sistem itu rumit hendak kontrol susah, kos tinggi kuat kuasa bukan? Jadi adakah pihak Audit rasa sistem ini boleh diteruskan? Kalau boleh teruskan, apakah penambahbaikannya ataupun sama ada sistem ini perlu dikaji semula, sama ada perlu atau tidak?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Cuma Tuan Pengerusi, mungkin ini berkaitan dengan dasar. Kita rasanya kita tak...

**Tuan Pengerusi:** Bukan. Dasar kerajaan hendak teruskan, kerajaan teruskan tetapi dari segi pengurusan, *internal control*, dari segi penguatkuasaan bukan? Kita pun kena tengok juga sama ada apa yang dirancang ini semua menyebabkan dasar itu berkesan atau tidak. Oleh kerana macam saya katakan tadi, pembelian *nanotag* itu sendiri dibuat tanpa memikirkan dia punya keberkesanan, hendak kesan penyeludupan diesel. Akhirnya kata, *nanotag* itu sendiri walaupun boleh tangkap orang itu jual diesel atau seludup diesel atau lain-lain. Akan tetapi hendak dakwa kedai mana yang jual itu tak boleh

pasal *nanotag* itu tak boleh membezakan kedai dan dari mana sumber datang *supply* diesel itu. Dan akhirnya *scrap* NanoTag itu. Kerajaan sudah belanja RM115 juta.

■1150

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa Tuan Pengerusi mungkin soalan ini bagi Audit ada sedikit *not very fair* sebab bagi Audit mereka buat Audit mengenai dasar kerajaan dan memang banyak jenis dasar yang boleh dilaksanakan untuk melaksanakan subsidi diesel, petrol dan lain-lain.

Saya rasa antara perkara yang terbangkit dalam isu ini adalah perkara pemantauan dan penguatkuasaan pegawai kerajaan dalam Kementerian Pertanian, dalam kementerian-kementerian yang lain. *So* saya rasa tumpuan kita sepatutnya pada pihak yang sepatutnya menguatkuasakan dan tidak berbuat begitu yang menyebabkan ketirisan yang berlaku seperti yang dilaporkan dalam Audit.

Sama ada dasar sesuai atau tidak sesuai saya rasa ini *something that PAC our self will decide and then the government have to make the decision. A bit unfair for Audit to ...*

**Tuan Pengerusi:** *My point, my opinion because the* dasar *is there. The mechanism is being put in place. I'm questioning whether the mechanism to is the internal control are in place, goods internal control. Because if the system is not good and full of loop holes their job is meaningless because loop holes will allow future cases of wastage and* ketirisan *to happen.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Impossible loop holes...*

**Tuan Pengerusi:** *That's why I'm asking them. Did you look at the total mechanism to implement this* dasar. *Whether any improvement can be made to the internal controls, to the structure. So that management of the whole scheme can be easier and close the loop hole.* Itu maksud saya.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *So* Yang Berhormat mungkin secara *overall* kita pun ada buat analisis daripada trend 2008. Semasa Audit Report itu sebenarnya banyak lagi isu-isu *internal control, monitoring. So* bila kita dapati berapa penambahbaikan dibuat *so* ada beberapa isu saya telah *drop* pasal sudah ambil tindakan.

Namun dari segi aspek apa yang berlaku dari segi *monitoring* kita perlu lihat kembalilah keberkesanannya. *So* kita dapati banyak cabaran-cabaran yang baru mendatang yang perlu difikirkan strategi baru oleh pihak yang berkuasa. Saya tidak masukkan tadi *team* 3P Projek di bawah Peguam Negara di mana staf juruaudit kita pun terlibat sama pun ada meninjau dan melihat kepada aspek subsidi petroleum, ketirisan yang berlaku. *So* itulah langkah-langkah yang berlaku.

**Tuan Pengerusi:** Apa benda itu Jawatankuasa 3P itu?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** 3P ini untuk mendapatkan hasil negara mencapai *target* RM3 bilion. *So* contoh di Kastam kita lihat ketirisan, apa kekurangan, siapa yang tidak bayar. Kita mengesan bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri termasuklah isu petroleum inilah.

Jadi soal *internal control* tadi sistem komputer perlu dipertingkatkan. Hasil perbincangan saya dengan pegawai-pegawai penguat kuasa sendiri di pejabat saya kekurangan anggota pun salah satu perkara yang telah diutarakan oleh kita.

**Tuan Pengerusi:** Mereka tidak boleh buat *multitasking? Key in data* dengan buat kerja biasa.

**Datuk Haji Anwari bin Suri :** *So* hasil lawatan kami ke Seremban 3 pun ...

**Tuan Pengerusi:** Saya pun terperanjat apabila polis kata dia simpan senjata masih pakai manual lagi. *So* dalam hal ini KPDNKK dia uruskan subsidi diesel ini memang pakai komputer, pakai sistem yang betul atau masih lagi pakai manual bertulis? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Itu boleh tanya. Sebenarnya dalam dokumen yang telah diberi, Unit Audit Dalam mereka telah menjalankan siasatan terhadap banyak perkara soal *internal control* dan sebagainya. *So* kita dapat *trace* dia tidak masuk dalam ini. Banyak isu *leaking on* sistem komputer.

**Tuan Pengerusi:** *So that why we want you to tell us now.* Kalau ada apa penambahbaikan yang boleh dibuat. *So* sistem IT itu satu perkara yang perlu ditekankan. Okey.

**Puan Ong Swee Leng:** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia, Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, wakil-wakil kementerian dan jabatan, Yang Berbahagia Datuk Anwari Timbalan Ketua Audit Negara, tuan-tuan dan puan-puan.

Berkaitan dengan kajian Audit terhadap diesel, badan berkanun telah pun menjalankan dua kajian iaitu pengurusan subsidi diesel di bawah LKIM iaitu untuk nelayan pada tahun 2007 dan 2013 yang dilaporkan dalam Laporan Audit ini yang *latest* dilaporkan dalam tahun 2012 siri 2.

Kajian yang dijalankan pada tahun 2012 dan tahun 2013 ini juga menunjukkan kelemahan-kelemahan yang telah pun dibangkitkan dalam tahun 2007 iaitu berulanglah. Skim subsidi ini untuk nelayan ada beberapa tujuan atau objektif iaitu skim sama ada skim itu sampai kepada golongan sasar iaitu untuk meringankan beban nelayan dan wujudnya satu sistem kawalan diesel yang bersubsidi serta untuk meningkatkan bekalan ikan negara dengan menggalakkan nelayan keluar menangkap ikan. Skim subsidi melantik pembekal, pemborong dan peruncit di mana ada persatuan-persatuan yang terlibatlah di bawah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Untuk syarat kelayakan, dokumen berkaitan dengan *vessel. Vessel* mesti dalam keadaan baik dan selamat digunakan dan *vessel* hendaklah didaftar dengan Jabatan Perikanan, Jabatan Laut Sabah atau dengan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah. Skim ini diberi kepada *vessel-vessel* yang merupakan Zon A, Zon B, Zon C dan Zon C2. Okey yang ini akan menetapkan harga subsidi yang akan diberi. Kalau zon A, B C subsidi yang diberi atau harga yang untuk diesel RM1.25, untuk C2 RM1.80.

Saya akan bentangkan isu-isu berkaitan dengan Audit semasa yang dibangkitkan semasa kajian yang dijalankan pada tahun 2013. Saya akan merujuk kepada kajian yang selepasnya. Isu yang pertama yang dibangkitkan oleh Audit adalah berkaitan dengan LKIM tidak menjalankan penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi bagi mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan dan memberi manfaat kepada golongan sasar. Mengikut maklum balas, LKIM akan melaksanakan nilai *outcome* itu dalam tahun 2013.

Isu yang kedua adalah berkaitan dengan *2,002 transaction* jualan diesel yang sepatutnya dijual pada harga RM1.80 per liter kepada *vessel* Zon C2 telah dijual pada harga diesel super subsidi dengan RM1.25 per liter dan perbezaan harga itu telah pun menyebabkan peningkatan kos kepada kerajaan

sejumlah RM8.14 juta. Mengikut maklum balas yang diterima antara sebab perbezaan berlaku adalah salah pendaftaran *vessel*, salah masuk *transaction* dan kekeliruan terhadap perubahan harga.

Isu ketiga adalah berkaitan dengan penjualan diesel bersubsidi kepada 43 *vessel* melebihi kapasiti tangki antara 100 hingga 10,500 liter dan isu ini pernah dibangkitkan dalam kajian yang lepas pada tahun 2007.

**■1200**

Di sini LKIM telah pun meminta Jabatan Perikanan Malaysia memasukkan maklumat kapasiti tangki dalam *license vessel* tersebut untuk mengelakkan lebihan penjualan diesel. Keempat adalah berkaitan dengan jualan diesel bersubsidi kepada 55 *vessel* sebanyak 165,464 liter melebihi kuota yang ditetapkan. Itu pun mengikut maklum balas LKIM, tindakan telah diambil dan ini merupakan kelemahan dalam sistem *e-Nelayan Subsidy Management System* (eNSMS) untuk mengambil kira *transaction* secara manual bila PAD *offline*.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya sistem dia membenarkan pengguna untuk beli *even though above* mereka punya kuota?

**Puan Ong Swee Leng:** *Yes.* Bukan sistem, *it is because the system, when it was offline the system is not functioning, so* nelayan *can still do the transaction.*

**Tuan Pengerusi:** *Wait, wait. What system is not functioning? Computer system?*

**Puan Ong Swee Leng:** *When they offline, they do not have the...*

**Tuan Pengerusi:** *Yes but you still can write manually, what?*

**Puan Ong Swee Leng:** *Yes they can but you cannot trace it to the system how much you have bought already…*

**Tuan Pengerusi:** *This one system breakdown on purpose or what?*

**Puan Ong Swee Leng:** *Sometimes no line.*

**Tuan Pengerusi:** Ha?

**Puan Ong Swee Leng:** *No line.*

**Tuan Pengerusi:** *Now got hand phones what? You can just... [Disampuk]* Oleh sebab itu *you* kalah. *[Ketawa]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *This is the failure of the system.*

**Puan Ong Swee Leng:** *Maybe it is the network problem.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *The failure.*

**Tuan Pengerusi:** *That is why just now my question earlier is because of this. That means if the system is not well thought off, prone to breakdown and then you allow this kind of thing to happen.*

**Puan Ong Swee Leng:** *Yes. The chance for loophole, where you can go through.*

**Tuan Pengerusi:** Ada *loopholes. So, how to close the loopholes?*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Every system have loopholes.*

**Tuan Pengerusi:** Yang mula-mula tadi tahun 2008 punya kajian. Yang ini yang terbarulah kiranya.

**Puan Ong Swee Leng:** Tahun 2012.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2012. Jadi Datuk, penambahbaikan yang Datuk kata mereka buat? Tidak buatlah? Datuk kata tadi tahun 2008 sudah syorkan ini semua untuk penambahbaikan.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. Tidak. Akan tetapi dari tahun 2008 sampai tahun 2012 perkara itu cakap hendak buat tetapi tidak buatlah?

**Puan Ong Swee Leng:** *In fact 2007 was a different system. That was e-Nelayan Diesel Management System* (eNDMS). *Now they have upgraded or do enhancement, they change to e-Nelayan Subsidy Management System (eNSMS).*

**Seorang Ahli:** *When was it?*

**Puan Ong Swee Leng:** *Year 2012 was the change of the system.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Ong Swee Leng:** Ya. *The previous system they have this problem because of the PDA problem also and now they have upgraded and enhance and it still prevailing.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Ong Swee Leng:** *I do not have the figures.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, hendak tanya sedikit. *Just to get the average*, berapa lama *offline* itu selalu terjadi? *The offline* itu selalunya *on the average* berapa lama, dia *offline* itu? Ini daripada *finding you all.*

**Puan Ong Swee Leng:** *We did not have that statistic* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *Because what they do is sampling, that is why.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan William Leong Jee Keen:** *Actually today technology the loopholes can be covered. It is the question of actually the mind into it, to cover the loopholes. Isn't it?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I think*, saya rasa perkara-perkara yang mereka buat untuk selesaikan masalah subsidi selalunya berasaskan teknologi. Sebenarnya bukan isu teknologi, sebenarnya isu orang yang menyeleweng. *So, as long this people are there whatever technology you used, nano diesel and all this stuff. No used.*

**Tuan Pengerusi:** *At least the system can record the transaction. Then if transaction not recorded, then audit can flag it already. Like this one, when the audit flags it, but then there is no record, who to trace the wrong doing? Then...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *That is what I mean. Whatever system you have* asalkan *the system is managed by people, things can happen.*

**Tuan Pengerusi:** *I know but the system must be able to pin-point this is the guy responsible. Now, if this system, if it cannot pin-point who is responsible so how we are going to take action also*

*because will they say "Not me, him, him and him."* Akan tetapi *the... the system can actually pin-point the fault to somebody.* Kalau tidak *they still just go on.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Puan Ong Swee Leng:** Isu yang seterusnya Yang Berhormat, yang berkaitan dengan 16 daripada 87 pusat jualan or 18.4% tidak mempunyai alat pengukur.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Can I just to* – tadi kita kata *because of the system cannot trace so that those who are not supposed to get subsidy could have got it, right?*

**Puan Ong Swee Leng:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Above the quota but do they know that problem? The ministry knows that problem? They know?*

**Puan Ong Swee Leng:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *So what do they do? Is there are any action to rectify that when they know that the system have that weaknesses? Is there any action?*

**Puan Ong Swee Leng:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *From what* Datuk Haji Anwari *said just now, the 2008 report* pun *had already recommended a lot of things and then 2012 still happening.*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *So*, Yang Berhormat boleh *update* sedikit. Ini saya ada maklumat dari segi sistem, ini kita cabut daripada *internal audit* punya *report. So*, sistem yang di bangun di kementerian ini nama dia SKTS di bangun oleh syarikat XYBASE Sdn. Bhd. Biasa dengar ya? Pada tahun 2005. Nilai RM5.72 juta, pembangunan sistem bertujuan untuk memudahkan proses permohonan dan kelulusan menggunakan *fleet card* pada waktu itu. *So*, antara kelemahan-kelemahan *internal controls* contohnya *source code. So*, ini ada terima *source code* tetapi ada isu di sini. *Source code* ini pentinglah sekiranya ada apa-apa penambahbaikan kepada sistem, perlu dirujuk. Ada perakuan telah diterima. Keputusan telah dibuat oleh kementerian untuk membina, membangun satu sistem baru dijangka akan siap pada April 2013. Ini mengikut laporan yang saya ada.

*So,* ada kelemahan-kelemahan lain. Pertama, sistem tidak mempunyai fungsi bagi mengesahkan tuntutan syarikat minyak. Jumlah kuota pada paparan pemegang akaun yang layak tidak menggambarkan jumlah kuota yang sebenar termasuk kuota rayuan. Sistem tidak dapat menjana laporan bagi kegunaan pengurusan seperti laporan pemegang akaun tuntutan syarikat minyak dan jumlah kuota diluluskan. Sistem tidak *online* dengan sistem di JPJ menyebabkan maklumat berkenaan kenderaan perlu di input secara manual.

Sistem tidak dapat mengenal pasti kenderaan yang tidak lagi layak menggunakan sistem *fleet card* seperti kenderaan yang telah tamat cukai jalan dan kenderaan yang telah dijual. *So*, maklumat ini penting untuk digunakan bagi menghantar surat *reminder* atau peringatan kepada syarikat minyak bagi membatalkan *fleet card* tersebut. *So*, pada pandangan *team* Audit semua kelemahan sistem sedia ada perlu diambil kira dalam pembangunan sistem baru.

**Tuan Pengerusi:** Okey, RM5 juta untuk buat sistem, hendak daftarkan sahaja tanpa ada fungsi-fungsi yang lain. Ini pun satu lagi perkara yang macam sengaja dibuat. Pasal *for RM5 million the system should be able to do everything* yang pihak Audit kata lemah tadi.

■1210

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tahulah dia dulu bekas pengusaha-pengusaha sistem LA Dics kan. Tolong tanya ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. *[Ketawa]*

**Tuan William Leong Jee Keen:** Kalau kita menggunakan *fleet card Shell*, Petronas mereka ada sistem juga. Tidak lebih daripada nelayan orang biasa mengatakan *fleet card* mereka dapat kawal dengan baik.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Hanya sistem yang lemah, setiap tiga tahun boleh *upgrade*. Kalau sistem itu baik setiap tiga tahun tidak boleh *upgrade* sistem baru.

**Tuan Pengerusi:** Ini saya kata tadi fasal kebanyakan kementerian beli sistem tanpa memikirkan mengenai apakah fungsi dia daripada mula transaksi sampai ke akhir. Selepas itu komponen penguatkuasaan, komponen – Ha! *That's time only to* atau memang sengaja tidak buat ataupun buat yang mengiakan sistem itu sahaja, pembelian dia. *Reason* kita tidak ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Actually to be fair the problem reason the statement of this. Statement of this* biasanya jikalau tidak lengkap pun niat itu ada di sana. Masalahnya bila mereka buat sistem mereka bukan buatnya untuk menyelesaikan masalah tetapi buatnya sebagai satu projek perbelanjaan. *There treat, I mean this just purely from my experience doing all these job. There experience even – no I wasn't doing for* LKIM lah. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no I wasn't doing for LKIM but a lot of time when dealing with them, they treat this as project expenditure that needs to be done. They don't treat I as something will solve their problem. That's the reason why their failures. The needs statement is okay,* niat itu, objektif itu semua ada. Masalahnya bila laksana dia – *they did treat project as something to be just done* lah, buat sahaja sebab ada wang untuk dibelanjakan. *[Disampuk] Yes.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *This is base on budgeting whether is spend on. It's not base on effective budgeting, it's different.*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Ong Swee Leng:** *What Dato' was talking about the system is actually system in* kementerian *never*lah KPNDKK *and not the* Lembaga Kemajuan Ikan *system*lah. Okey isu yang seterusnya adalah berkaitan dengan 16 daripada 87 pusat or 18.4% tidak mempunyai alat pengukur, manakala 13 pusat jualan ataupun 14.9% menggunakan alat pengukur seperti kayu, dahan pokok, pita pengukur untuk menentukan bacaan stok diesel di dalam *skid tank.* Perkara ini pernah dibangkitkan dalam 2007 punya audit *report*lah di mana cara untuk mengukur baki diesel yang ada.

**Tuan Pengerusi:** Sudah bangkit tahun 2007, tahun 2012 berlaku lagi.

**Puan Ong Swee Leng:** Masih lagi okey. Ya *either stick, measuring tape or some they just knock and hear the sound. The experience they said. [Ketawa]*

Seterusnya adalah berkaitan dengan perbezaan antara baki stok fizikal dalam *skid tank* dengan baki buku stok diesel bersubsidi yang direkodkan. Ada yang lebih, ada yang kuranglah. Di sini pun pernah dibangkitkan dalam tahun 2007.

Isu yang terakhir adalah berkaitan dengan pusat pengisytiharan mengguna kod peniaga lain yang berdaftar dalam sistem untuk mengisytiharkan hasil tangkapan dan 30 borang pengisytiharan pendaratan ikan untuk pembelian diesel bersubsidi tidak lengkap. Maknanya *every time they wants to buy they have to fill up the form on how much have they catch on that. So this was not properly done.* Itu sahaja hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di LKIM.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya ada satu soalan. *Just on the chart the table on page 5. Slide 9 sorry.* Saya melihat angka-angka yang ada dekat sana, subsidi bagi diesel. Jumlah yang subsidi itu meningkat dengan begitu mendadak dari tahun 2011 hingga 2012. *Why ya? Because the price of all been going up that much from RM46.5 million* naik kepada RM603 juta. *But the price of the* diesel mana? *That means the subsidy should have gone down. We have so many more fishing boats? I don't know, so what are the reasons.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Actually when you talk about this figure because you wrote there* sumber Bahagian Penganalisa Cukai. *If I'm not mistaken for* LKIM sahaja Kementerian Pertanian, *one year* dia punya *diesel they spends nearly 1B. That's why I quiet surprise you put there 2012 only RM600 million. So, I don't know which figure this is from actually.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I think your 1B include actual price of the...*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Bahagian Analisa Cukai...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *It's just subsidy.*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kalau boleh *you check* dengan Jabatan Cukai sekarang, kalau sempat dia orang cari maklumat itu. Kita boleh dapat maklumat itu. Okey ada soalan lain.

Okey sebelum kita panggil kementerian, saya hendak jelaskan sedikit dia punya rangka pada hari ini. kita akan panggil Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Dia orang akan duduk di depan. Saya tidak tahu hendak pecahkan isu ke hendak sekali fasal apa kalau Kementerian Perdagangan Koperasi Dalam Negeri adalah isu mengenai subsidi diesel secara keseluruhan yang untuk kereta dan kenderaan daratlah. Ini kapal terbang pun ada subsidi juga kah?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Subsidi pengangkutan.

**Tuan Pengerusi:** Kita hendak tanya dia orang semua sekali kah atau hendak fokus diesel sahaja?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Subsidi kepada pengangkutan siapa apakah kementerian yang bertanggungjawab.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak *we just focus on those 3 items* sahaja diesel, LPG dan petrol.

**■1220**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Today we have KPDNKK and MOE.*

**Tuan Pengerusi:** KPDNKK dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani *is because of LKIM. LKIM is specifically on the issue of diesel subsidy to* nelayan. *The other one, is the subsidy in general* tetapi *on* kenderaan darat sahaja, bukan? Lori yang pakai kereta – pam minyaklah. Maknanya, diesel di pam minyaklah bukan? Akan tetapi macam dalam *list* itu ada subsidi pengangkutan MAS, subsidi pengangkutan KTM.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Siapa yang beri?

**Tuan Pengerusi:** Itu subsidi minyak petrol kah, subsidi minyak *jet fuel* kah? Subsidi minyak diesel kah?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam *Table* itu kita cuba hendak *highlight* apa yang kita hendak bincang pada hari ini, yang warna hijau sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Warna hijau sahaja, ya.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Yang kita hendak bincang adalah yang warna hijau sahaja. Maksudnya, keseluruhan subsidi yang kerajaan terpaksa tanggung itulah sebagaimana yang dinyatakan. Akan tetapi untuk perbincangan pada hari ini, kita fokus kepada yang warna hijau itu sahajalah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Untuk pengetahuan, subsidi pengangkutan MAS, KTM, kementerian mana yang bertanggungjawab? Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan...

**Tuan Pengerusi:** Subsidi minyak sahaja atau ada subsidi lain yang MAS dan KTM dapat ini?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ini subsidi lain juga. Ini, MAS *getting hundred millions...*

**Encik Allauddin Anuar:** Izinkan saya mencelah sedikit Yang Berhormat. Mengenai subsidi pengangkutan MAS adalah subsidi yang diberikan bagi subsidi pengangkutan di Sabah dan Sarawak *for rural and service.*

**Tuan Pengerusi:** *It is actually a direct transfer payment or it is the subsidy for specialize...*

**Encik Allauddin Anuar:** *Specialize air services.*

**Tuan Pengerusi:** *Specialize air services* tetapi *the whole things? Including jet fuel* dan sebagainyalah?

**Encik Allauddin Anuar:** Kalau tidak silap sayalah *rural air services.*

**Tuan Pengerusi:** Bukan subsidi minyaklah.

**Encik Allauddin Anuar:** Bukan subsidi minyak.

**Tuan Pengerusi:** Ini subsidi *direct* kepada MAS untuk menjalankan...

**Encik Allauddin Anuar:** Untuk *rural air services.*

**Tuan Pengerusi:** *Rural air services. Then, we take it out. It is not part of our...* Ada *problem* atau tidak? *[Ketawa]*

**Datuk Liang Teck Meng:** Saya ada satu soalan ke Parlimen, saya tanya sama ada kerjasama diwujudkan dengan negara jiran dalam menangani penyeludupan diesel. Jadi, jawapan daripada kementerian ialah tidak ada. Bagi saya, sebab kementerian menjalankan Ops Titik semua ini sebab ada laporan dalam *Utusan* kata dia cuma dapat tangkap sindiket kecil-kecil. Jadi, yang sindiket besar semua dicicirkan. Kalau saya lihat dalam Malaysia, tidak ada orang Malaysia hendak beli daripada orang Malaysia. Pasaran yang paling besar ini adalah luar negara. Jadi, kalau tidak ada usaha ataupun tindakan dalam, atas lautan semua ini, akhirnya kita *still* tidak ada kesan dalam sebarang...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya itu kena tanya LKIM, pasal itu di bawah subsidi nelayanlah. *I assumed,* kalau mereka hendak seludup pun mereka ambil diesel di pangkalan di Malaysia, dia bawa ke Indonesia kah, bawa ke negara lainlah. Itu saya rasa bertumpu kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kepada LKIM ya.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, *actually* sekarang ini Kementerian Kewangan dalam proses untuk berbincang rasionalisasi subsidi sebenarnya. Saya nampak perbincangan ini kalau kita kena caranya, *I think* sangat berkesan. Saya cadangkan kita gunakan Hansard ini untuk saya bawa balik dan sebagai garis panduan mereka berbincang untuk rasionalisasi subsidi. Itu satu Yang Berhormat.

Kedua, dari segi atur cara kita nanti Yang Berhormat, memanglah MoF melantik lima buah syarikat ini, Petronas, Shell, Saffron, Petron dan juga BP. Memang tujuan kita ialah untuk *control* berapa Petronas jual, berapa ini, dia *claim* pada kita *direct*. Akan tetapi yang memberi lesen PDA, *whatever* semua ini ialah KPDNKK. Dalam proses kita bincang ini, KPDNKK memberi juga lesen-lesen PDA ini kepada LKIM ini. Jadi, kita boleh menjurus ke situ, kalau dalam kes hari inilah. Itu yang kedua.

Ketiganya Tuan Pengerusi, kita cuba menjurus perbincangan kita, bagaimana minyak bersubsidi ini boleh digunakan oleh orang luar negara berbanding dalam negara. Ini kita kena atasi dahulu sebelum kita hendak rasionalisasi subsidi untuk dalam negara. Dalam kes ini, saya beri contoh ya, ini data Mei 2014, RON95 kalau di Thailand, dalam Ringgit Malaysia dijual dalam RM4.91. Ini saya ambil sempadan sahaja, sekeliling Semenanjung Malaysia. Kalau di Sabah dan Sarawak, sekeliling di Indonesia RM3.16 seliter, Singapura RM5.81. Jadi bagaimana minyak ini sebenarnya ada *possibility,* potensi yang tinggi untuk di seludup. Kalau boleh kita bincangkan, bagaimana kaedah penyeludupan ini dan bagaimana untuk mengawal benda ini supaya orang luar negara tidak boleh ambil kita punya hak? Apakah cara kita hendak atasi benda ini? Ini adalah yang *very important* saya nampak. Kalau kita bincang *on the surface*, saya ingat mungkin untuk digunakan oleh jawatankuasa yang di MoF ini tidak berapa berkesan. Kita bincang dari atas sampai bawah, bagaimana proses ini untuk kita elakkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Itu boleh masuk bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan maknanya *structure of the system* sendiri. Cuma hari ini kalau kita hendak bincang semua ini memang pukul 6 tidak habis. *[Ketawa]* Sebenarnya saya hendak mulakan prosiding ini, selepas itu kalau perlu disambung pada satu perbincangan khas secara mendalam mengenai struktur diesel ini

sendiri, kita boleh bincang pada sesi yang akan datang. Hari ini saya hendak fokus itu sahajalah, macam saya kata tadi, ada dua orang datang, kita fokus hari ini kepada LKIM itu, pada sistem subsidi diesel yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Laporan LKIM itu tadi bukan, hendak tumpukan jugalah. Maknanya tadi semasa Puan Ong buat keterangan kata sudah buat kajian pertama 2007, tahun 2012 berlaku lagi, dalam Laporan Audit Ketua Negara yang terbaru. Akan tetapi pada tahun 2007, 2008, saya pun semasa itu Ahli Jawatankuasa PAC.*[Ketawa]* Syor-syor ataupun jaminan penambahbaikan telah diberikan tetapi tetap benda itu tidak buat. Itu kita fokus kepada perkara itu.

Selepas itu. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini kita tumpukan kepada laporan tahun 2008 itu dan apakah langkah-langkah yang telah diambil, termasuk juga macam saya kata tadi, sistem itu, dari segi sistem komputernya, sama ada mereka memikirkan mengenai struktur diesel itu keseluruhan ataupun tidak. Saya rasa kita boleh tumpukan pada dua hari ini. Pasal ada lagi *players* lain kita kena panggil, Pihak Kastam kita kena panggil pasal apa di *border* apakah kastam buat untuk hendak menghalang penyeludupan ini dan sebagainya.

Jadi, itu kita fokus, macam saya kata tadi, panggil dua orang KSU ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan fokus pada struktur, sistem dan juga berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008. Selepas itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita fokus kepada LKIM dengan memasukkan isu-isu tadilah, yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam, dimaklumkan oleh wakil Kementerian Kewangan, diesel yang keluar ini. *[Disampuk] Enforcement* sudah, semualah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Sistem yang bermasalah ini sebab dia punya *enforcement* berkala.

**Tuan Pengerusi:** Itulah. Subsidi LPG itu sekalilah bukan. Sekali semualah tetapi subsidi LPG dengan petroleum itu bawah KPDNKK. *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** ...*You see, this one* kementerian yang...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**■1230**

**Tuan Pengerusi:** *So, I repeat* ya? Kementerian Pertanian fokus LKIM. KPDNKK *you can focus on* diesel, LPG, Petroleum. Okey? Akan tetapi maknanya... *[Disampuk] Take responsibilities for everything anyway. Okay.*

*[Saksi masuk mengambil tempat masing-masing]*

**12.33 tgh.**

**Tuan Pengerusi:** Okey, semua sudah sedia? Terima kasih. Selamat pagi dan terima kasih kepada Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan selamat kembali kepada Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang baru semalam tak habis penat lagi berhadapan dengan PAC selama dua jam, hari ini datang balik. Akan tetapi kita semua menjalankan tanggungjawab Datuk. Jadi saya pun dan bagi pihak PAC mengucapkan terima kasihlah kepada kedua-

dua Dato'/Datuk yang telah sudi datang pada hari ini dalam peranan sebagai pegawai pengawal kementerian masing-masing.

Jadi, pada pagi ini Datuk, sebab kami panggil kedua-dua pegawai pengawal ini pada waktu yang sama adalah kerana isu ini dia banyak *overlap*. Isunya ialah isu penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi. Jadi isu ini sudah berkali-kali dan bertahun-tahun berlaku. Mantan Pengerusi PAC yang lepas Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad pun sewaktu dia jadi Pengerusi PAC dia telah minta Ketua Audit Negara mengadakan audit *special* untuk sistem diesel bersubsidi ini.

Laporan Tahun 2008 ada dan kita gunakan laporan tersebut sebagai asas kita pada hari inilah. Maknanya, kita hendak tahu sama ada *problem is starting from the root*. Kalau di akar itu dan juga pokoknya yang tumbuh itu tidak dirancang dengan baik, maka pengurusan dan juga penguatkuasaan sistem diesel ini tidak akan berkesan juga.

Jadi itu satu aspek yang kita akan fokus iaitu mengenai sistem keseluruhan diesel ini sama ada pemikiran yang terperinci telah dibuat *from the start of the system to the end, end-to-end evaluation of the system whether* semua keperluan untuk pengurusan, untuk penguatkuasaan, untuk IT telah dirancang lebih awal. Saya bagi contohlah, sistem nanotech itu kenapa kementerian laksanakan, selepas itu batalkan. Akan tetapi yang pentingnya sudah belanja RM117 juta. Sudah tentu perbelanjaan tersebut mungkin tidak dirancang dengan baik, tidak difikirkan kegunaannya, tidak difikirkan keberkesanannya. Akhirnya, selepas pakai beberapa tahun, sistem itu dimansuhkan.

Jadi sistem IT yang digunakan ini pun amat penting untuk hendak memberikan satu kecerahan kepada perjalanan sistem diesel subsidi. Itu kementerian, tanggungjawab di pihak kementerian.

Kementerian Pertanian Asas Tani adalah khusus mengenai LKIM. Kami dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian Asas Tani diberikan tanggungjawab untuk menguruskan diesel subsidi untuk penilaian melalui LKIM tetapi tidak mempunyai kuasa penguat kuasa. Kuasa penguat kuasa masih lagi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Itu kami dimaklumkan.

Isu yang satu lagi yang kita hendak fokus yang berkaitan juga adalah kerana disyaki bahawa penyeludupan diesel ini berlaku di laut. Laut di bawah pemerhatian LKIM lah. Diesel ini diambil di pangkalan darat di Malaysia dan diseludup dan dibawa ke negara-negara lain. Itu syak dia, kita hendak tahu betul ke tak betul. ini kerana harga minyak di negara jiran kita lebih mahal dari negara kita kerana penggunaan subsidi ini. Itu yang penyeludupan di laut.

Satu lagi isu yang ditimbulkan adalah penyeludupan darat juga melalui Thailand dengan Singapura. Akan tetapi dia bukan penyeludupan yang ketaralah. Maknanya bagaimana kita hendak kontrol orang Thai yang harga minyak dia dua, tiga kali ganda harga kita untuk datang ke Malaysia berkali-kali isi minyak dan balik. Orang di sempadan Thai. Sama juga dengan isu orang Singapura yang datang ke Malaysia untuk beli minyak kerana hendak mengambil nikmat daripada perbezaan harga minyak ini.

Jadi ini juga merupakan satu kejadian ketirisanlah dalam sistem subsidi ini walaupun ia bukan ketirisan kesalahan pegawai kerajaan tetapi ia merupakan ketirisan daripada dasar itu sendiri. Kenapa kita hendak bagi orang asing dapat manfaat daripada subsidi diesel yang diberikan di negara kita.

Kita tak payah hendak habiskan prosiding kita hari ini. Saya cadang kalau boleh kita habiskan jam 2 petang, kalau panjanglah ya. Kita boleh sambung lagi selepas ini. Pasal ini hari, *to be fair* ada dua orang KSU, masa pun lama. Semalam Datuk Seri Mohd. Hashim pun sudah dua jam, dia seorang sahaja. Ini hari nasib baik, ada dia *share* dua orang. *[Ketawa]* Tak, tetapi saya bercadang untuk hendak buat secara bersirilah. Selepas ini kita boleh panggil balik pada masa-masa akan datang. Jadi kita tak terlalu penatlah.

Kadang-kadang Jawatankuasa kita pun duduk sampai dua, tiga jam. Kita pun sudah tak boleh *concentrate* dah pasal banyak sangat. Akan tetapi tak apalah. Kita anggap perkara ini sebagai satu *life events.* Dia akan berterusan sampai kita dapat cukup maklumat untuk keluarkan laporan PAC kita.

Jadi, tanpa melengahkan masa lagi saya menjemput Dato' Sri Alias dan juga Datuk Seri Mohd. Hashim untuk memperkenalkan rombongan mereka dan seterusnya memulakan taklimat. Siapa hendak mula dulu? Datuk Seri Mohd. Hashim sudah biasa. Dato' Sri Alias sudah biasa datang PAC?

**Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Lima tahun dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Lima tahun dahulu? Jadi dua-dua sudah biasa? *[Ketawa]* Jadi siapa hendak mula dulu? Mungkin Dato' Alias mula dulu, selepas itu Datuk Seri Mohd. Hashim sambung.

**■1240**

Selepas itu kita buka kepada sesi soal jawab. Boleh? Baik.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kedua-dua Dato' bentang dahulu. Selepas itu kita terus dengan sesi soal jawab.

**12.41 tgh.**

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad (Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan):** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat tengah hari dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, KSU dan juga hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Izinkan saya untuk membentangkan isu yang diberikan kepada KPDNKK mengenai penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi. Dengan izin Tuan Pengerusi juga, saya membawa pegawai-pegawai kanan saya daripada kementerian yang bertanggungjawab *directly* kepada isu yang akan dibentangkan nanti. Sekiranya perlu nanti, kalau memerlukan jawapan *detail* saya akan merujuk kepada pegawai-pegawai saya. Di belakang sana ialah Encik Mohd Roslan bin Mahayudin iaitu Pengarah Bahagian Penguat kuasa dan Encik Abu Samah di belakang sana itu pegawai yang bertanggungjawab tentang Bahagian Perdagangan Dalam Negeri yang berkaitan dengan lesen dan

sebagainya, pengeluaran diesel dan petrol. Pegawai *enforcement* juga ada di sini. Itu sahaja, *team* saya yang tidak besar Yang Berhormat.

Jadi, saya ingat saya teruskan dengan pembentangan daripada KPDNKK. Kandungan taklimat ataupun pembentangan ini ada beberapa perkara. Pertama, tentang latar belakang pengagihan diesel bersubsidi, faktor penyumbang kepada penyelewengan. Saya tidak pakai perkataan penyeludupan kerana penyeludupan itu *fall under different agencies* dan akta pun daripada *agencies*. Seterusnya, kawalan dan penguatkuasaan *the way forwards and the last is a* kesimpulan.

Sebagai latar belakang, kita tahu bahawa subsidi sudah bermula sejak 15 tahun yang lalu iaitu tahun 1999. Kalau saya dapatkan di sini bahawa pada masa itu mungkin peruntukan untuk subsidi diesel ini tidak sebesar sekarang, kira-kira RM83 juta. Kita tahu yang *last year* subsidi untuk diesel sahaja RM9.6 bilion. Untuk diesel sahaja, tidak masuk petrol dan juga LPG. Kalau kira total dalam RM23.4 bilion.

Jadi sejak tahun 2006, *nano tagging* atau penandaan ke atas diesel ini diperkenalkan khasnya untuk memudahkan penguatkuasaan tentang kebocoran dan ketirisan urusan diesel ini dan...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dato' minta maaf. *I think* kita *confuse* ini. Ia *RM9.3 billion value of* minyak itu atau *the subsidy amount?*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *The subsidy?*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** *Yes sir.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *The price different?*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** *The price different.* Kita katakan harga subsidi, contohnya subsidi diesel sekarang ini RM2. Super subsidi RM1.68 tetapi harga di pasaran berlainan tetapi kerajaan telah menanggung RM9.3 bilion tadi untuk subsidi diesel sahaja.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Subsidi dikeluarkan oleh kerajaan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, Kementerian Kewangan, tadi *figure* daripada Jabatan Cukai itu lain. *[Disampuk]* Yang dibekalkan oleh Audit. *[Merujuk dokumen yang dipegang]* Akan tetapi Audit kata *figure* ini datang daripada cukai. Analisa cukai.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, boleh saya *clarified?* Ia ada dua *figure*. Pertamanya ialah jumlah peruntukan. Kedua ialah jumlah penggunaan. Dalam kes KPDNKK, mungkin mereka ada *figure* atau jumlah yang sebenar digunakan. Kita ada *allocation* katakanlah RM10 tetapi digunakan RM8 sahaja. Maknanya *figure* kita ialah *figure ceiling. Figure* yang digunakan ialah *figure* KPDNKK.

**Tuan Pengerusi:** Ini *figure* nya lebih kurang, jumlah ini untuk tahun 2013 diesel baru RM757 juta. Petroleum yang besar RM22 bilion. Akan tetapi yang Dato' Alias sebut tadi hanya diesel sahaja.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Diesel sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *So,* ini bercanggah. Dato' Alias kata RM9 bilion. *Figure...*

**Datuk Chua Tee Yong:** *If we you look at this. There is one the* kelulusan kuota diesel 2012, 2013. *They write there* tahun 2013 kuota *for subsidy diesel is RM8 billion liters. So, RM8 billions liter multiply 13 cent, you get RM600 millions but this is only KPDNKK. You do not have LKIM* lagi. *So, that is why the figure a bit weird. So, maybe the price different… time of liters, then you get the....*

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *We still don't come to the right figure.* Kita punya laporan kata subsidi hanya RM700 juta.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** *Sorry, I* minta *clarification* daripada Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat *is* Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik Kementerian. *Can you...*

**Encik Rosli bin Yaakob:** Tuan Pengerusi, ini dibagi dalam bentuk liter. Ini diberi dalam bentuk ringgit. Dua *indicator* yang berbeza. Ini diberi dalam bentuk liter dan ini diberi dalam bentuk ringgit, Audit. *[Sambil menunjukkan dua dokumen]*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Kita di dalam ini ada juga yang kelulusan kuota dalam bentuk liter, ada juga dalam *next slide* kita akan tunjukkan nanti dan juga penggunaan.

**Tuan Pengerusi:** Dikatakan RM9 bilion bukan 9 bilion liter?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Ringgit. Dato' Dr. Noor Zari *confirm please. Our* Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik di kementerian. Silakan.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Bagi tahun 2013 jumlah subsidi untuk diesel ialah RM9.6 bilion, jumlah subsidi. Subsidi pada masa tersebut adalah sekitar 70 sen seliter. Jadi, 70 sen di darab dengan jumlah liter yang diberikan menghasilkan jumlah RM9.6 juta. Jumlah penggunaan sebenar adalah lebih daripada RM9.6 bilion liter. *It is about 70 cent per liter in terms of subsidy. That 70 cent times by the amount of liter* menghasilkan jumlah subsidi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak bukan. Saya hendak tetapkan *framework* nya, apa yang kita duduk bincang ini. Sekarang ini hendak tentukan jumlah subsidi diesel yang sebenar pun ada percanggahan *figure* daripada Kementerian Kewangan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pengiraan kasar 70 sen darab dengan 8 bilion liter yang dikeluarkan mengikut data baru RM5.6 bilion. *So,* mana datangnya RM9.6 bilion? Perbezaan lebih kurang RM4 bilion di sana.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *RM9.6 billion, that mean we are looking about RM12 billion* kalau kali dengan 70 sen.

**Tuan Pengerusi:** Mana *figure* ini?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kecuali ada subsidi yang diberi tanpa *reserve.*

**Tuan Pengerusi:** Dato' sekarang ini *figure* kementerian kata total subsidi diesel *is* RM9.6 bilion, diesel *only.* Selepas ini saya minta Kementerian Kewangan nanti *verified* benda ini.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, kalau *dispute* ini saya rasa kita tidak boleh selesai di sini. Kita *can sit again, we sit to get about the clear figure.*

**Tuan Pengerusi:** Dato', saya risau bukan apa Dato' takkanlah *figure* di antara kementerian ini boleh berbeza-beza?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**■1250**

Ini kerana link dia di antara Kementerian Kewangan yang membenarkan peruntukan subsidi itu dengan dia bagi peruntukan itu kepada kementerian untuk laksanakan. Akan tetapi *figure you* orang ini berbeza. Jadi saya minta Kementerian Kewangan kalau boleh *verify figure* ini balik.

**Puan Maslina Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]:** Tuan Pengerusi, saya daripada Jabatan Akauntan Negara saya sahkan *figure* yang diberi oleh Bahagian Analisis dan Cukai itu adalah betul. Ia berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2011, tahun 2012 dan tahun 2013.

**Tuan Pengerusi:** *So*, Dato' kita dapat satu carta ini daripada yang dipetik dia punya *figure* daripada Kementerian Kewangan yang mengatakan subsidi diesel ini hanya RM750 juta sahaja. *Figure* Dato' sekarang ini RM9.6 bilion datang dari mana?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak tanya kepada Kementerian Kewangan adakah subsidi diesel itu hanya untuk kereta awam ataupun ada skim lain yang tidak termasuk dalam angka tersebut bagi perikanan dan lain-lain penggunaan industri dan lain-lain? Sama ada, ada kategori lain mengenai subsidi diesel yang tidak masuk dalam RM750 juta itu?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang RM750 juta itu adakah untuk kereta awam sahaja dan tidak termasuk skim bagi Kementerian Pertanian ataupun pengguna industri dan lain-lain.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Termasuk? Akan tetapi kalau termasuk tidak mungkin perbezaan begitu besar.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tidak apalah. *To move forward I think* saya minta wakil Kementerian Kewangan walaupun Jabatan Audit Negara sudah kata tadi *figure* ini datang daripada akaun yang telah dibuat tetapi percanggahan dengan *figure* yang diberi oleh Dato' Ketua Setiausaha amat besar sekali, kita hendak kena pastikan *figure* yang manalah.

Akan tetapi tidak apalah. Minta Kementerian Kewangan bincang balik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri mana *figure* yang sebenarnya supaya kita dapat satu gambaran yang lebih jelas. Cuma saya risau takkan nak *figure* itu boleh berbeza banyak.

**Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad [Ketua Setiausaha]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Tuan pengerusi. Cuma saya hendak minta pegawai saya jelaskan proses pembayaran subsidi ini kerana saya rasa RM9.6 bilion ini bukan di salur kepada – Dato' Dr. Noor Zari *can you explain to the committee* proses bagaimana Kastam membayar kepada - tentang subsidi ini masa tuntutan dibuat. Silakan.

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang KPDNKK lakukan ialah kita membenarkan syarikat-syarikat minyak, kita

mengagihkan minyak-minyak yang diperlukan kepada syarikat-syarikat minyak dalam bentuk diesel bersubsidi. Bila jumlah yang diminta oleh syarikat minyak adalah bergantung kepada unjuran yang dibuat oleh *oil co.* itu sendirilah. Kemudian setelah...

**Tuan Pengerusi:** Lima *big company*?

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Lima buah syarikat. Setelah kita membuat pengagihan mengikut keperluan yang diminta oleh setiap syarikat minyak tersebut, agihan ke stesen-stesen minyak akan dibuat oleh syarikat minyak tersebut. Setakat itu KPDNKK laksanakan. Setelah itu setelah pengedaran minyak diesel dibuat mereka akan mengemukakan tuntutan kepada pihak MOF untuk tuntutan berdasarkan kepada penjualan sebenar yang dilakukan oleh syarikat-syarikat minyak.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Tuntutan dibuat kepada Kementerian Kewangan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** *Verify* dibuat berdasarkan kepada penjualan sebenar. Setiap stesen minyak akan mengemukakan jumlah sebenar penjualan yang disahkan oleh Kastam.

**Tuan Pengerusi:** *Figure* yang Dato' bagi itu *rolling figure* ataupun *just one year* punya *figure*. Kadang-kadang dia *rolling figure* juga.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *One year? So, that means...*

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Data ini pun menunjukkan dibuat dengan Kementerian Kewangan.

**Tuan Pengerusi:** *No. That means the* diesel yang *you disburse* yang *you* beri kepada *top five companies* ini yang *you disburse out* ini dia punya subsidi pada tahun yang sama mesti digunakan.

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Ikut bulanan.

**Tuan Pengerusi:** Tahu, tahu. Maknanya kalau *you* katakan RM9.6 bilion itu maknanya RM9.6 bilion itu akan di *claim* balik oleh syarikat minyak dalam tahun yang sama.

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Mengikut bulanan. Mengikut bulanan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada yang melimpah ke tahun yang kedua?

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Tidak ada. Mengikut bulanan. Tuntutan dibuat mengikut bulanan. Maknanya pada bulan itu katakanlah kita membenarkan kuota RM1 juta tidak semestinya menggunakan RM1 juta.

**Tuan Pengerusi:** Okeylah. Jadi maknanya saya rasa Kementerian Kewangan pun kena cari dia punya *the reason why your accounting is different to* kementerian.

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Pengarah Bahagian Dasar dan Strategik]:** Kalau Tuan Pengerusi izinkan akauntan saya boleh menjelaskan.

**Puan Syahriah binti Samsudin [Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri]:** Okey. *Assalamualaikum*. Sebenarnya kuota yang kita luluskan akan disahkan oleh Kastam. Maksudnya apabila tuntutan di hantar kepada MOF, MOF akan bayar secara keseluruhan *in advance*. Selepas itu Kastam akan *verify* kuota yang telah diluluskan oleh KPDNKK melalui amaun-amaun yang keluar daripada depoh. Kuota yang diluluskan adalah berdasarkan depoh.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tidak apalah.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad [Ketua Setiausaha]:** *Actual payment* datang daripada MOF.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah. *I think we can revisit this issue at another session.* Yang penting Dato' *finished your presentation* lepas itu Dato' Hashim. Terima kasih.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad [Ketua Setiausaha]:** *Sure*. Terima kasih. Cuma tentang *nano tagging* ini pada tahun 2011 kaedah ini telah diberhentikan, dimansuhkan. Saya diberitahu bahawa kerana tiada peruntukan untuk kita meneruskan sistem *nano tagging*. Jadi sejak itu sampai sekarang tiada lagi satu sistem untuk mengenal pasti mana minyak subsidi, mana tidak subsidi. Tiada satu kaedah yang kita boleh pakai melainkan menggunakan *enforcement* dan juga siasatan yang dibuat oleh *enforcement*.

Jadi pengagihan diesel bersubsidi Yang Berhormat dan Ahli Mesyuarat *as I have put* di situ penetapan harga subsidi dan penutupan kategori penerima di dasarnya di tetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Manakala KPDNKK melaksanakan keputusan dan juga dasar-dasar yang telah diputuskan tentang subsidi diesel ini.

*Next slide*, ini ialah kategori-kategori pengguna atau siapa yang layak mendapat subsidi diesel. Pertama, kategori kenderaan persendirian, kereta milik individu ataupun pemilik syarikat ataupun *commercial vehicle*, lori dan lain-lain ia mendapat diesel subsidi sebanyak RM2. Pengangkutan awam, *busses* dan sebagainya sebelas jenis pengangkutan awam menggunakan *fleet card*. *They enjoy* RM1.68 super subsidi.

Satu kategori lagi *skid tank* iaitu pengangkutan awam, bot penumpang ini di Sarawak sahaja dan kenderaan pengangkutan. Jadi terdapat syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang tertentu untuk syarikat-syarikat ini mendapat kemudahan *skid tank* umpamanya kalau *busses* dia mempunyai lebih 16 bas *so*, dia layak untuk mendapatkan *skid tank* di syarikat atau tempat lokasi masing-masing.

Ini ialah contoh kelulusan kuota diesel yang bersubsidi bagi tahun 2012 dan tahun 2013. Saya cuba membandingkan di sini perbandingan kuota yang diluluskan. Kalau dilihat daripada tahun 2012 dan tahun 2013, jumlah kuota yang di bawah itu peningkatan 11.6% daripada 7.9 bilion liter pada tahun 2012 meningkat pada tahun 2013 kepada 8.9 bilion liter, 11.62% peningkatan. Kelulusan kuota yang diberikan berasaskan kepada permohonan daripada syarikat-syarikat ataupun industri.

Ini berkaitan dengan *fleet card* Saya sebutkan tadi 11 kategori kenderaan pengangkutan awam yang layak mendapat *fleet card* iaitu bas sekolah, bas ekspres, bas berhenti-henti, bas mini termasuklah

teksi, van mayat, ambulan dan bomba. Jadi kalau tengok bulan Januari 2014 contohnya terdapat 41,148 kenderaan dan jumlah kuota di bawah *fleet card* yang diluluskan ialah 48.5 juta liter untuk Januari sahaja. Jadi *fleet card* ini di *enjoy* oleh hanya 11 kategori yang terpapar di dalam skrin.

Perbandingan kelulusan kuota bersubsidi untuk diesel *skid tank* tahun 2012 dan tahun 2013.

■**1300**

Kalau lihat dari segi perbandingan ini didapati penurunan untuk *skid tank* 2012, 377 juta liter manakala menurun sedikit 4.43% tadi kepada 360 juta liter. Ini berkaitan dengan fasal kelulusan kita *review* setiap tahun dan setiap bulan juga *review*. Polisi sekarang ini tidak boleh berlaku pertambahan kepada *skid tank* untuk kenderaan-kenderaan komersial. Hanya kenderaan pengangkutan awam, itu boleh dibenarkan tambahan *skid tank*.

Akan tetapi walaupun dia tidak dapat kemudahan *skid tank* dia masih lagi boleh mendapatkan bekalan minyak bersubsidi ini di pam-pam stesen. Ini dasar yang kita pegang sekarang inilah, saya rasa tidak menjadi masalah dan tidak menjejaskan industri pengangkutan dan sebagainya. Okey, faktor penyumbang kepada penyelewengan. *Once again* saya tidak sebut tentang penyeludupan, penyelewengan ya. Sudah tentu seperti yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi bahawa harga-harga subsidi di stesen, di pam stesen dengan harga industri memang berbeza sebab ini subsidi, sana tidak subsidi. Sudah tentu yang orang lebih *prefer* ambil yang bersubsidi.

Beza di antara stesen dengan negara jiran. *Slide* berikutnya nanti saya akan tunjukkan perbezaan harga. Ketiga, tiada mekanisme untuk membezakan minyak diesel subsidi, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa *nanotag* sudah diberhentikan pada tahun 2011. Jadi, secara teknikalnya kita tiada suatu sistem untuk membuat perbezaan. Hal-hal lain yang menyebabkan faktor penyumbang ini saya rasa tamak haloba atau *greedy* sama ada oleh penyeludup ataupun yang terlibat di dalam industri ini sendiri. Kemungkinan memainkan peranan kerana melihat keuntungan yang ada daripada penyelewengan atau penyeludupan diesel-diesel yang bersubsidi ini.

**Tuan Pengerusi:** *So,* ada pegawai-pegawai Dato' yang tidak jujur? *[Ketawa]*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Saya hendak akses tentang integriti seseorang adalah kita membuktikannya. Akan tetapi itulah...

**Tuan Pengerusi:** Itu satu pengakuan Dato'.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Pengerusi. kalau di lihat perbandingan harga diesel, kita semua tahu bahawa yang sebelah kiri itu harga industri RM268 tanpa subsidi dan di stesen RM2 per subsidi. Sebelah kanan itu berbanding dengan negara ASEAN yang lain, jikalau di Malaysia RM2, di Indonesia RM3.45, di Thailand RM3.01 dan di Singapore RM4.46. Inilah sebenarnya faktor-faktor yang mendorong kepada *go all out,* bagaimana untuk keluarkan dapatkan diesel subsidi, di seludup ataupun di jual ke pihak-pihak lainlah.

**Tuan Pengerusi:** Dato', tetapi saya hendak tanya kenapa isu ini susah sangat untuk buat keputusan? Isu orang luar beli minyak dalam negara ini.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Nanti di akhir *presentation* nanti saya akan sebutkan sedikit kaedah-kaedah bagaimana kita cadangkan kepada kerajaan. Walaupun *some* itu saya masih buat *reservation* kerana kerajaan belum mengumumkan lagi. Akan tetapi *in the part line*, saya akan terangkan bagaimana hendak membezakan kepada warga asing, tempatan dan sebagainya ada di dalam proses kita nanti, *insya-Allah.* Terima kasih pandangan Tuan Pengerusi tadi. Ini ialah trend jualan diesel bersubsidi...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat Dato' Sri, sebelum itu sedikit, *sorry*. Tadi macam faktor penyumbang penyelewengan ini, salah satunya Dato' Sri kata tiada mekanisme untuk membezakan minyak diesel bersubsidi dengan industri. *Nanotag* mansuh pada Mac 2011. Ini maksudnya kementerian merasai bahawa keputusan untuk memansuhkan *nanotag* ini mengakibatkan juga penyelewengan terus berlaku.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Saya dari segi peringkat kementerian dan juga penguatkuasaan, kita menghadapi masalah untuk membuktikan apabila kita jumpa diesel di luar sana dalam bentuk *tanker* dan sebagainya, jadi kita kena bawa siasatan dan bawa kepada DPP untuk membuat keputusan. Jadi, satu pihak bagaimana kita hendak membuktikan penemuan kita itu adalah diesel yang bersubsidi? Apa yang kita buat ialah hanyalah berasaskan kepada invois, rekod, dokumen dan sebagainya. Jadi, kalau dokumen itu dapat buktikan bahawa mereka mengambilnya daripada pam stesen dan sudah tentu bahawa dengan jumlah itu ialah untuk penyeludupan atau penyelewengan berlaku dan akan diambil tindakan.

Akan tetapi kalau dokumen itu juga dipalsukan *there is another issue for us.* Jadi, bahan-bahan yang digunakan untuk pembuktian membawa kepada DPP untuk buat keputusan dan di mahkamah ini sebagai cabaran bagi pihak *enforcement*. Berbeza kalau kita ada satu mekanisme untuk bawa bila kita *test* diesel ini dengan bahan *nanotag* tadi jelas *because* kita sudah ada perintah menggunakan sistem ini sebagai satu bahan bukti di mahkamah. Jadi *next slide* ini saya akan tunjukkan perbezaan dia. *Next slide please.*

Jadi, saya hendak tunjukkan trend jualan diesel subsidi dari tahun 2000 hingga tahun 2013, sebelum *nanotag*, semasa *nanotag* dan selepas *nanotag*. Saya hendak jelaskan tanpa ini agak susah Tuan Pengerusi sebab semua bentuk graf. *I can say* macam ini sahaja. Dapat tidak? Tunjukkan yang ini. *[Menunjukkan graf]* Oh! *Sorry okay.* Kalau yang biru sebelah kiri itu Ahli-ahli Jawatankuasa, kelihatan meningkat. Masa ini ialah sebelum *nanotag* daripada tahun 2000 hingga 2005 meningkat dengan maksimum 5.6 juta liter. Akan tetapi yang merah ini tahun-tahun di mana *nanotag* dilaksanakan dan *enforcement* kita buat berasaskan kepada mekanisme tadi menurun, didapati menurun mendadak, trend itu menurun.

Namun apabila tahun 2010 dan 2011, *nanotag* tidak dilaksanakan lagi nampak yang penyeludup ini bermaharajalela, saya rasa anggapan saya, telah meningkat kepada 8.6 juta liter tahun 2013, bilion liter . *So* ini sebenarnya *impact* kepada kesan kepada penguatkuasaan kita yang saya nampak tidak

mempunyai satu perkara yang betul-betul objektif untuk mengambil tindakan dan membawa mereka ke mahkamah. *There is to show what have been happen on the ground. Next slide* ialah...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dato' Sri, *sorry* kita *confuse* yang ini. *So,* katalah kita sudah tahu dia punya trend ini, trend ini contohnya tahun 2006 sebanyak 5.4, tahun 2007 sebanyak RM5 *million,* lepas itu 42.5. Tahun 2009 datang sampai ke RM3 *million*, 2010 sampai 425. Kenapa pula kementerian tingkatkan lagi jumlah itu? Kenapa tidak kekalkan dekat 4.2 *because* kita tahu *that is the numbers?*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Kita berasaskan kepada permintaan diesel di luar sana itu. Jadi, permohonan dikemukakan kita buat penilaian. Jadi, asas-asas yang dipakai itu kita bagi kelulusan untuk kuota. Akan tetapi ini *come from the enforcement*, kita tidak pasti sebenarnya sama ada penggunaan itu betul-betul berasaskan kepada kelayakan yang diberi untuk subsidi tetapi apabila berlaku penyelewengan di luar sana itu, *it come to the issue of enforcement* sebenarnya. Jadi, di samping kita mempunyai kaedah ini tetapi saya rasa *enforcement must be in place* untuk memastikan bahawa pematuhan kepada peraturan-peraturan itu berada sewajarnya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya lihat melalui carta ini, yang kali pertama saya rasa semua Ahli Parlimen di sini nampak. *Just from first time we look at it*, terus kita akan membuat satu kesimpulan awal bahawa saya agak lebih kurang 30% hingga 40% daripada diesel yang dikeluarkan di sana nampaknya penyelewengan. *I mean you cannot have 2009 only* RM3 juta ataupun 2010 RM4.2 juta sahaja. Selepas itu 2013 kita memerlukan 8.6 bilion liter yang perlu dikeluarkan. *So if it so obvious that there is such big scale leakages,* kenapa tidak ada *flag* ataupun langkah yang lebih *urgent* diambil untuk mengatasi perkara ini? Kenapa hanya lulus sahaja permintaan yang di minta?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Daripada 4 ke 8 juta. Kementerian kah, Kementerian Kewangan?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Kuota berasaskan kepada... *can you please confirm Dato' Dr. Noor Zari.*

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat:** Tuan Pengerusi. Kuota yang diberikan adalah berasaskan kepada unjuran dan permintaan oleh syarikat minyak. Dia merasakan bahawa pada masa tahun tersebut, bulan tersebut sejumlah liter adalah diperlukan. Setelah kita dapat permohonan tersebut kita akan membuat penilaian di lapangan oleh pegawai-pegawai kementerian di negeri dan kita akan meluluskan mengikut syor tersebut.

**■1310**

Sekiranya keperluan tambahan diperlukan daripada apa jumlah yang kita luluskan pada awal bulan, kita akan berikan kelulusan tambahan tetapi ia adalah berasaskan kepada permintaan oleh syarikat minyak dan jumlah tersebut adalah dibuat oleh kementerian. Di sini kita berpandangan bahawa kita tidak berapa berani mengambil risiko. Contohnya, katakanlah jumlah yang diminta katakanlah RM1 juta, kita kata cuma RM500,000. Bagaimana kalau di saat akhir-akhir bulan itu betul-betul berlakunya ketiadaan diesel dan satu isu lain akan timbul.

**Datuk Chua Tee Yong:** *Can I ask a question*? Tahun 2010 terdapat permintaan sebanyak 4.295 *million litters.* Kita mengetahui terdapat tiga kategori yang menerima subsidi diesel. Nombor satu kenderaan persendirian, nombor dua, *fleet card,* ketiga *skid tank.* Adakah pada tahun tersebut atau sebagai sekarang kita mempunyai *how much diesel was used by each petrol station. Do we have that count of data? Do we have the data on how many fleet cards were used in terms of the liter* yang dipakai? *Then can we do a reasonable test* kenapa yang tahun tersebut mungkin kereta atau petrol stesen ini keluarkan minyak mungkin berapa liter tetapi tahun depan ia meningkat dua kali ganda. *Have we done reasonable test so that will be easy to do enforcement* sebenarnya.

Kalau terdapat data untuk 4.2 *million who are using this, you just tabulate - if there's a system I don't' know, whether there is or not. Then* kita melihat tahun 2013 sebagai contoh mungkin petrol stesen B atau A ia meningkat tiga kali ganda, *why? They must be a reason.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tambah *why* itu pun sudah *justified* di sini. Kita cuma ada 11 kategori sahaja, bukan? Ia bukan bergantung kepada berapa kereta yang dipakai, ia bergantung kepada 11 kategorinya sahaja.

**Datuk Chua Tee Yong:** *This is not everything, you got the personal count... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ini bukan kerana data ini tidak tepat, ya.

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat:** Kita mempunyai data bagi setiap stesen minyak dan juga setiap *fleet card,* penggunaannya.

**Tuan Pengerusi:** Betul, itu sebab tadi soalan daripada Yang Berhormat Labis tadi memang penting, sebab sepatutnya trend penggunaan kereta ini telah di *forecast*lah oleh kementerian dan ia tidak boleh macam mendadak. Maknanya, pertambahan kereta satu tahun bukan bertambah macam 30% jumlah kereta, 300%. Ini diesel, kalau kereta petrol itu kita boleh terima lagilah. Kereta diesel tidak banyak dijual di Malaysia. *So* dari segi *the growth usage of diesel, the* kementerian *should be able to predict from year to year what is the usage. Because the elements, the factor to your diesel usage doesn't increase dramatically. It should be very minimum*lah, *consistent growth.* Dia punya pertumbuhannya landai dan bukan naik turun macam *rollercoaster* ini.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, bolehkah kita minta tadi *advice.* Bolehkah kita minta apa bentuk yang telah diatur?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya pun setuju kalau kita hendak minta unjuran kenapa *justification* daripada tahun 2010 sampai tahun 2013. Ini kerana ini memberi gambaran yang cukup negatiflah bahawa kalau kita berpandangan negatif ini *the problem* daripada atas ini di tahap pengurusan sahaja, bukan *enforcement.* Di tahap pengurusan yang terlibat membuat satu keputusan yang kurang masuk akallah.

**Datuk Chua Tee Yong:** Tahun 2010 sehingga tahun 2011, peningkatan is 40% kalau kita lihat *percentage.* Tahun *2011 to 2012 is 33%. This is like phenomenal growth*lah.

**Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Tuan Pengerusi, kalau saya boleh kembali kepada *slide* sebelumnya, pengurusan kuota diesel. Cuba kita lihat yang tahun 2012 dan 2013 ini. Tadi kita hanya hendak tunjukkan trend bagaimana penguatkuasaan berdasar kepada nanotech dan bukan nanotech. *So this slide* kita lihat tahun 2012 dan 2013, peningkatan kelulusan kuota diesel yang diluluskan sebenarnya lebih kurang kalau jualan pun lebih kurang tidak jauh bezanya, peningkatan 11.62%. Cuma kalau lihat dari segi pertambahan kenderaan seperti Yang Berhormat sebut tadi, kalau berdasarkan kepada statistik JPJ 5.6% berlaku pertambahan kenderaan secara umumnya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kena kira kenderaan diesel.

**Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad:** *I know, I understand but* ia menunjukkan ada peningkatan dari segi pertambahan kenderaan. Saya juga bandingkan kalau dilihat dengan GDP kita, tahun lepas dan tahun ini dalam 4% atau 5% dan sudah tentu saya nampak di sini kalau 11% kenaikan kelulusan kuota diesel *must be something* yang tidak betul berlaku di situ. Jadi ini kemungkinan yang berlaku yang kata penyelewengan subsidi diesel tadi. *So* peningkatan sangat tinggi 11%. Namun kalau lihat dengan unjuran peningkatan kenderaan ataupun ekonomi GDP atau sebagainya itu jauh lebih rendah daripada apa yang diberikan.

**Tuan Pengerusi:** Dato' beri dia punya alasan-alasan tetapi masalahnya akhirnya Dato' juga jadi pegawai pengawal. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Boleh kita lihat *slide* berikutnya?

**Datuk Chua Tee Yong:** Dato' cuma hendak balik, sama ada setiap *petrol station we know how much diesel is used.* Itu saya hendak tahu? Adakah maklumat tersebut?

**Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Dengan *oil co.* ya, Dato' Dr. Noor Zari?

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat:** Kita ada.

**Datuk Chua Tee Yong:** Kita boleh lihatkan trendnya meningkat yang mana lebih banyak. Ada atau tidak buat trend unjuran begini?

**Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat:** Untuk setiap stesen tidak ada.

**Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad:** *Monitoring* sebenarnya dibuat tidak melalui sistem. Sistemnya *maybe manual* tidak melalui *online*. Akan tetapi memang ada cadangan kita nanti dan *way forward*, ini sudah ambil kira. *Last slide* nanti saya akan tunjukkanlah.

**Tuan Pengerusi:** Saya pun risau juga satu benda, Dato' nanti hendak buat sistem baru dan hendak minta bajet baru. Akan tetapi kalau Dato' dan pegawai Dato' tidak memikirkan *the whole process from end- to-end*, dari mula sampai habis, nanti saya takut sistem yang dibeli nanti tidak *complete*. Macam yang dilaporkan oleh Audit tadi ada pembelian sistem dibuat tahun 2008. Tahun 2005 ada sistem... *[Disampuk] SY based* pembekalnya akan tetapi sistem yang dalam kementerian dipanggil apa? Ini laporan daripada Jabatan Audit Negara tahun 2008 atau 2007. *[Disampuk]* SKDS nama dia. Laporan audit ini tahun berapa yang tidak dibuat? 2012 ya? Laporan audit tahun 2012 dibuat mengatakan sistem sudah ditukar. Ini laporan daripada *internal* audit kementerian sendiri, unit audit dalaman.

Sistem sudah dibeli tetapi sistem itu tidak menyeluruh kerana ia hanya fokus kepada pendaftaran pembekal sahaja. Akan tetapi fungsi-fungsi yang lain... *[Disampuk]* Nanti sekejap, sebab itu saya hendak tekankan *point* ini, dalam beli sistem ini kita kena tengok dia punya *end-to–end usage, need statement*nya dan sistem ini mesti *deliver* semua *function* ini sebelum kementerian terima dan *sign off* daripada kontraktor. Kita tidak mahu nanti satu permohonan untuk beli sistem ini dibuat, masa itu tidak di *spec* dengan baik untuk kegunaan penguatkuasaan pengurusan sistem ini. *Company* itu dibuat rangka dan dia *deliver.* Kementerian terima dan bayar. Selepas itu baru dapat tahu tak boleh buat itu, tak boleh buat ini dan sebagainya.

**■1320**

Sudah kena beli sistem baru pula. Sistem yang disebut tadi oleh Audit Negara, harga dia RM5 juta tetapi dia hanya boleh buat pendaftaran sahaja, syarikat-syarikat yang dapat bekalan diesel ini. Yang fungsi-fungsi lain seperti *monitoring* dan sebagainya seperti maklumat *analytical* yang disebut oleh Yang Berhormat Labis tadi, sistem ini patut dia boleh buat. Akan tetapi tak ada dalam *specification* dia, jadi pembekal tak bagi fungsi itu. Akan tetapi harga RM5 *million.* Saya sudah biasa Dato' dalam sistem ini, saya jadi *Director* Telekom dahulu 9 tahun Dato'. Beli sistem ini kita biasalah di Telekom. Bagi saya, RM5 juta itu belanja besar Dato' untuk beli sistem yang *simple* macam ini, yang sepatutnya macam *database management system* sahaja. Bukannya satu pembelian yang canggih hendak kontrol panggilan telefon dan sebagainya.

Jadi, kalau sistem yang dibeli tahun 2012, dimulakan tahun 2012, pun selepas itu Unit Audit Dalaman kementerian buat audit kata ada banyak fungsi yang sistem tidak boleh buat. Sekarang ini Datuk hendak cadangkan penambahbaikan dengan membeli sistem baru pula. Kita hendak pastikan bahawa apa-apa pembelian selepas ini biar dia ada dia punya – dia menepati keperluannya. Jangan beli sistem, selepas itu pakai kata kita sudah ada sistem dan perkara ini berulang balik akan datang.

Jadi itu saya rasa Dato', ini memang kita serius. Pasal apa, ada Laporan Audit tahun 2007 dahulu ada jaminan-jaminan penambahbaikan yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai sebelum itu. Tahun 2012 punya audit, keluar lagi benda yang sama, tak buat. Saya rasa simpati dengan jugalah pasal Dato' bukannya Pegawai Pengawal pada ketika itu tetapi sekarang ini tanggungjawab diletak kepada Datuk. Tahun depan *accrual accounting* akan dilaksanakan. Ini akan memberikan tekanan lagi kepada Pegawai Pengawal.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya teruskan ya.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Dato' Sri Alias, yang graf ini, tahun 2009 itu adakah di campur yang 11 ini atau di campur sekali dengan nelayan? *[Sambil menunjukkan graf]* Ini ada 11, jumlah kuota *fleet card* ada 11. Adakah yang carta ini termasuk dengan nelayan?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Tak masuk, tak masuk.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tak masuk?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Untuk runcit *station, station.*

**Encik Rosli bin Yaakub:** Maknanya ini runcit *station* sahaja?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** *Station.*

**Encik Rosli bin Yaakub:** Okey, itu satu soalan Dato'. Yang keduanya, tahun bila yang kita batalkan super subsidi?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Super subsidi untuk nelayan?

**Encik Rosli bin Yaakub:** Untuk kenderaan darat ini?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Tahun 2011, Jun. Dato' Dr. Noor Zari?

**Puan Syahriah binti Samsudin [Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri]:** Jun 2011.

**Encik Rosli bin Yaakub:** 2011?

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Ya.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Okey, selepas kita kurangkan itu tetapi penggunaan meningkat. Walaupun sudah kurang tetapi penggunaannya meningkat.

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Boleh saya *explain* sedikit? Dia, kita memansuhkan untuk *fleet card*. Jadi dia akan beli di stesen. Dia beli di stesen tanpa menggunakan *fleet card*. Jadi sudah tak ada kawalan kuota di situ. Jadi mereka boleh beli pada *volume* yang tanpa kawalan. Jadi disebabkan itu, dia punya *volume* itu meningkat.

**Datuk Chua Tee Yong:** Akan tetapi harga sudah meningkat bukan?

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Harga dia guna pada harga pamlah.

**Datuk Chua Tee Yong:** Harga pam? Dulu dia lebih murah?

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Dulu dia lebih murah.

**Datuk Chua Tee Yong:** Betul tak?

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Betul.

**Datuk Chua Tee Yong:** *So by right,* kalau dia sudah kurang subsidi, maka sebenarnya subsidi yang dikeluarkan patut kurang. Boleh tak saya tanya lebih *detail?* RM4.2 *million* dengan RM5.9 *million*, adakah peningkatan itu disebabkan dengan *fleet card* atau *skid tank* atau kenderaan persendirian?

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Okey, yang ini... *on* runcit *which is* tak masuk *fleet card. So*, penggunaan ini akan menunjukkan jumlah jualan di stesen. Dalam...

**Datuk Chua Tee Yong:** Di stesen?

**Puan Syahriah bt. Samsudin:** Ya, di stesen.

**Datuk Chua Tee Yong:** Kebanyakan stesenlah? Oleh kerana *fleet card* dan *skid tank* dia konsisten.

**Puan Syahriah binti Samsudin:** *Fleet card* dengan *skid tank,* ia tak banyak sangat perbezaan, dalam *five to 10% increment or decrease.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Okay. That means, your problem is error... petrol station.*

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, bagaimana hendak kontrol daripada 11 item kenderaan yang dibenarkan ini tetapi yang belinya lebih daripada itu? Macam mana kita hendak kontrol di petrol pam?

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Macam yang EPU ada cadangkan itu, kita hendak gunakan penggunaan kad di...

**Encik Rosli bin Yaakub:** Dalam kes ini, kes...

**Puan Syahriah binti Samsudin:** Okey, untuk kes ini, dia dibenarkan beli di stesen. Perbezaan dia, harga yang digunakan itu lebih murah dan ada kuota untuk setiap kategori kenderaan yang berdaftar. Jadi, di situ kita sudah ada *control measure* untuk yang sudah berdaftar, untuk sembilan kategori inilah. Jadi, yang *volume* peningkatan ini adalah yang kita tak kontrol sebab dia boleh beli tanpa limit.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, saya nampak isunya adalah isu pengagihan di bawah. Daripada petrol pam kepada pembeli. Saya nampak ada di kalangan pembeli ini bukan di kalangan sebelas ini. Itu memang *confirm* lah. Kalau di Sabah, Sarawak, ada kemungkinan dia bawa kereta yang ada boleh bubuh *tank* di belakang itu, dia boleh beli dan sebagainya. Mungkin ini kawalan selepas di situlah.

**Tuan Pengerusi:** Adakah kementerian membuat metrik? Metrik ini kata, okey ini fokus dia. Fokus dia berdasarkan kepada kereta besar ini, *tank* besar ini. *So, this should be the actual usage.* Macam Yang Berhormat Labis tanya tadi tetapi sekarang ini kalau tidak dikontrol pengeluaran diesel di pam ini, orang bawa *extra tank* di belakang isi dan tak kontrol. Itu yang *figure* yang tadi tahun 2011, 2012 dan 2013 nampak terus naik mendadak ini. Pasal bukan berlaku penyeludupan tetapi berlaku penyelewenganlah. Di pam sendiri, di pam dalam negara kita sendiri. Bukan penyeludupan di nelayan. Di Pam negara. *[Disampuk]* Ya lah, dia ambil diesel itu, dia juallah kepada –

**Seorang Ahli:** *They sell to industry…*

**Tuan Pengerusi:** *They sell to industry, and then they make the reference of the subsidy. So,* Dato', saya bukan apa. Saya tengok isu ini..

**Seorang Ahli:** Tak ke mana...

**Tuan Pengerusi:** Ya, tak ke mana pun. Dato' dan pegawai Dato' tidak memikirkan mengenai *loophole, loophole* yang ada ini. Yang kita anggap *loophole* tadi di peringkat nelayan, di peringkat *border* tetapi *fleet card* itu sendiri pun dalam negara yang senang hendak kontrol ini pun tidak difikirkan bagaimana hendak kontrol pengeluaran diesel di pam ini. Ini menimbulkan soalan kepada saya juga. Adakah *collusion* antara pegawai Dato' dengan lima *company* minyak ini? Pasal lima *company* minyak ini, dia bukan kisah dia jual kepada sesiapa pun? Asalkan dia jual minyak sahaja, dia dapat dia punya *full payment*, selepas itu dia *claim back* daripada kerajaan subsidinya. Ini sudah buka isu lain Dato'.

Jadi kesimpulan ini Dato', *we have going nowhere, you know why? Because we are going outside of topic now.* Nanti kesian dekat Datuk Seri Mohd Hashim tunggu sebab bincang isu ini sahaja panjang..

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Untuk makluman Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Dan boleh menimbulkan lagi... Beginilah, kalau boleh Dato' habiskan datuk punya ini dulu. Kita pergi pada LKIM, selepas itu kita *decide where to go because now is already 1.30.* Kalau kita teruskan begini, dia akan berlarutan pada benda-benda yang di luar daripada topik yang kita

bincang tadi. Akan tetapi ada relevan dia pasal ia berkenaan dengan topik itu juga. Akan tetapi sudah jadi bukan penyeludupan. Dia jadi penyelewengan pula.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, jadi saya rasa boleh kita minta tak? Tadi yang pasal yang pertama, tadi ada kenapa *nanotag* itu diberhentikan kan atas nasihat dia kata, sebab begitu, begini, begini. *We want to* tengok surat itu yang mengapa ia diberhentikan sebab *for whatever reason*. Keduanya lagi ialah tentang tadi penambahan yang tadi graf carta ini. Seperti ditanya oleh Yang Berhormat Labis tadi iaitu pecahan. Naik-naik itu, kita mintalah pecahan daripada 11 kenderaan ini.

**■1330**

Rasa-rasanya stesen minyak ada itu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya cuma hendak tambah minta kalau boleh kita hendak unjuran itu daripada tahun 2010, tahun 2011, tahun 2012, tahun 2013 mana datang RM5 bilion atau RM8 bilion itu tadi mana datangnya peningkatan itu? Bagaimana kementerian boleh bersetuju dengan unjuran yang diberi oleh lima pembekal minyak tadi itu? Atas apa alasan?

**Dato Sri Alias Haji Ahmad:** Saya teruskan dengan penguatkuasaan diesel yang *key* kepada kementerian. Jadi agensi-agensi penguat kuasa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan penguatkuasaan penyelewengan dan juga penyeludupan diesel ini satu itu daripada agensi *enforcement* kita. Selain daripada KPDNKK ada UPP (Unit Pencegahan Penyeludupan) di sempadan utara dan APMM di laut 12 batu nautika *mile* dan PDRM Maritim, Kastam dan juga *task force* yang diuruskan oleh pihak AGC dan agensi-agensi sokongan yang lain itu melibatkan JPJ, Jabatan Laut, SPAD, Imigresen, SPRM, RELA dan juga LKIM terlibat sama sebagai agensi penguatkuasaan.

Jadi berbagai-bagai akta yang terlibat di sini selain daripada Akta Kawalan Bekalan 1961, terlibat juga ialah Akta Kastam Penyeludupan dan juga AMLATFA juga terlibat sama dalam penyeludupan ini.

**Tuan Pengerusi:** Hendak tanya Dato, hubungan kementerian dengan agensi lain ini semua baik atau tidak baik? Kalau hendak buat penguatkuasaan ini dapat kerjasama atau tidak dapat kerjasama.

**Dato Sri Alias Haji Ahmad:** Okey apabila kita laksanakan Ops Titik 15 Mei yang lepas inilah agensi yang terlibat secara bersepadu dengan kita. Sudah tentu dalam konteks *Blue Ocean Strategy* mereka bersama-sama dengan pihak kementerian di mana yang perlu sebab kita tahu kita memerlukan semua agensi. Kalau kita tidak ada aset di laut, sudah tentu APMM akan datang dan juga di sempadan UPP dan juga Kastam memainkan peranan.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang *lead*? Kementerian yang *lead*? Dato' sendiri yang *lead*?

**Dato' Seri Alias Haji Ahmad:** Untuk selain daripada laut, untuk Ops Titik kita sebagai *lead agency*.

**Tuan Pengerusi:** Dato' sendiri bertanggungjawab ataupun Dato' serah kepada orang lain?

**Dato Sri Alias Haji Ahmad:** Tidak. Saya serupa komander atau apa tidak tahulah. Akan tetapi untuk penyelarasan memang saya buat di peringkat jabatan dan Pengarah *Enforcement* saya ada di sini. *So his on the ground and the SOP* semua kita ada untuk semua pihaklah.

**Tuan Pengerusi:** *So* kerjasama baiklah di antara semua agensi?

**Dato Sri Alias Haji Ahmad:** Alhamdulillah setakat ini *last meeting* satu minggu yang lalu. Kali kedua kita buat *meeting* penyelarasan di bawah satu bulan lebih Ops ini dilaksanakan dan kita buat *meeting* kedua. Kita akan buat lagi mungkin sepantas mana pun Menteri sebutkan di sini perlu atau tidak saya memanggil di peringkat Menteri yang terlibat dalam hal ini di mana kita sangat serius tentang pelaksanaan operasi Ops Titik ini.

Okey *slide* berikutnya ialah penguatkuasaan dan tindakan kes sejak tahun 2011 hingga tahun 2013. Pada masa itu tiada operasi khas untuk diesel ini tetapi operasi dijalankan secara operasi biasa tanpa memberi tumpuan secara bersepadu yang dibuat seperti sekarang inilah. Jadi daripada tahun berkenaan terdapat 1,865 kes dengan nilai rampasan liter 27.7 juta liter dan nilai rampasan RM42.4 juta. Maknanya operasi sentiasa dibuat bukan tidak dibuat cuma tidak spesifik seperti sekarang. Inilah Ops Titik Yang Berhormat dan Ahli-ahli Jawatankuasa bermula pada 15 Mei kita *target* sampai 31 Disember selama enam bulan 2014 dan fokus kepada *not only* diesel tetapi juga petrol subsidi RON95 dan juga LPG atau gas petrol cecair.

Jadi objektif kita memang jelas untuk membasmi kegiatan jenayah penyelewengan ini dan menggempur semua *hotspot* yang ada dalam pemerhatian kita. Tentang *intelligent information* sudah tentu kita *gather* dengan semua agensi yang lain sebab dengan kapasiti kita 1,800, Yang Berhormat dan Ahli Jawatankuasa, kita tidak boleh berseorangan dalam kes ini. Jadi *information* penting. Kita tidak boleh serbu sembarangan tanpa ada informasi.

Untuk makluman Ahli-ahli Jawatankuasa juga sekarang ini serentak kita jalankan tiga operasi sekarang ini, bermula daripada tiga bulan yang lepas iaitu operasi tentang harga kita teruskan juga dan juga operasi cetak rompak, kita teruskan. Ini berkaitan dengan Laporan United Nations kepada kita dan kita mesti kekal bahawa kita bukan negara yang dikehendaki atau *centre* kepada bahan-bahan cetak rompak. Kita kena teruskan sebab kita sudah berjaya selama dua tahun dan kita kena *maintain. So* kita buat juga.

Dalam operasi Ops Titik, tiga operasi serentak pegawai saya ialah 1,800. Jumlah pegawai yang melaksanakan semua ini. Ops Harga kita memang *day to day, everyday* kita buat dan *target* kita ialah 2.5 juta pemeriksaan pada tahun ini. Ini satu *task* yang besar saya rasa tetapi inilah kapasiti dan *capability* yang ada pada penguat kuasa KPDNKK sekarang ini. Jadi *hopefully* dengan bantuan daripada agensi lain, penguat kuasa lain insya-Allah kita dapat maksimumkan output atau *outcome* kita dalam proses ini. Cuma selalunya apabila operasi dibuat oleh agensi lain, siasatan dan pendakwaan akan pergi kepada KPDNKK. *Backlog* ada 100 kes sekarang ini dalam rekod kita tidak dapat diselesaikan lagi. Jadi sudah tentu ini satu cabaran besar kepada pihak kementerian.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dato' Sri, kalau esok ini PJU punya *favorite topic*. Esok apabila *introduce* GST kita akan ada masalah kenaikan harga ini. *So* 1,800 orang ini jugalah.

**Dato Sri Alias Haji Ahmad:** Ya inilah Yang Berhormat. Cuma alhamdulillah JPA setelah kita merayu untuk mendapatkan tambahan 475 untuk penguatkuasaan GST Anti-*Profiteering* dan kawalan harga tetapi pengambilan itu saya rasa tidak kurang daripada enam bulan dan kita perlu latihan dan

sebagainya. Akan tetapi tidak mengapa saya akan *utilize* pegawai yang ada pengalaman dan yang baru kita *replace* tempat lain. *That our strategy* sekarang ini.

*So* saya tahu bahawa kalau ambil contoh di Australia dilaksanakan GST dipanggil *anti price manipulation exploitation. The first two years* dapat 800,000 kompelin, aduan. *So* ini yang hendak disiasat oleh penguat kuasa. Jadi peranan penguat kuasa nanti kita akan lihat strategi kita bagaimana. Terima kasihlah kerana pindaan Akta GST, *enforcement* kita diluluskan dua hari lepas. *So* memberi ruang lebih mantap kementerian untuk melaksanakan mekanismenya sendiri.

Okey ini pencapaian Ops Titik sejak 15 Mei lepas sampai 18 Jun semalam kita telah dapat 171 kes. Ini sesuatu yang memberangsangkan dalam tempoh sebulan lebih dan nilai rampasan RM8.7 juta. Ini termasuklah kita nilaikan diesel yang dirampas dan juga kenderaan. Kita nilai di situlah. Jadi sangat memberangsangkan dengan 171 kes dalam tempoh sebulan lebih. Ini tindakan kita yang sangat pro aktif saya rasa keputusan yang besar, *big and bold* yang kita buat sekarang ini.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** Dato hendak tanya cuma yang macam Melaka, selepas itu Wilayah Persekutuan Labuan satu kes dan satu lagi Terengganu. Boleh atau tidak beritahu kenapa satu *compare* tempat lain lagi banyak. Adakah sebab *enforcement* di Melaka tidak buat kerja saya tidak tahulah. *Just* hendak tanya sebab *compare to others state* nilainya lebih banyak dan boleh tak ada perbandingan di antara negeri dengan negeri lain? Terima kasih.

**Dato Sri Alias Haji Ahmad:** Itu urusan Pengarah Penguat kuasa.

**Encik Mohd. Roslan (KPDNKK):** Izinkan saya Tuan Pengerusi. Sebenarnya *figure* yang menunjukkan bilangan yang kecil ini bukan bermakna mereka tidak buat kerja tetapi ada beberapa kita pergi tempat-tempat yang kita kenal pasti sebagai *hotspot*. Jadi tidak banyak negeri yang mempunyai *hotspot* yang begitu banyak.

Jadi kadang-kadang ada *hotspot* ini yang kita anggap belum lagi masak untuk diserbu *there and there*. Jadi ia akan mengambil masa sedikitlah. Jadi kita *sure* selepas ini *figure* ini akan meningkatlah *insya-Allah.*

**Dato Sri Alias Haji Ahmad:** Trend ini negeri-negeri yang ada banyak *hotspot* iaitu kawasan-kawasan industri, kawasan-kawasan sempadan negara asing itu selalunya menjadi tumpuan kepada penyelewengan ataupun penyeludupan. Jadi kedua bergantung juga ...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dato Sri, kalau kita tengok perbandingan tahun 2012 dan tahun 2013 kita ada nilaian rampasan ini RM6 bilion, RM14 bilion. Akan tetapi satu Ops Titik sahaja kita sudah dapat RM8 bilion. Jadi ke depan macam mana sebab kita tengok... *[Disampuk]* RM8 juta dengan RM14 juta tadi. Tidak maksudnya tahun 2013 RM14 juta tetapi satu program yang Ops Titik ini satu bulan sahaja ini kita dapat RM8 juta.

**■1340**

*So*, kadang-kadang itu Dato' Sri di bawah ini, cerita di bawah, kita boleh agak bila kementerian hendak buat *enforcement* ini. Dia dah macam tahu dah bulan-bulan apa, musim-musim apa yang

*enforcement* hendak buat ini. Adakah kementerian berfikir bahawa Ops Titik ini mesti dijadikan satu program berterusan?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Fasa pertama ialah daripada Mei sehingga 31 Disember tahun ini. Jadi, kita akan *review* sama ada kejayaan dan di mana *loopholes* kelemahan kita, kita akan buat *post-mortem*. Sudah tentu kalau isu ini berterusan kita akan meneruskan sebagai ops yang paling penting bagi kita sebab ini ketirisan.

Akan tetapi saya selalu sebutkan bahawa penguatkuasaan bukan satu-satunya *solution* kepada masalah ini. Saya masih menunggu satu sistem yang betul-betul efektif dan efisien untuk menguruskan subsidi-subsidi diesel ini. Jadi, *insya-Allah* nanti saya akan sentuh sedikit *last slide* nanti, apa yang dalam *pipeline* kita untuk ke arah ini sebenarnya.

Pampasan ini ibarat kita mencari, melihat. Akan tetapi orang yang menyeludup ataupun yang menyeleweng itu dia pun pintar juga. Bukan dia berdiam diri, cari di mana *loopholes* kita. Jadi, saya dapati untuk makluman Yang Berhormat, kenapa saya buat keputusan serta-merta tiga minggu lepas untuk mengehadkan jualan di petrol stesen, di pam stesen di negeri sempadan di Kelantan sahaja *because* saya dapati satu pam stesen jual sampai 1.9 juta liter, ini kes petrol dulu.

Di Rantau Panjang satu bulan ada 1 juta liter, 1.2 juta liter, 800 juta liter sedangkan saya bandingkan dengan di bandar Kota Bharu hanya di antara 340,000 dan 400,000 sahaja di bandar. Itu yang kereta banyak tetapi kalau pergi di Rantau Panjang dan Pangkalan Kubu yang semua *town* macam itu jual satu juta liter, *something not right*. Jadi, hari itu juga saya buat keputusan dengan Yang Berhormat Menteri, saya hadkan serta-merta jualan kuota kepada petrol stesen itu. Kita memantau betul-betul. Jadi tindakan ini yang agak *big and bold...*

**Tuan Pengerusi**: Yang Berhormat Dato' belum diancam lagi lah oleh sesiapa ya? *[Ketawa]*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** *Enforcement* kena.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Rantau Panjang, semasa saya Naib Ketua Pemuda Malaysia tahun 1998, kita sudah pergi sekali dengan *enforcement* itu, boleh dikatakan *everywhere* memang penyeludupanlah. *It is an open* penyeludupan macam Mexico dengan Amerika ini. Akan tetapi saya rasa kerajaan tidak pernah serius. Dia berkala. Sekejap, sebulan, dua bulan, diam balik. Lepas itu bising balik. Saya rasa Dato' Sri kena betul-betul tengok *overall solution* untuk situ. Tidak semua orang tahu. Dunia pun tidak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Dato', yang penting untuk saya, penggunaan pengumpulan data dan juga manipulasi data ini penting. Saya tengok kementerian buat macam *ad hoc*. Bila sudah dicerahkan oleh Pihak Audit atau macam hari ini PAC panggil baru hendak jalan. *Statement* saya, yang saya buat itu sebulan lepas.

Akan tetapi kalau ada penggunaan data yang betul-betul, pengumpulan, lepas itu analisa data dan juga manipulasi data itu, tengok trend dia cukup. Tengok di mana stesen minyak yang jual lebih daripada kuota dia dan sebagainya. Tidak payah hendak ada penguatkuasaan yang besar-besar pun. Fasal apa *as long as data* itu *is timely and accurate and not rubbish data, you can use that as your early*

*warning system that reflect activity* penyeludupan dan aktiviti penyelewengan mungkin berlaku di sana. *Then, you send your team not* macam tadi Dato' kata, *"Okay, we identify hotspot which is industrial area. We send our people there."*

Akan tetapi *you do not know where. It is easier if you can have and used a system where you can actually have exceptional report. You cannot red flag –because* diesel ini *it will only be issued from specified pump or specified* tangki. Bukannya dia boleh jual dekat tepi jalan macam itu. Kalau setiap stesen ini maklumat dia boleh dihubungkan, maklumat itu boleh *on time* dan juga boleh diberi analisa dan buat langkah-langkah strategi berdasarkan data tersebut, itu lebih mudah lagi dan sistem itu saya tahu tidak mahal. Tidak mahal sangat.

Akan tetapi kalau guna itu sistem itu mungkin belanja RM10 juta tetapi bandingkan dengan kos sekali operasi. Lama-lama kos penguatkuasaan hendak menguruskan subsidi ini lebih mahal daripada – ditambah mahal kepada subsidi yang diberi. Itu pun tidak mengurangkan ketirisan dan juga *wastage* ini.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Okey, terima kasih. Saya mengambil maklum pandangan Tuan Pengerusi. *So, next slide* ialah *point of target* di mana tempat-tempat yang selalu kita anggapkan jadi ruang dan peluang untuk berlaku penyelewengan. Kalau lihat di tengah itu yang biru, ini sudah selalunya tempat diesel murah. Ini selalu *target* yang diguna pakai. *From* Depoh pergi kepada yang sama ada di pam stesen, syarikat persendirian ataupun persatuan nelayan.

Di sinilah puncanya diesel itu murah dan ada berlaku penyelewengan, sama ada terus kepada sindiket ataupun orang perseorangan, sama ada hendak seludup ke luar negara ataupun ke kawasan-kawasan asing yang melalui *bunkering* tadi ataupun industri *offshore*, kepada pemborong dan sebagainya. Jadi, ini punca-punca yang berlaku yang tengah-tengah itu. *[Merujuk slaid pembentang]*

Jadi, kita hendak kawal sebenarnya yang di tengah ini dan juga dari Depoh itu sendiri. Jadi *as I mention* Tuan Pengerusi dan... ini juga, kita buat *enforcement* bukan satu-satunya *solution* yang terbaik untuk mengatasi isu ini melainkan sistem itu sendiri. Sistem di mana kita hendak – supaya setiap stesen minyak, setiap pengguna dan sebagainya itu dia ada hak tertentu. Dia layak. Jadi, kalau kenderaan asing atau rakyat asing, bagaimana supaya mereka ini tidak menikmati subsidi kita. Ini semua sudah termasuk di dalam kaedah yang akan dilaksanakan *insya-Allah* sistem baru nanti.

Okey, *next slide. Hotspot* penyelewengan, kita lihat titik-titik merah itu, kalau titik-titik merah di utara itu memang tempat dia untuk di seludup ke negeri sempadan di sana. Kalau di kawasan tengah yang Semenanjung Malaysia sebelah kiri itu selalu sama ada pergi Port Klang, dikeluarkan ke luar negara ataupun kegunaan industri.

Manakala selatan itu, *of course* akan pergi kerana *Singapore*. Manakala di Sabah dan Sarawak ini sama ada dia pergi ke negara jiran juga ataupun digunakan untuk pembalak-pembalak di kawasan pedalaman. Di sinilah *hotspot* yang menjadi tumpuan bagi pihak *enforcement* dan juga *intelligent* kita, memberi tumpuan.

Jadi, ini saya hendak tunjukkan kepada Ahli Jawatankuasa, operasi bersama dengan pasukan khas yang daripada Jabatan Peguam Negara. Ia mengandungi pelbagai agensi di dalamnya. Jadi, telah

melaksanakan beberapa siri. Kalau OD1N maknanya Operasi Diesel dan Petrol 1North manakala OD2N itu Operasi Diesel 2North. OD1S, Operasi Diesel 1Selatan. ODEC itu *Ops Diesel East Coast.* Inilah kategori-kategori operasi yang dibuat bersama dengan pasukan *Task Force AG*. 70% daripada anggota ini ialah daripada KPDNKK.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dato', Sri, yang OD1N, OD2N ini bila ia dibuat?

**Encik Mohd Roslan bin Mahayudin:** Sekitar bulan 10 dan bulan 11 tahun lepas.

**Seorang ahli:** Sabah Sarawak?

**Encik Mohd Roslan bin Mahayudin:** Sabah dan Sarawak belum lagi.

**Seorang Ahli:** Kita buat dekat Limbang sahajalah.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Okey, *sorry*. Jumlah kes setakat ini ialah 38 kes. Rampasan minyak 2.2 juta liter dan nilai wang RM949,000. Jumlah akaun yang terlibat 370 dan nilai bank pembekuan RM50.86 juta. Ini yang pentingnya *task force* ini kerana di dalam itu ada Bank Negara dan AG. Ini tidak mampu dibuat oleh KPDNKK kerana kita tiada pihak-pihak ini.

Jadi *it come together* tentang akaun bank ini. Keberkesanan saya nampak di sini, jadi operasi ini akan diteruskan. Pembiayaan operasi ini dikira besar juga. Jadi Bank Negara, *they have their own fund,* AG, akaun amanah dia, jadi kita pelbagai halangan dengan pegawai-pegawai kita hendak buat untuk *secret fund* dan sebagainya untuk bayar kepada *intelligent* kita dan sebagai. *So*, banyak halangan di situ.

**■1350**

Akan tetapi kali ini agak okey. Dia ada akaun amanah dia sendiri. *So, it's just issue* lah.

**Tuan Pengerusi:** *Secret fund* itu ada orang audit tidak? *[Ketawa]*

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Audit, audit. Audit belanja tidak belanja sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Misalkan ada pemantauan daripada Ketua Audit Negara...

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Kira dia belanja dengan tidak belanja sahaja...

**Tuan Pengerusi:** Jangan tidak ada audit pula.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Ada, ada. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Mungkin *secret fund* dia besar itu.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Di Bank Negara ada akaun. Tabung amanah yang diluluskan oleh saya ingat – minta maaf ya MOF. *So,* dia ambil 10% daripada ini.

**Tuan Pengerusi:** Dato, saya tengok jam itu sudah 1.50 Dato. Belum sampai lagi masa untuk Datuk Hashim. Datuk Hashim punya pembentangan pun saya rasa tebal ini.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Sikit lagi, sikit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi mungkin Datuk Hashim, Datuk Hashim boleh datang balik tidak?

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah [Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]:** *Sorry?*

**Tuan Pengerusi:** Datuk Hashim boleh datang balik tidak lain kali?

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Boleh. Kalau PAC panggil, boleh. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Sebab kita kesian Datuk kan. Sudahlah semalam datang, ini hari kena tunggu pula. Mungkin tidak sempat.

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Dia macam main bola lah. Kalau dua hari itu hendak lawan sekali lagi itu kalahlah.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Lembik?

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Lembik dah.

**Tuan Pengerusi:** Jadi lebih baik rehat dulu, selepas itu datang balik *game* akan datang. Jadi saya rasa Datuk, kalau boleh kita tangguhkan Datuk punya pembentangan ya pada masa akan datang. Bagi Dato Alias habiskan. Selepas itu kita boleh tangguh persidangan ini.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Bulan Ramadhan nanti sambunglah.

**Tuan Pengerusi:** Ini isu berat, bulan Ramadhan nanti tidak boleh fikir sudah. *[Ketawa]*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Tidak, soalan mesti ada Datuk. Kita ada banyak soalan tetapi kita buat kemudian. Akan tetapi Dato Alias, Dato Alias habiskan secepat mungkin. Selepas itu Datuk Hashim boleh bagi taklimat. Terima kasih.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berikut tentang kesalahan yang lazim, keslahan utama iaitu stor pengumpulan dan penjualan diesel bersubsidi secara haram, tiada kelulusan daripada pihak KPDNKK. Kedua, terdapat stesen minyak yang bersekongkol dengan sindiket ini, menjual minyak diesel kepada pihak sindiket di luar sana, berpakat. Yang ketiga sudah tentu mengeksport secara haram minyak diesel bersubsidi. Jadi hukuman di bawah seksyen 22 Akta Kawalan Bekalan 1961.

*Next slide, [Merujuk kepada slaid]* ialah impak kepada kejayaan Ops Titik ini. Kalau saya dapat tunjukkan dekat sini sejak sebulan lebih yang lalu, yang penting ialah tiada *stock out this year*. Kalau dulu selalu dia minta tambah, minta tambah. *So,* apabila dilaksanakan operasi ini *stock out* tidak timbul lagi. Ertinya penggunaan sebenar di pam stesen itu. Jadi kalau dulu selalu kita terima permohonan untuk tambahan, tambahan untuk *stock out* ya. So, ini nampak kesannya. Secara umum saya katakan di antara *20% to 30%* sekarang ini saya rasa kita dapat atasi isu ketirisan ini. Saya belum buat kajian secara *detail* lagi Yang Berhormat. Graf ini juga menunjukkan kuantiti, jumlah penggunaan sebenar diesel subsidi daripada Februari hingga Mei 2014. Ditunjukkan di sini jumlahnya.

Langkah-langkah pemantapan integriti yang diambil oleh pihak kementerian terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian termasuk juga *enforcement*. Kita memperkuatkan bahagian integriti itu sendiri yang dipinjamkan daripada SPRM sebagai pengarah dialah. Peranan integriti ini bukan sahaja untuk melihat masalah dalaman, prosedur kita tidak teratur atau memberi kempen, memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai tentang kepentingan integriti. Membuat *rotation*, pusingan kerja. Arahan sekarang ini tiga tahun untuk pegawai-pegawai yang tempat-tempat kritikal. Akan tetapi sekiranya ada keperluan, kita akan buat lebih kerap, *less than three years*. Sudah tentu dalam kempen integriti itu

kita membudayakan nilai-nilai murni terhadap pegawai dan berintegriti. Kita bekerjasama dengan SPRM, dalam operasi juga melibatkan SPRM supaya lebih telus operasi yang kita buat.

Jadi, *so far* daripada tahun 2013 hingga 2015 tiada pegawai *enforcement* kita yang ditangkap dalam isu rasuah inilah.

**Tuan Pengerusi:** Setakat inilah?

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Setakat ini saya kata Yang Berhormat, *alhamdulillah*. Jadi kita doakan supaya tidak adalah. Jadi kalau ada laporan saya pun tunggu. Jadi apabila surat khabar melaporkan ada pegawai *enforcement* ada RM1.5 juta dalam akaun disiasat dan sebagainya, setakat ini saya tidak terima laporan secara rasmi mengatakan pegawai KPDNKK. Saya menunggu-nunggu juga *because* kita ada...

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** *Yes, sir.* Jadi saya cerita dalam – kita ada juga lembaga tatatertib dan sebagainya untuk proses hukuman, dalaman kita. Jadi setakat ini tiada laporan rasmi tentang isu berkenaan pada pihak pentadbiranlah. *Next slide,* tindakan terbaru yang kita ambil sejak dua bulan lepas...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Out of curiosity,* macam mana hendak tentukan pegawai yang tolak rasuah? Yang diberikan sijil tolak rasuah.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Sijil penghargaan? Kepada KPDNKK semuanya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Macam mana hendak tentukan...

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** 24 sijil penghargaan tolak rasuah. *[Disampuk]* Kriteria? Oh *sorry,* tidak berapa dengar. Minta maaf.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Macam mana hendak tentukan sama ada mereka tolak rasuah kah tidak tolak rasuah?

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** SPRM yang tetapkan kriteria *because* sijil ini dikeluarkan oleh SPRM.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** *Yes.* Jadi mungkin sebahagiannya tiada kes-kes yang melibatkan perkara ini.

**Encik Mohd Roslan bin Mahayudin [Pengarah Bahagian Penguat kuasa]:** Sebenarnya sijil itu diberi oleh pihak SPRM sendiri. Ini kerana ketika operasi-operasi yang dibuat itu kita sering beroperasi dengan pihak SPRM. Dalam beberapa operasi itu, mungkin pihak SPRM dia *observe* apa yang berlakulah.

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Terima kasih. Saya teruskan Yang Berhormat. Okey, tindakan-tindakan terbaru sejak bulan yang lalu terhadap dalam kes diesel ini, pertama kementerian telah memutuskan untuk membekukan pengeluaran kebenaran lesen operasi PDA ini untuk runcit atau *pump station* dan juga pada lesen borong. Tiada lagi lesen baru dikeluarkan sejak bulan yang lepas sehingga kajian dibuat semula dan kita akan keluarkan polisi ataupun kriteria baru. Jadi pembekuan ini berkuat

kuasa sehingga bulan Disember atau mana yang lebih terdahulu berasas kepada penemuan-penemuan dan kajian yang dibuat.

Jadi setakat ini jumlah peruncit ataupun *dealers pump station* ini 3,550 seluruh negara, *bunkering* ada 918 dan pemborong 865. Ini yang sedia ada. Akan tetapi yang baru sahaja dibekukan untuk lesen baru.

Kedua membatalkan kebenaran lesen PDA dan lesen borong diesel yang beroperasi di jeti-jeti persendirian. Jadi jeti persendirian ini terdapat 26 sahaja. Jadi kita tarik balik sebab dalam siasatan kita didapati penyalahgunaan *private jetty* ini sebagai *source* untuk menyalurkan diesel subsidi ini kepada kapal-kapal di luar sana.

Seterusnya menggantung lesen semasa dan siasatan terhadap *dealers* ataupun *pump station* ini. Jadi kita sudah berbincang dengan *oil co.* sepanjang tempoh penggantungan ini untuk tidak menjejaskan rakyat di kawasan berkenaan, pihak syarikat minyak *oil co.* ini akan bertanggungjawab untuk menghidupkan operasi tanpa melibatkan syarikat yang disiasat. Jadi tindakan ini sebenarnya yang baru yang agak drastik dan agresif dibuat oleh kementerian untuk memberi mesej kepada *pump station* ini supaya mereka lebih bertanggungjawab dan mematuhi peraturan dan undang-undang.

Sudah tentu yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat dan Ahli-ahli Jawatankuasa mengehadkan kuota jualan diesel radius 25 kilometer dari sempadan di Kelantan tetapi minggu depan *insya-Allah* kita *come out with another* arahan untuk sempadan-sempadan yang lain termasuk Johor, Kedah, Perlis, Perak, Sabah dan Sarawak. Esok saya akan dapatkan *detail* daripada semua negeri dan *by next week insya-Allah* Yang Berhormat Menteri akan buat *announcement* tindakan berikutnya. Mungkin hampir sama seperti tindakan kita buat di Kelantan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Okey, hendak tanya. Saya daripada Tumpat jadi ada pengalaman ini. Namun hendak jelaskan pasal diesel dan sebagainya, okey. Adakah ini ditafsirkan bahawa hendak buka stesen minyak baru pun tidak boleh di sempadan? Ataupun hanya stesen minyak itu urusan biasa tetapi bab diesel itu ada larangan yang khusus. Sebab saya dapat maklumat di bawah seolah-olah hendak buka stesen petrol – stesen minyak pun sudah di bekukan. *What is the real position?*

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua perkara di sini. Pembekuan sementara ini untuk lesen-lesen baru sahaja. Mulai daripada bulan lepas saya sebutkan sehingga Disember atau sehingga kajian atau kriteria atau prosedur baru dikeluarkan. Akan tetapi yang kedua ini ialah mengehadkan setiap pam stesen untuk menjual diesel bagi setiap bulan. Selama ini tidak ada peraturan ini, kita akan mulakan secara pentadbiran peraturan ini. **Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya memang ada pembekuan lesen baru untuk stesen minyak?

**Dato Sri Alias bin Hj. Ahmad:** Pembekuan lesen baru untuk *dealer* atau pam stesen ini dan juga lesen pemborongan dan juga *bunkering* yang sedia ada sudah mencukupi *at least* untuk tempoh enam bulan ini atau kurang daripada itu. Saya sebutkan jumlah 3,550 itu untuk pam stesen, *bunkering* 118 dan lesen borong 865 itu sudah memadai.

**■1400**

Saya sebutkan tadi, semua negeri sempadan radius kosong hingga 25 kilometer selain daripada Kelantan *insya-Allah* minggu depan Menteri akan umumkan tindakan hampir sama cuma jumlah berapa banyak yang digunakan, kuota untuk dijual di pam stesen tadi. Berikut ialah operasi ulangan bagi – sudah tentu ini yang saya sebutkan tadi, operasi kita jalankan Ops Titik. *So, second last way forward* MOF, EPU dan juga *Economic Council* sudah tampil terakhir untuk memperkenalkan satu sistem baru yang saya rasa *this end to end system,* komprehensif dan *cover* semua. Apa yang penting saya nampak sistem ini lebih efisien dan lebih efektif.

Saya rasa tidak boleh mendahului sebab kerajaan belum umumkan lagi. Akan tetapi sudah pasti bahawa saya yakin sebagai agensi yang menguatkuasakan, saya sangat bersyukur dan berterima kasih. Sebagai pegangan kita bahawa saya sebutkan tadi operasi bukan satu-satunya jalan paling baik untuk menguatkuasakan isu diesel. *We must have a very good system, effective and must be in place. So,* pegangan saya *insya-Allah,* saya harap kita bersabar...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dato' Sri, sebelum itu, ini yang tentang Audi E1 ini tadi, data ini rampasan daripada stesen minyak ataupun *bunkering?* Kebanyakannya dari mana?

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Jumlah kes?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ya, punca rampasan ini.

**Encik Mohd Roslan bin Mahayudin:** Kebanyakan kes ini adalah bukan stesen minyak. Ia banyak di peringkat *bunkering*. Minyak yang banyak di *supply* ke kapal yang jumlahnya agak besarlah dalam *million liters* rampasan. Terima kasih.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Dalam *way forward* tadi juga dalam sistem ini sudah tentu rakyat asing tidak akan *enjoy* sistem subsidi yang kita digunakan nanti. Begitu juga kenderaan asing berdaftar juga tidak akan menikmati subsidi dan kawalan sudah tentu ada. Ia tidak *loose* seperti sekarang ini. *So,* setiap orang akan mendapat hak masing-masing selayaknyalah. Oleh sebab itu saya kata lebih efektif dan lebih efisien. *Next,* kesimpulannya itulah objektif dan harapan kita dari segi *enforcement* supaya kita dapat mengatasi isu-isu penyelewengan yang berlaku dan sejak 15 tahun yang lalu, berbagai-bagai kaedah dilaksanakan. Namun benda ini tidak berterusan. Kalau lihat secara umumnya sejak saya masuk kementerian ini empat bulan yang lalu, beberapa keputusan yang bagi saya *big and bold,* keputusan yang dibuat dan Ops Titik juga kita laksanakan serentak dengan tiga operasi yang lain. *Insya-Allah* dan kita juga menyampaikan *message* kepada masyarakat dalam media-media apa yang dibuat tindakan oleh pihak kementerian.

Saya nampak bahawa kita sudah bekerjasama dengan rakyat dan kita memahami tindakan-tindakan yang diambil. Itu pandangan saya Yang Berhormat, sebagai Pegawai Pengawal kepada kementerian ini. *So,* berikut adalah beberapa – Saya tunjukkan beberapa keping gambar yang sempat kita ambil. Akan tetapi saya rasa kita ada tiga minit. Video itu saya rasa tidak payahlah, contoh-contoh tindakan yang diambil. *So, with that* saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa yang bersama-sama dengan pihak kementerian pagi ini. Terima kasih kepada Dato' Sri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Banyak soalan tetapi saya tidak akan tanya soalan yang kita rasa isu yang PC akan bincang. Akan tetapi saya ada satu *observation* sahaja. Saya pernah pergi Kangar, Perlis.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Kangar. Perlis ya? *Sorry.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Sorry,* Kangar. Bila saya tiba di petrol stesen di sana dengan rakan saya yang ada di Perlis, kita nampak kereta Thailand pam petrol diesel banyak. Saya tanya kawan saya, *"Eh! Saya fikir kereta Thailand memang tidak boleh pakai petrol dekat stesen petrol di Perlis."* Dia kata betul dan penguat kuasa pun ada, dia tunjuk saya. Penguat kuasa duduk di sana tetapi kereta Thailand sedang pam petrol di sana, penguat kuasa duduk di sana. Saya tanya kenapa penguat kuasa tidak buat apa-apa? Ada, dia ada tulis nota kereta pam petrol ataupun pam diesel. Habis dia tulis buat apa? Bila kereta itu keluar kastam, ada orang sana akan kutip wang dari pihak yang pam petrol tersebut.

*So,* ada *collaboration* antara pihak penguat kuasa yang sepatutnya duduk di sana, halang pihak pam petrol tetapi dia hanya tulis sahaja nombor kereta yang pam petrol. Selepas itu yang dekat kastam dia akan kutip daripada pihak yang pam petrol. *So* jelas ada *collaboration* untuk menyeleweng. Ia berlaku secara berleluasa, bukan kata kadangkala berlaku. Jelas di sini dan orang tempatan semua tahu. Saya harap mungkin Dato' sebagai KSU yang baru dapat mengatasi perkara ini. Saya rasa penyelewengan di sana kereta kecil memang ada tetapi yang takut itu yang datang dengan *tank* atau tong-tong besar yang tersembunyi itu, itu yang menjadikan kehilangan wang kepada negara. Terima kasih.

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat. Dahulu kita gunakan RELA untuk menjaga pam stesen di sempadan tetapi nampaknya kita sudah berhentikan penggunaan RELA. Jadi, saya rasa tidak bercadang untuk menggunakan RELA kembali. *Hopefully* dan saya menunggu lagi sistem baru ini, *insya-Allah.* Okey.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Saksi-saksi dari Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad:** Okey, terima kasih banyak-banyak Dato'. Sekarang ini kita minta Datuk Hashim pula beri pembentangan. Kalau boleh cepat sedikit Datuk.

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah [Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani]:** Saya cuba secepat mungkin. Terima kasih Tuan Pengerusi. Cepat-cepat pun harus pukul 3 petang Yang Berhormat. Bersama-sama dengan saya Tuan Pengerusi ialah Ketua Pengarah LKIM, Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah dan Tuan Haji Azini iaitu Setiausaha Bahagian yang bertanggungjawab dalam urusan minyak diesel ini. Akan tetapi tanggungjawab dia banyak lagi dan juga Pengurus Besar NEKMAT serta ada daripada Ko-Nelayan daripada PENESA Sabah dan Sarawak supaya turut serta di dalam perbincangan kita pada petang ini.

Tuan Pengerusi, pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan bertujuan untuk membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung oleh nelayan kesan kenaikan harga minyak. Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai harga dan bekalan diesel pada 15 September 2005 telah membuat keputusan seperti berikut. Pertamanya ialah syarikat pembekal minyak bersubsidi nelayan adalah Petronas, Shell, Caltex dan BHP. Keduanya ialah pemborong kepada minyak bersubsidi ini adalah NEKMAT bagi semenanjung, PENESA bagi negeri Sarawak dan Ko-Nelayan bagi negeri Sabah.

■1410

(iii) persatuan nelayan kawasan di setiap negeri telah dilantik menjadi peruncit bagi menyalurkan minyak kepada nelayan.

Kronologi pelaksanaan skim ini, skim diesel tanpa duti untuk nelayan mula dilaksanakan oleh Jabatan kastam Diraja Malaysia pada tahun 1997. Bermula tahun 2001, skim subsidi diesel meliputi pengangkutan darat, air dan vessel perikanan dilaksanakan dan diambil alih Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel di bawah KPDNKK.

Seterusnya pada 15 September 2005, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga dan Bekalan Diesel memutuskan skim subsidi diesel nelayan diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Skim Subsidi Diesel Nelayan berkuat kuasa di Semenanjung pada 1 Januari 2006 dan diperluaskan di Sabah dan Sarawak pada 1 Jun 2006. Pada masa tersebut, harga diesel dan petrol bersubsidi nelayan adalah RM1 seliter. Pada masa kini harga diesel dan petrol bersubsidi telah meningkat kepada RM1.45 seliter bagi *vessel* zon A, B dan C manakala Zon C2 pada harga RM2.00 seliter.

Mekanisme penyaluran subsidi Tuan Pengerusi, bekalan diesel dan petrol bersubsidi diperoleh daripada empat syarikat minyak. Sebagaimana yang saya maklumkan, Petronas, Shell, Caltex dan BHP. Penyaluran diesel bersubsidi daripada depoh ke pusat jualan minyak melalui pemborong yang dilantik menggunakan lori tangki syarikat minyak atau lori tangki persatuan nelayan sahaja. Di pusat jualan runcit, kawalan penyaluran minyak diesel bersubsidi ke vessel nelayan adalah melalui sistem e-Nelayan yang diuruskan oleh Persatuan Nelayan Kawasan di Kompleks LKIM dan jeti-jeti pendaratan ikan mengikut kuota vessel yang telah ditetapkan. Pembelian minyak yang dilakukan hendaklah menggunakan kad pengenalan pemilik *vessel* yang diakses menggunakan *personal digital assistance* ataupun PDA yang berkeupayaan untuk mengawal kuota diesel.

Bagi tahun 2013, jumlah nilai subsidi diesel dan petrol yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi sektor perikanan adalah sebanyak RM1.6 bilion. Pembahagian kuota kepada syarikat pembekal adalah ditentukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Minta maaf, pohon minta maaf, *slide* sebelum ini. Kepada Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Perakaunan, kalau kita lihat dari jadual ini, subsidi diesel sahaja RM1.4 bilion kepada sektor perikanan. Tidak termasuk lagi bagi *fleet card* dan lain-lain.

Jelas jumlah yang ada lebih daripada apa yang ada dalam jadual yang diberikan daripada Kementerian Kewangan yang hanya RM700 juta sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Jabatan Akauntan Negara, kenapa ada *discrepancy* itu? Adakah akaun *classification* untuk subsidi diesel ini dipecahkan kepada tajuk lain?

**Puan Maslina bt. Kamarudin (Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Akauntan Negara):** Pembayaran dibuat oleh MOF menggunakan sistem e-SPKB. So data yang kami keluarkan itu adalah berdasarkan baucar bayaran yang telah diluluskan. Kalau bayaran itu adalah salah, kita kena tengok balik baucar asal daripada...

**Tuan Pengerusi:** Kadang-kadang benda ini direkodkan dalam akaun *you* pada dua, tiga, empat kategori, tajuk lain. Dia bukan macam kementerian, dia rekod lain.

**Puan Maslina bt. Kamarudin:** Kita bergantung kepada penyedia baucar tersebut. Jadi penyedia baucar adalah di MOF, saya kena semak dengan MOF ataupun macam mana dia punya *flow* daripada KPDNKK kepada MOF. Kena tengok dulu carta alir dia.

**Tuan Pengerusi:** Tak, you sebagai Jabatan Akauntan Negara, you bertanggungjawab hendak buat akaun kerajaan bukan? Jadi kalau soal *reporting of account,* dia patutnya *from the chart of account* sudah *clear* sampai ke bawah. Patutnya tak ada percanggahan di antara apa yang dilaporkan oleh kementerian dengan apa yang direkod dalam *franchise statement.*

**Puan Maslina bt. Kamarudin:** Setuju.

**Tuan Pengerusi:** So ini pun you kena betulkan ini, hendak selaraskan balik semula ini. kalau tidak nanti *chart of account* itu lari.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah [Ketua Pengarah, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia]:** Tuan Pengerusi, saya celah sikit minta maaf. Kita kena pakai yang MOF *because* yang bayar subsidi *the different* antara NEKMAT beli di depoh dengan harga industri or harga pam itu dikontrol oleh Akauntan Negara dengan Kastam.

Sebagai contoh, harga RM2 untuk C2, kita kata nilai subsidi 83 sen. Kita berdasarkan kepada harga industri RM2.83. KPDNKK kata RM2.60 lebih kurang. Kita tak tahu sebenarnya harga industri. Yang tepatnya, Kastam yang tahu, yang bayar *the difference* itu. Sebab kami NEKMAT beli dengan harga margin diberi sudah 7 sen, itu sahaja. Kita beli dengan syarikat minyak contoh sekarang RM2.00, tolak 7 sen. Maknanya, RM1.93 NEKMAT beli dengan depoh. Pergi dekat nelayan, kita jual dengan harga RM2.00. 7 sen itu margin NEKMAT dan juga persatuan nelayan, 7 sen termasuk *transport.* RM2.00 itu yang kami beli berdasarkan kepada harga pam tetapi sebenarnya harga pam pun subsidi. Kami tak tahu nilai subsidi sebenarnya, kami tak tahu. Sebab itu, *figure* ini RM1.6 bilion ini jangan pakai sangat. You pakai yang Kastam punya, *confirm* sebab dia yang tukang bayar nilai subsidi. Kami tak bayar. Peruntukan pun kami tak ada.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, kalau, kalau..

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah :** Ini pakai yang Kastam.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kalau kenyataan ini betul, adakah angka yang kita lihat dekat pam petrol itu yang disediakan oleh KPDNKK yang mengatakan berapa penjimatan yang diberi oleh pihak kerajaan dari segi subsidi, angka itu salah kerana subsidi yang diberikan sebenarnya jauh lebih rendah daripada apa yang disangka ataupun dianggarkan oleh pihak kementerian.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Sebenarnya harga industri dia *fluctuate,* harga industri, betul tak? Dia tak kata salah, harga industri dia berubah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya faham memang berubah tetapi jauh berbeza antara RM750 juta dengan RM9 bilion yang dianggarkan oleh pihak kementerian. Lebih 10 kali ganda.

**Tuan Pengerusi:** Datuk Alias saya hendak cadangkan dalam hal ini, Kementerian Pengguna pun kena pastikan bahawa segala laporan ini biar konsisten dia punya *figure*lah. Pasal apa, nampak ada percanggahan ini. Akan tetapi untuk sayalah, untuk saya, saya lebih percayakan Kementerian Kewangan punya pasal dia ada *chart of account* dia. Benda itu akan digunakan untuk rekod *financial transaction* kerajaan secara menyeluruh. So tak sepatutnya berlaku percanggahan jumlah di antara kementerian dengan Kementerian Kewangan, *figure* dia.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *But at the same time, to defend this numbers,* angka yang kita lihat dekat sini, kalau katakan subsidi diesel itu hanya RM750 juta, tak cukup untuk bayar *that amount of the diesel that has been using in the first place. So the figure is definitely too small. The account figure is definitely too small. Even if there is one thing is base on the* jumlah penggunaan sahaja, kalau subsidi hanya 50 sen, *is already* RM500 juta.

*So that, what I am saying is that base on usage. The subsidy figure is definitely already 500 million, 600 million even if this 50 cents.*

■1420

**Tuan Pengerusi:** Boleh atau tidak kementerian sediakan laporan kepada PAC secara bertulis dengan MoF untuk *explain* kenapa berlaku *discrepancy* ini? Adakah ia berdasarkan kepada rekod guna tajuk yang lain dan sebagainya dan juga jelaskan asas yang digunakan untuk hendak kira subsidi ini. Tadi NEKMAT nya subsidi *fix* 7 sen sahaja. Senang dan tidak ada masalah. Selepas daripada itu RM2 seliter itu, subsidi itu berapa jumlahnya? Kita pun tidak tahu. Maknanya ada *tier* subsidi, mungkin ada tiga *tier* subsidi. Mungkin subsidi ini tidak ada rekod di Kementerian Kewangan. Ada rekod di LKIM pula.

**Puan Maslina Kamarudin:** Tuan Pengerusi, satu lagi berdasarkan laporan ini ia menunjukkan jumlah penggunaan. Apa yang dilaporkan oleh Kementerian Kewangan ialah jumlah pembayaran yang telah dibayar bagi pemberian subsidi tersebut sebab mungkin ada *lap* antara permohonan pembayaran dengan... yang dibayar. Mungkin ada perbezaan tahun dekat situ sebab itu adalah berdasarkan pembayaran tunai pada tahun tertentu.

**Tuan Pengerusi:** Itu saya kata tadi soalan saya awal tadi. Saya kata adakah jumlah subsidi ini digunakan sepenuhnya dalam tahun berkenaan dan tidak ada *overlap*, tidak ada *rolling* ke tahun lain.

Akan tetapi tidak mengapalah. Ini lagi satu perkara tentang *accrual accounting*. Dalam perlaksanaan *accrual accounting* nanti, perbezaan macam ini sepatutnya tidak berlaku lagi kerana...

**Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, boleh saya cadangkan? Boleh LKIM cadangkan sedikit? Pertama, LKIM akan hanya memberi jumlah penggunaan dalam liter. Nilai subsidi itu kalau contohnya sekarang nelayan menikmati RM1.45, kita *compare* dengan pam stesen sahaja. Itu yang kami mampu buat iaitu RM2. Makna di sini 55 sen. *So,* 55 sen darab dengan 966.34 juta liter. Kemudian yang RM2 seliter yang diguna oleh C2 itu *compare* dengan pam stesen RM2, kami anggap itu *zero* subsidilah sebab kami tidak tahu sebenarnya yang dibayar oleh kerajaan kepada syarikat minyak selepas RM2 kami tidak tahu.

Jadi, kami hanya setakat boleh *compare* pam stesen sahaja, jadi itu *figure* yang kami beri. Saya rasa itu lebih tepatlah sebab kami tidak tahu jumlah yang dibayar, jumlah peruntukan sebab duit peruntukan subsidi ini tidak pada LKIM, di MOF.

**Encik Allauddin Anuar:** Sedikit pencerahan Tuan Pengerusi. *In fact,* nombor yang dilaporkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan adalah sama dengan apa yang EPU ada. Nombor ini kita perolehi daripada Bahagian Analisa Cukai Perbendaharaan. Jadi bagi contoh tahun 2013, jumlah subsidi bahan api sahaja adalah sekitar RM23.4 bilion, bagi diesel adalah RM9.6 bilion, bagi petrol adalah RM11.7 dan bagi LPG sekitar RM2.1 bilion. Itulah nombor yang kita perolehi daripada Bahagian Analisa Cukai bagi jumlah subsidi.

**Tuan Pengerusi:** *Figure* dari EPU itu memang *support figure* yang kementerian cakap. Masalah sekarang ini kita kena *explain* juga kenapa ada percanggahan di antara *figure* kementerian dengan *figure* Jabatan Akauntan Negara, dengan MoF. Ini untuk saya apa sebabnya hendak tahu. Kalau tidak nanti kita duduk kejar benda yang tidak ada.

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** *The... figure* yang biasa yang kita dapat satu sumber iaitu Bahagian Analisa Cukai Kementerian Kewangan.

**Tuan Pengerusi:** Ya tetapi untuk saya *maybe* apabila melaksana *accrual accounting* tahun depan isu ini akan diselesaikan pasal sudah tidak ada lagi *timing different* pembayaran dengan peruntukan ini. Okey, terima kasih wakil EBU.

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Tuan Pengerusi saya teruskan, pembahagian kuota kepada syarikat pembekal adalah ditentukan oleh Kementerian Kewangan. Pembahagian kuota sebanyak 100 juta liter sebulan adalah seperti yang dipaparkan iaitu kepada Petronas, Shell, BHP dan juga Caltex. Pembahagian kuota kepada pemborong iaitu NEKMAT, PANESA dan Ko-Nelayan adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan. Daripada sejumlah 100 juta liter 71 juta diperuntukkan kepada NEKMAT, 15 juta kepada Ko-Nelayan dan 14 juta liter kepada PANESA.

Kuota kepada *vessel* nelayan telah ditetapkan mengikut zon tangkapan, perkakasan dan juga *Gross Register Tonnage* ataupun GRT. Kuota minimum bagi *vessel* adalah 1,000 liter sebulan dan

maksimum 24,000 liter sebulan. Penggunaan terbanyak minyak diesel bersubsidi ini adalah *vessel* pukat tunda zon C2.

Dari segi status pelaksanaan Tuan Pengerusi, jumlah keseluruhan *vessel* yang menerima Skim Subsidi Petrol dan diesel hingga Mei 2014 adalah sebanyak 53,086 buah. Daripada jumlah ini *vessel* diesel sebanyak 17,635 buah manakala *vessel* petrol adalah sebanyak 35,454 buah. Setiap tahun berlaku peningkatan jumlah *vessel* yang mendapat faedah daripada skim ini. Walau bagaimanapun jumlah kuota yang dikeluarkan adalah kekal sebanyak 100 juta liter sebulan.

Sehingga kini bilangan pusat jualan yang menguruskan pengedaran diesel dan petrol bersubsidi kepada nelayan adalah berjumlah 382 buah pusat. Daripada jumlah berkenaan, 191 buah merupakan pusat jualan diesel manakala 191 buah juga merupakan jualan petrol. Purata penyaluran oleh pihak kerajaan terhadap diesel bersubsidi adalah sebanyak 1,200 juta liter setahun. Manakala penggunaan sebenar oleh *vessel* nelayan adalah lebih kurang 1,100 juta liter setahun.

Ini menunjukkan terdapat penjimatan kuota minyak yang tidak digunakan oleh *vessel* tangkapan ikan sebanyak lebih kurang 100 juta liter setahun. Mekanisme kawalan, Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan dikawal dan dipantau melalui tiga jawatankuasa. Pertamanya ialah Jawatankuasa Induk Pelaksana Petrol dan Diesel Nelayan yang dipengerusikan oleh KSU MOA. Kedua Jawatankuasa *Task Force* yang dipengerusikan oleh KP LKIM dan ketiga, Jawatankuasa *Task Force* Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah LKIM Negeri.

Secara umumnya, penguatkuasaan di laut adalah di bawah bidang kuasa APMM, di darat dikawal oleh KPDNKK. LKIM hanya melaksanakan penguatkuasaan dan pusat jualan, jeti dan kompleks LKIM sahaja. LKIM turut terlibat di dalam operasi bersepadu terhadap diesel dan petrol bersubsidi yang diketuai oleh KPDNKK iaitu Ops Titik. Di antara tindakan utama yang dilakukan oleh KLIM sehingga Mei 2014 adalah penangguhan dan senarai hitam penerima-penerima minyak bersubsidi. Daripada senarai ini negeri Sarawak mencatatkan kes penangguhan paling tinggi iaitu sebanyak 218 kes manakala negeri Kedah mencatatkan kes senarai hitam sebanyak 62 kes.

Ini adalah penutupan pusat-pusat jualan berdasarkan kepada pelanggaran-pelanggaran yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Kes tangkapan oleh APMM pada tahun 2013 hanya terdapat satu kes yang melibatkan penyelewengan diesel bersubsidi oleh *vessel* nelayan. *Vessel* ini telah disenaraihitamkan pada Februari 2012 dan telah diaktifkan semula pada 24 Mac 2014. Kes telah selesai dan kompaun telah dibayar sebanyak RM1,000 pada 17 Mac 2013 dan nombor resit CKTE050512 di Pejabat Perikanan Tawang. Surat APMM, rujukan APMM(s)-DM10/250/13(08) bertarikh 2 Disember 2013.

■**1430**

Tuan Pengerusi, pada tahun 2011 terdapat sembilan kes tangkapan oleh KPDNKK yang melibatkan penyalahgunaan minyak diesel bersubsidi oleh bot nelayan bernilai RM146,318. Pada tahun 2013 hanya dua kes sahaja dan bernilai RM7,020. Manakala pada tahun 2012 tiada kes tangkapan yang dibuat oleh KPDNKK yang melibatkan penyalahgunaan diesel bersubsidi nelayan. Dari segi

perbandingan kes yang dibuat oleh KPDNKK hanya 1% sahaja berbanding kes keseluruhan tangkapan yang dibuat oleh KPDNKK pada tahun 2011 iaitu sembilan berbanding 653 kes, manakala perbandingan dari segi nilai hanya 2% sahaja jumlah nilai yang telah ditangkap oleh KPDNKK berbanding dengan nilai keseluruhan iaitu RM5,363,549.01.

Pada tahun 2013 perbandingan kes yang melibatkan bot nelayan berbanding dengan kes yang dibuat oleh KPDNKK ialah 0.37% kes berbanding dengan kes keseluruhan tangkapan oleh KPDNKK. Dari segi nilai tangkapan hanya 0.1% sahaja daripada nilai keseluruhan tangkapan oleh KPDNKK iaitu RM5,931,314.15. Di sini menunjukkan bahawa kes penyalahgunaan minyak diesel bersubsidi nelayan adalah tersangat kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan kes-kes tangkapan yang telah dibuat oleh KPDNKK.

Isu dan penambahbaikan...

**Tuan Pengerusi:** Sedikit Datuk. Hendak tanya itu sahaja. Soalan *simple* saja. Tangkapan tadi berpunca daripada aduan ke ataupun daripada rondaan.

**Tuan Haji Azini bin Mohd:** Tuan Pengerusi, semua tangkapan itu dibuat oleh KPDNKK berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperoleh oleh KPDNKK. Kita hanya menerima setelah dibuat tindakan oleh KPDNKK.

**Tuan Pengerusi:** Bukan LKIM lah ya tetapi daripada KPDNKK, itu sahaja.

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, isu dan penambahbaikan di antara isu-isu utama yang dikenal pasti di dalam pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan ini adalah:-

(i) kad perintah e-diesel boleh digunakan oleh bukan pemilik;

(ii) pengangkutan minyak oleh lori persendirian;

(iii) alat peranti tidak berkeupayaan untuk membaca kad pengenalan dan tidak boleh mengawal kuota *vessel*;

(iv) pengeluaran minyak bersubsidi tidak selari dengan kuantiti pendaratan ikan nelayan; dan

(v) kekurangan kakitangan untuk membuat pemantauan peringkat pusat jualan.

Bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dinyatakan tadi, MOA melalui LKIM dan NEKMAT serta Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:-

(i) penggunaan kad pintar e-diesel telah digantikan dengan kad pengenalan bagi mendapatkan bekalan diesel bersubsidi di pusat-pusat jualan bermula 1 Disember 2012;

(ii) mewajibkan penggunaan lori tangki syarikat pembekal berlogo, syarikat minyak dan lori tangki keupayaan persatuan nelayan, berlogo persatuan nelayan;

(iii) mempertingkatkan keupayaan alat peranti pembibit bagi ST4ex kepada IPT300 bagi membolehkan akses melalui kad pengenalan pemilik *vessel* untuk penjualan diesel bersubsidi dan mengawal had kuota setiap *vessel*;

(iv) mewajibkan pengisytiharan hasil tangkapan di pusat-pusat pengisytiharan pendaratan ikan LKIM sebelum pembelian diesel bersubsidi dapat dilakukan oleh nelayan melalui sistem ePengisytiharan; dan

(v) 12 pejabat LKIM daerah telah diwujudkan bagi tujuan untuk memudahkan pemantauan dan kawal selia.

Setakat itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamuaikum Waramatuulahi Wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Datuk. Ada soalan lain?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya hendak faham sedikit tentang jadual ini, 'Tindakan Penguatkuasaan Oleh LKIM Sehingga Mei 2014'. Satu lagi. Ya. Saya mungkin sedikit keliru antara penguatkuasaan yang dibuat oleh LKIM di sini berbanding dengan penguatkuasaan yang dibuat oleh KPDNKK. Apakah jenis penguatkuasaan yang dibuat oleh LKIM di sini dan apakah makna apa yang aktif di dalam negeri-negeri yang tersebut.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, kami bukan agensi penguat kuasa tetapi kami boleh bertindak secara administratif. Kad pintar ataupun ID ataupun IC yang dimiliki oleh nelayan itu ada kuota dan kalau dia nelayan dia boleh beli minyak dengan harga subsidi, kalau bukan nelayan tidak boleh. Walaupun dia ada IC tetapi dia tidak boleh beli kerana dia tidak ada nelayan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Maksudnya yang aktif itu setiap nelayan?

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Okey, yang aktif itu maknanya yang boleh membeli minyak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukan, isu saya aktif apa nelayan kah atau pusat jualan aktif kah, kapal aktif kah?

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Nelayan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Mengikut nelayan.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Pemilik *vessel.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Iaitu pemilik *vessel.* Saya boleh kata di Perlis ada 520 pemilik *vessel.*

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Yang ditangguhkan itu kerana ada kesalahan. 23 vessel ditangguhkan dan penangguhan ini paling lama sebulan kita siasat. Kalau sekiranya mereka ini tidak bersalah, aduan itu tidak betul kita akan aktifkan semula. Kalau dia bersalah, kita masuk senarai hitam. Maknanya dia tidak boleh membeli minyak langsung. Itulah jumlah yang ada sekarang, 13,000 pemilik *vessel* yang memerlukan minyak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Di bawah *slide* kemudian lagi. Hanya satu sahaja yang dibawa ke – bawa ke mahkamah kah atau dibawa ke mana? Yang ini.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Telah di kompaun.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ya, ya. Bukan dibawa ke mahkamah kan? Hanya bawa ke kes dalam kementerian.

**Encik Azini bin Mohd Shahid:** Sebenarnya kes ini ditangkap oleh APMM jadi tindakan susulan dibuat oleh APMM sama ada hendak di kompaun mengikut di bawah peraturan-peraturan yang ditetapkan. Setelah tindakan diambil oleh APMM barulah dilaporkan kepada pihak kementerian dan juga LKIM bagi membolehkan tindakan susulan diambil sama ada hendak membatalkan lesen mereka atau tidak. Ini kerana LKIM tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya bukan kata sama ada ini kuasa LKIM atau APMM. Jelas di sana ini di bawah APMM. Saya hanya tanya sama ada perkara ini dibawa ke mahkamah ataupun diselesaikan di peringkat jabatan sahaja, kompaun habis.

**Encik Azini bin Mohd Shahid** : Setakat ini kita tahu di kompaun kan di peringkat APMM.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So* saya hendak faham bagi bot ini hanya satu bot sahaja yang ditangkap dan dia ada di tangkap bahawa ada menyeleweng lebih kurang 20,000 liter diesel yang bernilai RM36,000 tetapi di kompaun RM1,000 sahaja, selepas itu dilepaskan.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Akan tetapi minyak dirampas. Namun pada masa inilah Tuan Pengerusi memang ini adalah kadar yang telah ditetapkan dalam perbincangan memang sedang dibuat untuk melihat kesalahan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dalam undang-undang ataupun peraturan apakah maksimum saman yang boleh diberikan ke atas bot ataupun syarikat?

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Saya minta tempoh sedikit Tuan Pengerusi untuk mendapatkan maklumat sebab kita tidak bawa pada hari ini. Saya takut kita menerima maklumat yang salah. Boleh kita minta tempoh sedikit?

**■1440**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kepada Dato' KSU, memang dari segi statistik jumlah kes nelayan yang ditangkap menyeleweng dari segi jualan diesel ini adalah kurang dan peratusan telah dibaca tadi 0.0 berapa peratus. Kurang berbanding dengan isu *fleet card* dan lain-lain. Akan tetapi adakah ini disebabkan kurang penguatkuasaan di antara pihak nelayan berbanding dengan penguatkuasaan di kawasan lain ataupun memang benar di kalangan nelayan tidak ada penyelewengan ataupun penyelewengan ini kurang.

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, kita kena ingat kuasa yang ada pada LKIM ialah kuasa untuk *distribute* diesel itu. Setelah diesel itu diambil kemudian nelayan turun ke laut, itu kuasa penguatkuasaan yang dibuat oleh badan-badan penguatkuasaan. Apabila tangkapan itu sendiri pun – sebab itu kalau Tuan Pengerusi tengok tangkapan yang dibuat oleh KPDNKK, oleh APMM, ini ialah badan-badan penguatkuasaan yang membantu kita di dalam mengenal pasti siapa yang membuat salah. Mungkin Tuan Pengerusi hendak tanya lagi satu *step* ialah berlaku kah tidak di dalam laut sana penyelewengan dan sebagainya? Itu bergantung pada tangkapan, bila tangkapan itu berlaku dan bawa kes itu kepada kita itu yang kita hadkan ataupun *stop* dia punya pembekalan minyak dan juga kita senarai hitamkan sebagaimana jumlah itu.

Akan tetapi kalau sekiranya tidak ada berlaku tangkapan dibuat oleh pihak berkuasa dan tidak dilaporkan kepada kita maka kita tidak boleh mengambil tindakan secara sewenang-wenangnya kita takut juga Tuan Pengerusi, penganiayaan itu berlaku kepada pihak nelayan, itu kita kena ingat. Namun melalui kuota yang telah kita tetapkan, melalui pembelian yang dibuat melalui IC atau kad pengenalan, bererti dia tidak boleh hendak serahkan IC dia itu kepada orang lain untuk tujuan pembelian melainkan dia datang untuk membeli. Jika berlakunya pelanggaran ke atas diri dia itu terhadap *vessel* dia dan berlaku jualan minyak dan sebagainya, bila berlaku tangkapan dan laporkan kepada kita dan kita ambil *action*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, dari segi itu bolehkah saya buat kesimpulan bahawa ada kemungkinannya jumlah yang ditangkap itu kurang dari pihak golongan nelayan, bukannya kerana tidak ada penyelewengan di kalangan nelayan tetapi kerana tindakan yang telah pun diambil oleh KPDNKK kurang di kalangan nelayan. Lebih bertumpu kepada sektor yang lain. Adakah itu menjadi kemungkinan?

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Yang Berhormat, apa yang dibuat oleh KPDNKK itu ialah secara keseluruhan. Terlibatlah juga dengan nelayan pun tetapi Yang Berhormat, isu dalam laut ini isu yang terlampau luas. Kadang-kadang Yang Berhormat, kita cakap secara realitinya, saya pernah turun tengok dan sebagainya, hendak kejar *is not that easy*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, the issue is could be because* katakan memang ada penyelewengan tetapi susah hendak tangkap?

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Bukan kata ada penyelewengan susah hendak tangkap, tidak. Hendak mengesan adakah atau tidak penyelewengan itu bukan mudah. Kalau kita boleh cakap, kita boleh kata nelayan kita jual minyak kepada nelayan Vietnam tetapi buktinya tidak ada. Kadang-kadang nelayan, bot-bot yang di atas itu, kalau Yang Berhormat pergi bot itu bot kita, *vessel* itu *vessel* kita pun. Akan tetapi pengendalian dia sebab orang kita pun bukan hendak jadi awak-awak, bukan hendak jadi tekong dan sebagainya. Terpaksa kita gunakan tekong daripada luar dan sebagainya.

Jadi, kita tengok kawan itu orang Vietnam kita kata bot itu ialah bot Vietnam. Walhal *vessel* itu ialah *vessel* kita.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Apa yang dibangkitkan tadi adalah memang betul susah hendak kesan. Akan tetapi mengikut apa yang disebut-sebut di kalangan pihak nelayan sendiri ialah ramai nelayan sebenarnya sudah tidak jadi nelayan lagi. Dia ada bot tetapi bot tidak keluar tangkap ikan dan sebab itu ada kesan-kesan ataupun unsur-unsur penyelewengan yang berbangkit. Ini selari dengan *finding* isu yang dibangkitkan oleh kementerian sendiri iaitu pengeluaran minyak bersubsidi tidak selari dengan kuantiti pendaratan ikan negara. '

*So,* memang *the circumstantial evidence,* penyelewengan itu memang ada dan signifikan tetapi susah hendak cari bukti yang kukuh. *Is that something that we can conclude?*

**Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah:** Yang Berhormat boleh saya? Tidak selari itu masih lagi semak tidak selari macam mana? Okey. Pendaratan ikan telah bertambah daripada 2012 ke 2013 daripada 1.2 juta metrik tan kepada 1.4 juta metrik tan. Kuota minyak tidak bertambah pun. Penggunaan minyak *still* dalam 98 juta sebulan, tidak sampai 100 pun tetapi pendaratan ikan bertambah. Kalau kita

kira *ratio* 1 liter 1 kilo, sudah cukup. 1 liter minyak dia pergi ke laut ,dia boleh tangkap 1 kilo ikan bawa balik, 1 liter minyak harga RM2, kita ambil yang C2. 1 kilo ikan sekarang *average* RM3.50 ke RM4. *seorang,* nelayan sudah bawa ikan tau.

Kalau dia kata semua nelayan, bukan semualah, *I mean* majoriti nelayan jual minyak, kita tidak makan ikan ataupun kita makan ikan mungkin RM30 sekilo. Akan tetapi kita makan ikan harga *still* yang munasabah. Import kita, ikan masih stabil.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi yang C2 itu untuk laut dalam kan? Yang jauhkan?

**Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah:** Yang dekat pun sama Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang dekat pun...

**Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah:** Yang dekat lagi mahal ikan.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah.

**Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah:** Betul? Ikan pancing lagi mahal. Tenggiri RM24 sekilo. Dia bawa 1 liter dia tangkap tenggiri 1 kilo dia dapat RM24.

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, hendak jelas sedikit. Mungkin Tuan Pengerusi dengan Yang Berhormat Dato' ada pergi ke pasar tani, pasar borong dan sebagainya. Kenapa di lihat tenggiri itu tenggiri nama dia? Akan tetapi harganya berbeza-beza. Oleh sebab tenggiri di laut dalam dengan tenggiri yang kita pancing di tepi pantai zon A dan B berbeza. Zon A dan B dia boleh bawa balik terus. Harga itu *fresh,* di situ nilainya tinggi.

*Normally* restoran-restoran besar dia ambil yang itu sedangkan di luar sana, di laut dalam sana dia masuk dalam ais dulu. Dia masuk di dalam ais kemudian dia baru bawa balik, seminggu baru dia bawa balik. *That is why* Yang Berhormat, kalau *you* pergi orang awam pun *question* kita. Kenapa di pasar tani harga sedemikian, tidak berbeza? Kenapa berbeza? Akan tetapi hendak cerita pada dia kena siapkan pentas dululah Yang Berhormat. Ikan kembung sahaja yang kita tengok ikan macam ini ikan kembung. Akan tetapi jenis kembung itu sendiri ada empat jenis kembung. Kembungnya, pelalingnya dan sebagainya tetapi rupanya macam kembung sahaja. Kenapa di sini dianggap ikan kembung mahal, harga di sini berbeza dengan ikan di sini tetapi jenisnya adalah berbeza, jenis ikan sendiri itu berbeza.

Akan tetapi hendak *educate* rakyat kita berkenaan dengan penggunaan ikan itu sendiri kita memerlukan ramai orang. Memerlukan ramai orang sungguh. Saya pun jadi KSU apabila pergi tengok LKIM bagi taklimat, pergi tengok sendiri. Kalau pergi macam di Kuala Kedah Tuan Pengerusi, pagi sampai pagi kita makan. Kenapa sedap? Kari dibuat di Kuala Kedah itu sedap?

Ini kerana bila ikan pelaling itu naik dia terus masak. Akan tetapi kita ambil rempah yang sama bawa balik ikan pelaling, bawa sampai ke Putrajaya, bila buat rasa tak sedap. Kita marah pada *wife* kita, "*You orang Kedah pun tak reti nak masak ikan pelaling kari*". *Not because* dia tidak pandai Tuan Pengerusi tetapi kerana ikan itu sudah makan masa yang lama, sudah masuk ais *compare* dengan terus daripada jala, terus di gulaikan, *totally different.*

**Dato' Haji Mohad Khazin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, *last* saya hendak sebutkan di sini. Ini nelayanlah.

■1450

Sebenarnya lagi tidak ada ikan di laut, lagi banyak pakai minyak. Kurang ikan di laut banyak pakai minyak *because* dia pergi satu unjam tidak ada, dia pergi satu unjam lagi tidak ada. Dia *round* habis sebab dia hendak bawa balik ikan. Dia kata okey tidak apa, malam ini kita *round* habis. Kadang-kadang sampai tujuh kali memukat Tuan Pengerusi. Nelayan sampai pinggang terkancing. Tujuh kali pukat dapatlah satu tong ataupun dua bakul. Minyak sudah habis. Balik pangkalan *refill* lagi sebab kuotanya kita pergi ikut trip. Ia bukan 24,000 kita beri nah ambil 24,000. Dia pun hendak isi di mana? Ikut trip. You dua trip, okey beri dua, 12,000 sahaja kita beri. Empat trip, beri empat.

Biasanya yang kecil ini banyak trip pergi, hari-hari. Petrol kita beri hari-hari kuotanya 15 liter satu hari sahaja. Orang di pulau mengamuk. Dia pergi ambil dekat stesen pun dia kata pergi balik di rumah dia, minyak 15 liter sudah habis. Hendak ke laut pun tidak sempat. Maknanya, kalau ikan banyak, dia pergi sahaja sekali memukat, penuh dia punya bot dia bawa balik, minyak masih ada lagi. Jangan kata ikan tidak ada, mana minyak masih pakai banyak. Itu memang betul. Kena tahu hakikatnya itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, bermakna perbandingan hasil dengan penggunaan diesel itu memang tidak tepat fasal isu inilah. Saya tahu, di kawasan saya di Johor Baharu saya pernah ikut nelayan pergi.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tidak semestinya dia dapat tetapi itu pun tidak boleh digunakan sebagai alasan juga Dato'. Isunya begini, isunya sama ada kita guna maklumat untuk *control* nelayan itu. saya tahu, di tempat saya pun banyak nelayan yang sebenarnya dia sudah tidak mengail lagi. Jumlah nelayan itu makin lama makin turun, bukan makin naik. Akan tetapi soalnya sekarang ini, adakah kalau dibandingkan dengan trend dahulu, penggunaan minyak itu turun ataupun turun kerana ikan sudah tidak ada, kena buat trip lebih banyak ataupun penggunaan turun lagi kerana orang sudah tidak mengail lagi. Ini cara atau mekanisme yang kita hendak tengok di peringkat PAC supaya kita terus terang kepada rakyat pun, ada dia punya asas saintifiknya.

Betullah Dato' kata tadi, kalau ikan ada, dekat dan kalau ikan tidak ada dia melilau dan pusing sahaja. Akan tetapi kita hendak tahu juga dia melilau itu dia berhenti dekat mana dan dia keluarkan dieselkah pula, itu juga satu perkara...

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Saya tidak nafikan...

**Tuan Pengerusi:** Bukan hendak menuduh atau bersyak wasangka, tidak.

**Dato' Haji Mohad Kazin bin Hamzah:** Saya tidak nafikan di mana-mana pun adalah *about* 5% atau 10% itu memang ada, saya tidak nafikan sebab lagi pun di laut. Saya hendak ikut bot saya perlu ada 48,000 pegawailah, tiap-tiap seorang naik atas bot pergi ke laut tetapi tidak mampu. Cumanya, dia hendak beli minyak, dia kena *declare* pendaratannya. Mana-mana ikan yang you hendak beli minyak? Kita punya *rule of thumb* ialah satu liter, satu kilo ikan. Mananya? Akan tetapi itu pun yang mengail tidak juga sebab kami pun tidak mampu hendak pergi tengok satu bot ke satu bot pangkalan. Kalau di Perak itu tiap-tiap Bagan ada. You hendak pergikah? Dia kata, *"Eh, saya sudah datang lewat dan saya sudah*

*jual ikan"* Kita kata mesti ada tuarnya. You hendak *declare* mana tuarnya. Ada tuar. Tuar pun dia boleh tipu kalau hendak kira itu. Macam-macam cara sudah kita buat.

**Tuan Pengerusi:** Dato', tetapi sekarang ini bila sudah ada *handphone*, mudah untuk LKIM untuk hendak menggubal satu sistem IT yang boleh buat untuk masukkan cek-cek ini semua. Macam Dato' kata tadi ikan tidak cukup. Pegawai itu boleh ambil gambar hantar *WhatsApp* dan di kumpul, dibukukan, dan direkodkan. Tidak boleh lagi alasan kata mereka ini kita sudah ada peraturan tetapi mereka tidak ikut, kita pun tidak boleh buat apa-apa. Rakyat ini hendak tengok bukti. Kalau Dato' kata begitu, okey buktinya apa? Apakah langkah yang telah diambil dan apakah visual *evidence*nya bahawa Dato' beri pelepasan itu – maknanya kata tadi, hendak minyak beri ikan. Apakah bukti-buktinya? Macam manakah segala maklumat ini boleh di kumpul, di analisa dan dibukukan supaya membuktikan pengurusan LKIM memang telah mengambil semua langkah ke arah untuk hendak memastikan bahawa ketirisan dalam sistem diesel ini tidak berlaku.

Itu yang kita hendak dengar kerana benda-benda ini pakai teknologi, senang. Pakai *WhatsApp* dan lain-lain. Di Malaysia ini tidak ada tempat yang tidak ada *coverage.* Lainlah kalau kita pergi tengah laut tetapi bila balik ke darat, mesti ada dia punya *coverage.*

**Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, melalui Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan yang dipengerusikan oleh KSU, semua jabatan yang terlibat ada di situ. Bukan sahaja kita bincang berkenaan dengan pengagihan petrol ataupun diesel sahaja, semua isu yang berkaitan dengan nelayan, penguatkuasaan, dan sebagainya kita bincang di situ. Ini adalah jawatankuasa pemantauan secara keseluruhan. APMM ada, KPDNKK ada, apa sahaja yang berbangkit di laut dan juga di jeti-jeti ini kita bincang sebab itu yang menentukan sama ada pertambahan terhadap jeti, minyak dan apa masalah yang dihadapi oleh nelayan.

Bagi kita Tuan Pengerusi, kemakmuran yang dirasai oleh nelayan yang kita jaga, kerana kumpulan sasar kita adalah nelayan dalam konteks ini. So kalau kita boleh berjaya untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mereka, maka itu adalah pencapaian yang terbaik kepada kita.

**Tuan Pengerusi:** Soalan saya adalah hendak capai dia punya *value for money*lah. Hendak capai kesejahteraan nelayan tetapi pada kos yang paling minimumlah.

Tadi Dato' punya cadangan penambahbaikan pun *general.* Kita hendak tengok juga *action plan.* Maknanya okey, apa hendak buat. *Number one this,* apakah tindakan-tindakan yang diambil dan apa sahaja. Macam ini hendak jawab isu sahaja, isu timbul hendak jawab. Namun kita juga hendak tengok satu kerangka secara keseluruhan, *action plan* atau pelan tindakan yang dibuat hasil daripada perbincangan pemantauan tadi.

Tuan Pengerusi, sebenarnya di kementerian kita, kita ada perancangan jangka panjang dan juga perancangan jangka pendek. Perancangan jangka pendek ini ialah hendak menangani isu-isu yang dikemukakan. Akan tetapi secara keseluruhannya ialah kita melihat jangka panjang kita ini kemungkinan kita tidak boleh hendak bergantung kepada ikan-ikan marin lagi. Sebab itu Menteri telah menetapkan daripada 80-20, 80 kepada ikan marin, kepada 50-50. Oleh sebab itu kita memperkasakan akuakultur

dan sebagainya semata-mata ini adalah untuk hendak memastikan kebergantungan ikan pada masa hadapan tidak boleh lagi kepada laut pun secara keseluruhan.

Berbagai-bagai isu di laut sana. Dengan pukat tundanya dan macam-macam. Apa yang dibahaskan di dalam Parlimen pun kita dengar juga kita duduk di belakang. Sebab itu langkah-langkah macam Tuan Pengerusi kata tadi, dalam Dasar Agromakanan Negara yang kita gubal daripada 2011 sampai 2020, kita meletakkan sasaran-sasaran kita untuk tujuan mempercukupkan lagi SSL ikan menjadi makanan ikan di dalam negara kita. Ini kerana kita juga pada masa yang sama walaupun tangkapan itu ada Yang Berhormat, kita juga ada ketika yang nelayan-nelayan ataupun pemborong-pemborong yang mengeksport ikan pun ke luar. Kita boleh tengok di pasar borong di China ikan dari Malaysia pun ada. Di pasar borong di China ikan dari Malaysia ini. Kita *allowed this people* untuk berniaga sampai ke luar dan kita memastikan bahawa keperluan kita itu mencukupi.

Isunya sekarang ialah macam Tuan Pengerusi kata, supaya kita memantapkan lagi ketirisan inilah. Supaya tidak berlaku ketirisan secara menyeluruh, *insya-Allah.* Saya hendak merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai sayalah kerana bertungkus-lumus dalam hal untuk hendak memastikan tidak berlakunya ketirisan.

**■1500**

Walaupun ada desas-desus dan rungutan dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita hendak terus ambil tindakan terhadap mereka tanpa kita menyiasat terlebih dahulu, saya rasa kesian kepada mereka. *On the ground* Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai yang ada *on the ground,* macamlah juga kita main catur, main *chess.* Yang kena tembak dulunya adalah mereka yang ada di depan, *the soldiers. They are the soldiers.* Yang berdepan dengan kumpulan sasar, nelayan dan sebagainya.

Sekarang ini Tuan Pengerusi, untuk makluman. Kalau mogok nelayan, dia tidak akan buat di darat. Dia akan buat di laut. Dia buat di dalam laut. Kita kena pergi di dalam laut untuk hendak selesaikan masalah dia punya mogok dan sebagainya. Inilah adalah cabaran-cabaran baru kepada kita. Cabaran-cabaran baru kepada kita. Kita tetap bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa kita menghargai segala yang dibuat oleh pihak kementerian dan pegawai-pegawai kerajaan untuk mengatasi isu-isu ketirisan. Saya rasa soalan yang dibangkitkan oleh pihak Pengerusi tadi adalah seperti isu inilah. Pengeluaran minyak bersubsidi yang tidak selari dengan kuantiti pendaratan tetapi jawapan yang diberikan mewajibkan pengisytiharan hasil tangkapan di pusat-pusat pengisytiharan pendaratan ikan LKIM.

Akan tetapi tadi pun sudah diakui bahawa cara ini tidak berapa berkesan kerana mereka akan isytiharkan tetapi tiada bukti ataupun mereka keluarkan tuar tetapi tuar itu palsu. Semua orang tahu, kementerian pun tahu. Jadi sebab itu tidak dapat mengatasi masalah yang telah ditimbulkan. Saya rasa Pengerusi tanya, apakah langkah-langkah yang lebih ketat, yang mungkin dapat mengatasi masalah-masalah yang berbangkit. Bukan sindiran atau apa. Kita hendak mencari jalan baik supaya perkara ini tidak berlaku sahaja.

Soalan kedua, soalan paling akhir, saya tidak akan panjangkan, adalah kepada KPDNKK iaitu dari segi penguatkuasaan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk sektor nelayan supaya isu diesel dijual atas laut, supaya nelayan tidak keluar jual diesel, jadi penjual diesel. Perkara itu berlaku sebab dari segi jumlah tangkapan yang ada, nampak macam terlalu kurang. Macam *hard to believe. That there are only so few people* yang menyeleweng di kalangan nelayan.

**Dato Sri Alias bin Haji Ahmad:** Okey, saya jawablah. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dari aspek penguatkuasaan untuk nelayan, dia ada dua *part.* Pertama, di jeti dan yang kedua di laut. Saya sebutkan tadi bahawa kita ada kemungkinan kekangan dari segi *legislation* kerana akta kita mungkin tidak *cover* di laut. Ini kena lihat betul-betul sebab LKIM, *there is* akta *under* LKIM, dia boleh *cover* lebih dari daratan. Dalam hal ini ertinya, selain daripada itu KPDNKK juga menghadapi kekangan dari segi aset. *We do not have boat, we do not have anything* yang berkaitan dengan di laut.

*That is why* kita bergantung banyak kepada APMM. Untuk di jeti ini, kita memang bekerjasama dengan semua termasuk dengan pihak LKIM untuk membuat pemantauan dan juga pemeriksaan. Asas yang paling penting ialah laporan *intelligence* atau perisikan daripada pihak-pihak yang dalam *team* kita, lah. Sama ada dari nelayan sendiri, *key communicators* sendiri ataupun daripada agensi-agensi lain. *Based on* aduan, *that is the most important.*

Akan tetapi kalau pemeriksaan *randomly* yang kita buat itu dibuat tetapi kalau dibuat serbuan terjah-terjah begitu bukan sesuatu dan tidak begitu efektif. Jadi, untuk *details,* saya rasa pengarah penguat kuasa boleh jelaskan lebih lanjut penguatkuasaan KPDNKK terhadap nelayan ini.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, saya rasa masa kita pun sudah lanjut. Boleh kita buat kemudian tak ini? Mana-mana isu yang tadi timbul ini boleh dituliskan dan dihantar kepada PAC. *[Disampuk]* Buat secara bertulis fasal apa *at the end of the day,* macam pelan tindakan tadi, Datuk buat itu *general.* Akan tetapi kalau boleh Datuk bagi kita satu *overall view.* Macam Datuk kata tadi memang dalam perancangan tapi belum dibuat lagi. Selagi dasar belum ditukar, maknanya sistem yang ada sekarang berjalan.

Akan tetapi untuk hendak memberikan pencerahan apa yang hendak dibuat sebelum dasar itu ditukar dan sebagainya. Dasar mungkin ditukar setahun atau dua tahun. Akan tetapi apakah tindakan yang lebih *detail* yang dibuat untuk hendak mengurangkan ketirisan dan juga pembaziran dalam subsidi diesel ini? Sekurang-kurangnya kalau ada pencerahan ini, melalui laporan ini, sekurang-kurangnya rakyat tahu, okey.

Walaupun ada tuduhan bahawa kata ada penyeludupan diesel oleh nelayan dan sebagainya, perkara ini sebenarnya ada dia punya timbal balas juga. Dia hendak buat ini tetapi tidak praktikal dan sebagainya akan tetapi *you* boleh kata sekarang ini kita menggunakan teknologi untuk memperbaiki kita punya teknologi maklumat, *information flow,* supaya menampakkan bahawa sebenarnya kementerian ini atau LKIM ada kontrol pada sistem ini dan bukan sampai-sampai Datuk bagi alasan. Kita ini boleh simpati, rakyat mungkin tidak boleh simpati. Itu sahaja maksud saya. Akan tetapi kalau kita tunjuk bahawa inilah langkah-langkah kita buat. Langkah-langkah ini semua logik. Ada dia punya pencerahannya, rakyat pun kena terima juga akhirnya.

Jadi, dari isu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya rasa tiada persoalan lagi kan? Yang Berhormat Petaling Jaya Utar, ada soalan lagi? Yang Berhormat Limbang ada soalan? Jadi, maknanya saya rasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, mungkin tiada apa-apa isu kita hendak panggil lagi. Selepas ini... *[Disampuk]* Hendak *you* bagi relaks. *[Ketawa]* Akan tetapi mintalah pelan tindakan itu ya? Laporan itu daripada LKIM dan sebagainya, tindakan tersebut ya. KPDNKK hendak kena sambunglah mengenai tadi. Ada mengenai isu-isu yang kita bincang tadi. Mungkin hendak kena panggil sekali lagi.

Dato' Alias datang untuk sambung balik kita punya prosiding ini. Fasal tadi isu mengenai sistem, isu mengenai penyelewengan yang mungkin berlaku dan sebagainya. Akan tetapi kita sambung daripada situlah. Maknanya pertanian saya rasa setakat ini kalau tidak ada apa-apa, kita tak panggil lagi tetapi KPDNKK kita hendak panggil sekali lagi.

Kalau tiada apa-apa saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua KSU kita yang datang pada hari ini memberikan keterangan. Kita akan *digest* benda ini dan selepas ini kita tentukan haluan seterusnya mengenai prosiding penyeludupan dan penyelewengan diesel subsidi ini kerana ia isu besar. Isu yang perlu ada penjelasan yang lebih lanjut, ya Dato'. Terima kasih banyak. Makanan tengah hari pun dah sejuk. Dah pukul 3.00 petang. *[Ketawa]* Terima kasih banyak-banyak.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.08 petang]***

# DOKUMEN PEMBENTANGAN

# MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

| 19 JUN 2014 (11.00 pagi) | Jabatan Audit Negara |
|---|---|

1

# PEMBENTANGAN ISU-ISU SUBSIDI DIESEL DAN PETROLEUM

2

# POLISI SUBSIDI DIESEL DAN PETROLEUM

3

## Polisi Kementerian Kewangan

- Urusan pemberian subsidi diesel dan petroleum adalah terletak di bawah Jawatankuasa Dasar Fiskal yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

4

# Polisi KPDNKK

- Penggubalan Dasar dan Strategi berkaitan dengan pembangunan perdagangan pengedaran dalam negara diletakkan di bawah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, KPDNKK.
- Bahagian ini juga antara lain mengawal selia harga perdagangan terhadap barang-barang perlu, pelesenan, kawalan pengeluaran, pengedaran dan penjualan barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta **mengawal selia pemberian diesel bersubsidi** kepada sektor pengangkutan darat dan sektor pengangkutan penumpang di perairan sungai di Sarawak dan di Sabah.

5

# Polisi LKIM

- Pada 15 September 2005, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga Dan Bekalan Diesel telah memutuskan pelaksanaan dan pemantauan Skim Diesel Bersubsidi Untuk Nelayan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui LKIM. Pada 1 Januari 2006, LKIM telah melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi Untuk Nelayan di Semenanjung Malaysia, manakala di Sabah dan Sarawak pada 1 Jun 2006.
- Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga Dan Bekalan Diesel telah memutuskan pemborong diesel bersubsidi dipertanggungjawabkan kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA), Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Negeri Sabah (KO-NELAYAN), manakala Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) merupakan peruncit Skim Diesel Bersubsidi.

6

# STRUKTUR SUBSIDI DIESEL DAN PETROLEUM

7

## STRUKTUR – PERANAN JABATAN/AGENSI

| JABATAN/AGENSI | PERANAN |
|---|---|
| KEMENTERIAN KEWANGAN | Menyedia Peruntukan, Pembayaran Subsidi, Melulus Syarikat Pembekal & Harga |
| KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK) | Kelulusan Lesen & Penguatkuasaan |
| KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI | Pengerusi Dan Urusetia Jawatankuasa |
| JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA | Kelulusan 7 Warta Jeti, Semakan Tuntutan & Penguatkuasaan |
| AGENSI PENGUATKUASA MARITIM MALAYSIA | Penguatkuasaan |
| JABATAN PERIKANAN MALAYSIA | Melesenkan Vesel & Penguatkuasaan |
| JABATAN PERIKANAN SABAH | Melesenkan Perkakasan Menangkap Ikan |
| JABATAN LAUT SABAH | Melesenkan Vesel Perikanan Di Sabah |
| LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) | Meluluskan Kad e-Nelayan, Mendaftarkan Pusat Jualan Dan Mengesahkan Tuntutan Syarikat Pembekal |

8

| KOD OBJEK | PERIHAL | TAHUN 2011 (RM) | TAHUN 2012 (RM) | TAHUN 2013 (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **42800 - PEMBERIAN SUBSIDI** | | | | | |
| 42801 | Subsidi Pengangkutan - MAS | 197,249,043.33 | 106,776,521.09 | 103,686,890.30 | 407,712,454.72 |
| 42802 | Subsidi Pengangkutan - KTM | 78,463,793.00 | 58,967,099.72 | 51,446,665.00 | 188,877,557.72 |
| 42803 | Subsidi Bagi Baja Padi | 780,161,979.29 | 752,844,926.73 | 753,970,904.77 | 2,286,977,810.79 |
| 42804 | Subsidi Bagi Harga Padi | 1,354,619,449.40 | 1,088,586,188.67 | 1,140,495,144.80 | 3,583,700,782.87 |
| 42805 | Subsidi Bagi Diesel | 46,455,128.85 | 603,395,834.60 | 757,926,728.12 | 1,407,777,691.57 |
| 42806 | Subsidi Bagi LPG | - | - | 391,239,629.38 | 391,239,629.38 |
| 42807 | Subsidi Bagi Petroleum | 19,990,195,886.01 | 23,814,989,499.54 | 22,049,759,024.15 | 65,854,944,409.70 |
| 42808 | Subsidi Pampasan Tol | 10,190.00 | - | - | 10,190.00 |
| 42809 | Subsidi Bantuan Makanan Dan Makanan Tambahan | 392,006,292.78 | 632,694,358.20 | 436,729,016.98 | 1,461,429,667.96 |
| 42810 | Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak | 390,639.00 | 311,058.00 | 7,468,514.40 | 8,170,211.40 |
| 42831 | Rancangan Menternak Lembu Kerbau (pembelian dan pemberian) | - | - | 103,904.00 | 103,904.00 |
| | JUMLAH | 22,839,552,401.66 | 27,058,565,486.55 | 25,692,826,421.90 | 75,590,944,310.11 |

✓ 46 juta
✓
✓

Sumber: Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan

9

# STRUKTUR – PERANAN JABATAN/AGENSI




Sumber: Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan

10

# PROSES KERJA BAYARAN SUBSIDI

Akta dan peraturan berkaitan

Seksyen 10 Akta Cukai Jualan 1972

- Menerima maklumat/data tuntutan subsidi bulanan daripada syarikat-syarikat minyak
- Menyemak dan meneliti maklumat/data tuntutan dan membuat pengiraan jumlah subsidi perlu dibayar bagi setiap syarikat
- Menyediakan Memo untuk mendapatkan kelulusan pembayaran dengan ditandatangani oleh Setiausaha Bahagian Cukai
- Mengemukakan Memo beserta Lampiran "A" untuk tindakan Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan
- Menerima salinan baucer bayaran daripada Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan
- Mengeluarkan surat kepada JKDM bagi memaklumkan bayaran pendahuluan telah dibuat
- Mengarahkan JKDM membuat penyelarasan dengan fail tuntutan
- Failkan

Sumber: Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan

11

# PEMANTAUAN

12

## PEMANTAUAN KPDNKK

Bahagian Penguatkuasa bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dan melindungi hak pengguna melalui langkah pembanterasan segala bentuk penyelewengan, penindasan dan pencatuan termasuk membendung penyalahgunaan dan penyelewengan minyak bersubsidi.

13

## PEMANTAUAN SUBSIDI DIESEL (LKIM)

**Peringkat Kementerian (MOA)**

- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Nelayan.

**Peringkat Ibu Pejabat LKIM**

- Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi.
- Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat satu kali pada tahun 2012 dan tiga kali pada tahun 2010 dan 2011.
- Tiada garis panduan atau prosedur mengenai mekanisme pemantauan secara khusus terhadap pusat jualan yang dikendalikan oleh PNK.

**Peringkat LKIM Negeri**

- Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi Peringkat LKIM Negeri.
- Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekiranya perlu berdasarkan kes yang dilaporkan.

14

# HASIL PENGAUDITAN



## Hasil Pengauditan

| Tahun Menjalankan Pengauditan | PERKARA |
|---|---|
| **A. PENGAUDITAN YANG DIJALANKAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA** | |
| **2008** | 1. Kajian Audit Terhadap Pemberian Diesel Bersubsidi Tambahan Bagi Sektor Pengangkutan Darat |
| **2007** | 2. Kajian Audit Ke Atas Pengurusan Skim Subsidi Diesel Untuk Nelayan Oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) |
| **2012** | **3. Kajian Audit Ke Atas Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi Oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) – LKAN 2012 Siri 2** |

# Hasil Pengauditan

**B. Lawatan Audit Pada 11 Jun 2014 Ke Lokasi Penempatan Barang-barang Rampasan Di Bawah KPDNKK Di Nilai, Negeri Sembilan.**

17

# ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

1. Kajian Audit Terhadap Pemberian Diesel Bersubsidi Tambahan Bagi Sektor Pengangkutan Darat (Tahun 2008)

18

## PENILAIAN KHAS TERHADAP PENGURUSAN PEMBERIAN DIESEL BERSUBSIDI BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah meminta bantuan Jabatan Audit Negara membuat penilaian khas terhadap pengurusan pemberian diesel bersubsidi bagi Sektor Pengangkutan Darat, KPDNHEP.

- Penilaian ini adalah untuk menentukan sama ada ;
  - pengurusan pemberian diesel *super subsidy* melalui **skim *skid tank*** (pembelian secara pukal), **skim *fleetcard*** (pembelian secara runcit) kepada syarikat kenderaan awam dan syarikat pengangkutan darat dan aktiviti penandaan minyak diesel bersubsidi (melalui teknologi NANO) telah dirancang dengan teratur selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

- Berdasarkan kepada jumlah yang dituntut oleh syarikat petroleum setakat bulan April 2008, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1.61 bilion bagi keseluruhan pemberian subsidi yang mana RM352.69 juta adalah melalui skim *fleetcard*.

19

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

1. **Skim *SKID TANK* (PUKAL)**
   - Oleh kerana dokumen yang lengkap tidak dikemukakan oleh syarikat ketika permohonan, pihak Audit tidak dapat mengesahkan samaada syarikat layak atau sebaliknya untuk menerima subsidi di samping asas pemilihan juga tidak dapat dikesan. (Lampiran 1)

   - Semakan ke atas salinan permit Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang dikemukakan oleh syarikat sebagai sokongan untuk menyokong permohonan pembaharuan kuota mendapati cukai jalan bagi 71 kenderaan telah tamat tempoh menyebabkan kenderaan tersebut tidak layak diberi subsidi kerana ia tidak boleh berada di jalanraya. (Lampiran 2)

20

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

- Terdapat 6 kenderaan yang diberi diesel bersubsidi sepatutnya tidak layak untuk menerima. Lampiran 3
- Tahap keselamatan yang lemah – *Skid Tank* tidak diletakkan di tempat yang lebih tinggi dari aras tanah, halangan batu tidak dibina di sekelilingnya bagi melindungi tumpahan minyak dan alat pemadam api tidak diletakkan berhampiran dengan *Skid Tank*.



21

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

### KAWALAN DALAMAN

**2. *FLEETCARD* (RUNCIT)**

- Permohonan *Fleetcard* telah diluluskan tanpa mengemukakan dokumen penting. Lampiran 4
- Borang permohonan *Fleetcard* tiada ruang untuk maklumat “kapasiti tangki”. Oleh itu maklumat tersebut tiada dalam sistem.
- Dalam tempoh Januari hingga Mei 2008 sebanyak 24.04 juta liter diesel bersubsidi telah digunakan untuk kenderaan yang telah tamat tempoh cukai jalannya pada bulan Disember 2007.
- Pihak Audit mendapati diesel bersubsidi juga telah dibeli oleh individu dengan menggunakan *Fleetcard* yang bukan miliknya.

22

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

3. **PENANDAAN MINYAK DIESEL BERSUBSIDI (NANOTAG)**
   - Perintah Kawalan Bekalan 1961 (Penandaan Barang Berjadual) 2006 menyatakan bahawa semua kesalahan di bawah Perintah ini boleh dikenakan kompaun atau tindakan mahkamah.
   - 10 kes daripada 24 kes telah lewat dalam proses mengeluarkan kompaun kepada Orang Yang Dituduh.

23

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

- Walaupun sampel yang diambil dan diuji secara *off-site* di seluruh Negara menunjukkan hasil ujian yang positif, tetapi tindakan susulan terhadap mereka yang disyaki menyalahgunakan diesel subsidi tidak diambil kerana:
  - Kesukaran mengenalpasti kuantiti keseluruhan dalam bekas menyimpan diesel di mana sampel diperolehi.
  - Tiada bukti.
  - Penyimpanan diesel bersubsidi dengan yang tidak bersubsidi tidak diasingkan.

24

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

- Unit Kawalan Bahan Petroleum (Nanotag) di Ibu Pejabat diwujudkan pada September 2006. Sehingga kini tiada perjawatan khusus dipohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Pegawai dari Unit ini juga dari semasa ke semasa terlibat dengan tugas untuk penguatkuasaan undang-undang selain daripada Akta Kawalan Bekalan (Penandaan Barang-barang Berjadual) 2006. Keadaan ini mengakibatkan tindakan susulan tidak dapat diambil dengan berkesan terhadap kesemua hasil ujian *off-site* yang dilaporkan positif oleh Teras Kimia Sdn. Bhd.

25

## PENGESAHAN AUDIT TERHADAP TUNTUTAN SUBSIDI DIESEL OLEH RANGKAIAN PENGANGKUTAN INTEGRASI DERAS SDN. BHD. (RAPIDKL)

- Pada 30 Jun 2008, Kementerian Kewangan telah meminta bantuan Jabatan Audit Negara untuk mengesahkan tuntutan subsidi diesel oleh Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL) yang berjumlah RM12.41 juta.
- Kemudahan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel (JKSD) dan kaedah pembelian diesel adalah melalui sistem *fleetcard* dan sistem *skid tank.*
- Tuntutan subsidi melalui sistem *skid tank* adalah berjumlah RM11.82 juta manakala tuntutan sistem *fleetcard* adalah berjumlah RM0.59 juta yang meliputi tahun 2007.

**Pada umumnya, permohonan bayaran subsidi diesel kepada RapidKL bagi tahun 2007 berjumlah RM12.41 juta telah dibuat secara teratur. Berdasarkan tahap kawalan dan rekod pengeluaran/pembelian diesel, jumlah yang dituntut juga adalah wajar dan tidak melebihi kuota yang diluluskan oleh JKSD.**

26

# 2. Kajian Audit Ke Atas Pengurusan Skim Subsidi Diesel Untuk Nelayan - LKIM (Tahun 2007)

27

## SKIM DIESEL BERSUBSIDI




28

## SKIM DIESEL BERSUBSIDI

**PELANTIKAN PEMBEKAL, PEMBORONG DAN PERUNCIT**

| MOF telah melantik PETRONAS, SHELL, BHP dan CALTEX sebagai pembekal | Jawatankuasa Khas Kabinet memutuskan pemborong diberikan kepada NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN | Jawatankuasa juga memutuskan PNK sebagai peruncit |
|---|---|---|

Nota : NEKMAT - Persatuan Nelayan Kebangsaan
PENESA - Persatuan Nelayan Sarawak
PNK - Persatuan Nelayan Kawasan

29

## SKIM DIESEL BERSUBSIDI

### SYARAT KELAYAKAN

- **Dokumen Berkaitan Vesel Seperti Gambar Dan Lesen Vesel**
- **Vesel Berkeadaan Baik Dan Selamat Digunakan**
- **Vesel Berdaftar Dengan Jabatan Perikanan Malaysia/Jabatan Laut Sabah/Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah**





30

# SKIM DIESEL BERSUBSIDI

## ZON A, B, C DAN C2




Nota: **Tiada halangan bagi vesel yang berhampiran pantai untuk menjalankan operasi tangkapan ikan di zon yang lebih jauh sebagai contoh vesel yang beroperasi di Zon A boleh menangkap ikan di Zon B, C dan C2.

31

# PENETAPAN HARGA DIESEL BERSUBSIDI

| TEMPOH | HARGA (RM/Liter) | |
|---|---|---|
| | ZON A, B, C (Diesel Super Subsidi) | ZON C2 (Diesel Subsidi) |
| 1.1.2006 hingga 4.6.2008 | 1.00 | 1.00 |
| 5.6.2008 hingga 15.12.2008 | 1.43 | 1.43 |
| 16.12.2008 hingga 31.12.2008 | 1.30 | 1.30 |
| 1.1.2009 hingga 16.7.2010 | 1.20 | 1.20 |
| 17.7.2010 hingga 31.12.2012 | 1.25 | 1.25 |
| Mulai Jun 2011 hingga 31.12.2012 (untuk vesel Zon C2) | 1.25 | 1.80 |

32

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

1. **Pengurusan Skim Subsidi Diesel**

KAWALAN DALAMAN

1.1. Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)

–Tiada pengagihan tugas disetiap PNK. Semua tugas bermula dari pemeriksaan baki kuota sehingga merekodkan jualan dan mengeluarkan resit kepada nelayan telah dilakukan oleh seorang Jurupam.

1.2. Kakitangan PNK Di Pusat Jualan

–Kakitangan PNK tidak ditempatkan untuk menyelia jualan diesel bersubsidi di beberapa pusat jualan iaitu Tambisan, Lahad Datu, Jeti Kampung Pengkalan di Kunak dan Jeti Kampung Simunul di Semporna, Sabah.

33

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

2. **Kawalan e-Nelayan Diesel Management System (e-NDMS)**

KAWALAN DALAMAN

2.1. Syarikat *vendor* bertindak Sebagai Pentadbir Sistem

– Syarikat *vendor* bertindak sebagai pentadbir sistem. Amalan ini mendedahkan kemungkinan berlaku penyelewengan disebabkan syarikat mempunyai akses yang tidak terhad terhadap *live data* e-NDMS.

34

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

2.2. Transaksi Tertangguh

- Hal ini disebabkan oleh kemasukan data tidak dapat diproses secara *online* kerana gangguan rangkaian GPRS.
- Ketika gangguan ini penjualan diesel oleh pusat jualan akan dilakukan secara *offline*. Bagaimanapun pihak Audit mendapati transaksi tertangguh ini akan terus dimuat naik ke server Ibu Pejabat apabila rangkaian GPRS telah pulih dan ini menyebabkan transaksi yang sama direkod dua kali.

2.3. Kawalan Peralatan

- *Personal Digital Assistant* (PDA) tidak mempunyai *auto log-off*.
- Rekod penggunaan PDA tidak disemak.
- Peralatan PDA yang rosak tidak diganti.
- Maklumat kerosakan seperti di jadual berikut:

35

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

| PNK/PUSAT JUALAN | STATUS PDA | CATATAN |
|---|---|---|
| PNK Kunak, Kampung Pengkalan, Sabah | Rosak | Dihantar untuk pembaikan di Kuala Lumpur dan jualan dibuat secara manual |
| PNK Lahad Datu, Kampung Tambisan, sabah | Tiada rangkaian | Jualan dibuat secara manual |
| PNK Hilir Perak HM 1, Perak | Masalah rangkaian | Data sering tertangguh |
| PNK Port Dickson, Lukut, Negeri Sembilan | Rosak | Jualan dibuat secara manual |
| PNK Melaka Selatan, Melaka | Masalah rangkaian | Data sering tertangguh |
| PNK Bachok, Kelantan | Masalah rangkaian | Data sering tertangguh |
| PNK Pelabuhan Klang Pusat Jualan 4, Selangor | Rosak | Kemasukan data dua kali |
| PNK Kuala Langat, Kuala Kelanang Selangor | Masalah rangkaian | Data sering tertangguh |

36

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**3. Kelemahan Pembekalan Diesel Bersubsidi**

- 66 pusat jualan tidak mempunyai Lesen Berniaga Runcit.
- Pemilik jeti persendirian mempunyai bot sendiri dan lebih mengutamakan bot mereka untuk menyalurkan diesel bersubsidi. Selain itu, pemilik jeti persendirian juga mempunyai kilang memproses hasil laut dan kilang air batu di Jeti Persendirian Kunak, Sabah. Keadaan ini boleh menyumbang kepada penyalahgunaan diesel bersubsidi.
- 17,702 liter diesel bersubsidi tidak dapat dijual di PNK Kerian, Perak kerana jarak antara satu pusat jualan adalah antara 50 hingga 100 meter.

37

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**KAWALAN DALAMAN**

- *Skid tank* (tangki berkaki) diesel bersubsidi untuk nelayan diletak bersebelahan dengan *skid tank* diesel bersubsidi untuk bot penumpang dan ekspress di Jeti Smarim Corporation, Sibu dan Jeti Kg. Jepak, Bintulu di Sarawak.



- Peralatan untuk mengukur stok fizikal diesel dalam *skid tank* tidak seragam menyebabkan bacaan yang tepat sukar diperolehi.
- Berlaku pembelian diesel bersubsidi yang melebihi kapasiti tangki antara 9% hingga 431%.
- Nelayan bertindak mengepam diesel terus ke dalam tong ketika melakukan pembelian. Sepatutnya dilakukan oleh jurupam PNK.

38

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**4. Penyelenggaraan Rekod Dan Pemeriksaan Fizikal Stok Diesel**

- Stok fizikal diesel bersubsidi di 47 PNK didapati berbeza dengan baki di buku stok.
- 25 pusat jualan menunjukkan lebihan 503,629 liter.
- 22 pusat jualan menunjukkan kekurangan 218,134 liter.

39

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**5. PENGUATKUASAAN**

- LKIM tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang menyalahgunakan diesel bersubsidi. Tindakan adalah dibawah bidang kuasa KPDNHEP.
- Tindakan LKIM hanyalah:
  - Menggantung atau menyenarai hitam pemegang e-Nelayan D'kad yang melakukan kesalahan.
  - Menutup pusat jualan yang tidak mematuhi peraturan.
  - Mengurangkan had kuota kepada mereka yang melakukan kesalahan.
  - Mengurangkan had kuota dari semasa ke semasa dengan membuat perbandingan pencapaian pendaratan ikan.

40

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

3. Kajian Audit Ke Atas Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi - LKIM (Tahun 2012 Siri 2)

41

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**ISU**

- LKIM tidak menjalankan penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi bagi mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasar.

**MAKLUMBALAS**

- *LKIM akan melaksanakan penilaian outcome bagi Skim Diesel Bersubsidi pada tahun 2013 bagi menilai pencapaian objektif Skim Diesel Bersubsidi serta mengenal pasti dan menambahbaik pelaksanaan program.*

42

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**ISU**

- 2,002 transaksi jualan diesel yang sepatutnya dijual pada harga RM1.80 per liter kepada vesel Zon C2 telah dijual pada harga Diesel Super Subsidi iaitu RM1.25 per liter. Perbezaan harga ini menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan sejumlah RM8.14 juta.

**MAKLUMBALAS**

*LKIM memaklumkan 1,012 transaksi dijual oleh Pusat Jualan Vesel Zon C2 pada harga sebenar RM1.80/liter tetapi telah direkodkan oleh LKIM pada harga RM1.25/liter dalam Sistem e-NSMS. Baki sebanyak 990 transaksi lagi adalah antaranya disebabkan kesalahan pendaftaran zon vesel; pelarasan semula zon; kesalahan memasukkan transaksi secara manual/PDA rosak dan kekeliruan terhadap perubahan harga.*

43

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**ISU**

- Penjualan diesel bersubsidi kepada 43 vesel melebihi kapasiti tangki antara 600 hingga 10,500 liter. (Isu telah dibangkitkan pada tahun 2007)

**MAKLUMBALAS**

*LKIM memaklumkan melalui Mesyuarat Isu Perikanan bersama Jabatan Perikanan Malaysia, LKIM telah meminta Jabatan Perikanan Malaysia memasukkan maklumat kapasiti tangki dalam lesen vesel perikanan. Walau bagaimanapun, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bil. 2/2013 pada 14 Jun 2013 Jabatan Perikanan telah memaklumkan penguatkuasaan penetapan kapasiti tangki yang akan dimasukkan dalam lesen perikanan ditangguhkan disebabkan memerlukan kajian lanjut.*

44

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

### ISU

- Penjualan diesel bersubsidi kepada 55 vesel sebanyak 165,474 liter melebihi kuota yang ditetapkan.

### MAKLUMBALAS

*LKIM telah membuat semakan terhadap 55 vesel mendapati 33 vesel membuat pembelian melebihi kuota yang telah ditetapkan dan tindakan penangguhan telah dibuat kepada pemilik vesel tersebut.*

45

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

### MAKLUMBALAS (sambungan)

*Selain itu, baki sebanyak 22 vesel pula didapati membuat kemasukan transaksi berganda yang menyebabkan jumlah pembelian diesel bersubsidi melebihi kuota yang ditetapkan. Tindakan menyelaras semula maklumat transaksi jualan telah diambil bagi mengemas kini maklumat. Terdapat kelemahan pada sistem e-NSMS untuk mengambil kira transaksi pembelian secara manual semasa PDA offline. Ini menyebabkan berlakunya lebihan pembelian kuota kerana pembelian yang dibuat pada akhir bulan akan direkodkan pada awal bulan berikutnya.*

*LKIM juga akan melaksanakan tindakan penangguhan terhadap vesel yang terlibat membeli diesel bersubsidi melebihi kuota. Bagaimanapun, hanya 2 pegawai yang mengurus skim ini berbanding sebanyak 17,000 vesel yang melibatkan purata 3,500 transaksi sehari yang menyebabkan pemilik vesel terlepas daripada tindakan seperti penangguhan dan disenaraihitamkan. Selain itu, Bahagian Audit Dalam LKIM sentiasa membuat pengauditan berkala terhadap semua PNK yang melaksanakan skim ini dan memberi teguran berkaitan perkara ini*

46

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**ISU**

- 16 daripada 87 pusat jualan (18.4%) tidak mempunyai alat pengukur manakala 13 pusat jualan (14.9%) menggunakan alat pengukur seperti kayu, dahan pokok, dan pita pengukur untuk menentukan bacaan stok diesel dalam *Skid Tank*. (Isu telah dibangkitkan pada tahun 2007)



***Kayu Digunakan Sebagai Alat Pengukur***



***Dahan Pokok Digunakan Sebagai Alat Pengukur***

47

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

### MAKLUMBALAS

***LKIM memaklumkan skid tank yang digunakan oleh PNK telah dibekalkan oleh pemborong iaitu NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN atau syarikat pembekal diesel. Sehubungan itu, pemborong atau syarikat pembekal diesel disaran untuk membuat perbincangan dengan PNK untuk membekalkan alat pengukur yang sesuai bagi memastikan ketepatan baki sebenar stok diesel.***

48

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**ISU**

- Perbezaan antara baki stok fizikal dalam *Skid Tank* dengan baki buku stok diesel bersubsidi direkodkan dengan lebihan 63,544 liter dan kurangan 8,816 liter. (Isu telah dibangkitkan pada tahun 2007)

**MAKLUMBALAS**

- *LKIM memaklumkan NEKMAT, PENESA, KO-NELAYAN dan PNK adalah diminta untuk mematuhi syarat dan peraturan kawalan stok diesel bersubsidi yang ditetapkan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang. LKIM telah meminta pemborong iaitu NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN memastikan semua pusat jualan baru dilengkapi dengan skid tank yang mempunyai bacaan meter. Selain itu, NEKMAT dengan kerjasama syarikat pembekal seperti PETRONAS, BHP dan SHELL telah mengadakan kursus kepada PNK dalam mengurus pusat jualan diesel yang merangkumi aspek penerimaan diesel dan kawalan stok.*

49

## ISU-ISU SUBSIDI DIESEL

**ISU**

- Pusat pengisytiharan menggunakan kod peniaga lain yang berdaftar dalam sistem e-Pengisytiharan untuk mengisytiharkan hasil tangkapan dan 30 borang pengisytiharan pendaratan ikan untuk belian diesel bersubsidi tidak dilengkapkan.

**MAKLUM BALAS**

*LKIM memaklumkan kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit adalah sukar untuk dikenal pasti. Setakat ini, LKIM tidak berupaya untuk menyemak semua dokumen terbabit kerana kekurangan pegawai. Bagaimanapun, LKIM akan mengambil tindakan teguran secara bersurat dan secara lisan kepada juruisytihar yang terbabit bagi kes yang telah dikenal pasti oleh pihak Audit.*

50

# B. Lawatan Audit Pada 11 Jun 2014 Ke Lokasi Penempatan Barang-barang Rampasan Di Bawah KPDNKK Di Nilai, Negeri Sembilan

51

- KPDNKK mempunyai 80 lokasi untuk meletak barang-barang rampasan di 15 buah Negeri di Malaysia.
- 71% daripada lokasi tersebut disewa sementara selebihnya milik KPDNKK.
- Bangunan kompleks yang dimiliki sendiri oleh KPDNKK terletak di Jalan Permata, Nilai 3, Seremban, Negeri Sembilan dan merupakan kompleks penyimpanan barang-barang kes (eksibit) yang terbesar di Negara ini.

52

## Lawatan Audit Pada 11 Jun 2014 Ke Kompleks Tersebut Mendapati:

- Keluasan kawasan 4 ekar.
- Dilengkapi dengan satu bangunan pentadbiran serta kawasan luas bagi menempatkan barang-barang rampasan.

53




**Pandangan Hadapan - Sebahagian Daripada Bangunan Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan, Nilai 3, Seremban**

54

- **Berlaku Kesesakan Dalam Kompleks Penyimpanan Tersebut**
  - ➢ Tidak dapat menampung sebagai tempat penyimpanan barang-barang kes kerana kemasukan barang-barang kes baru sedangkan banyak kes-kes terdahulu belum selesai.
  - ➢ Terdapat barang-barang kes seperti lori minyak yang ditahan kerana menjalankan aktiviti penyeludupan diesel terpaksa diletakkan di luar kawasan penyimpanan yang dikawal.

55




***Kedua-dua Lori Ini Adalah Antara Barang Kes Yang Belum Selesai Dan Terpaksa Diletakkan Di Luar Kompleks Penyimpanan Kerana Kesesakan Di Dalam Kompleks Penyimpanan***

56

- **Kes Barang Rampasan Yang Belum Selesai**
  - ➢ Di antara punca berlaku kesesakan ini adalah barang rampasan yang disimpan sehingga melebihi 5 tahun kerana kes belum selesai.
  - ➢ Tiada satu dasar yang menetapkan tempoh bagi menyimpan barang rampasan tersebut.

57



***Lori Ini Adalah Antara Barang Kes Yang Belum Selesai***

58





*Lori Tangki Minyak Antara Eksibit Kes Yang Banyak Terdapat Di Kompleks Penyimpanan*

*Lori Mempunyai Tangki Minyak Setelah Diubahsuai Bagi Aktiviti Penyeludupan Minyak Diesel Bersubsidi*

59




*Lori Membawa Kayu Yang Telah Diubahsuai Bagi Aktiviti Penyeludupan Minyak Diesel Bersubsidi*

60

**Antara Peralatan Aktiviti Penyeludupan Minyak Diesel Bersubsidi Yang Dirampas – Peralatan Ini Diantara Digunakan Untuk Proses Bunkering.**



61





**Van Dan Lori Yang Telah Diubahsuai Bagi Aktiviti Penyeludupan Minyak Diesel Bersubsidi**

62

*Keadaan Lori Rampasan Yang Telah Rosak Dan Masih Ditempatkan Di Kompleks Penyimpanan Sejak Tahun 2008 Sementara Menunggu Kes Yang Belum Selesai.*



63

**Pengurusan Tenaga Manusia**

- Di kompleks tersebut terdapat 4 orang kakitangan yang diketuai oleh Pegawai Penolong Penguatkuasa Gred N27.
- Bilangan kakitangan tersebut tidak dapat menampung aktiviti pengurusan di kompleks tersebut.
- Di antara tugas disini adalah mendaftar barang rampasan yang tidak mengira waktu, penyusunan dan pendaftaran barang rampasan, kerja-kerja pentadbiran yang lain yang menyebabkan mereka bekerja di luar waktu pejabat.

64

## SYOR-SYOR AUDIT

65

## SYOR-SYOR AUDIT

- Kementerian hendaklah memperkemaskan prosedur bagi memproses dan meluluskan pemberian diesel *super subsidy* kepada individu/syarikat yang layak. Bagi syarikat yang terbukti telah beberapa kali melanggari syarat, mereka perlu disenaraihitamkan daripada mendapatkan sebarang kuota.

- *Fleetcard* patut mempunyai tempoh sah laku dan hanya boleh diluluskan pembaharuannya jika ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk membolehkan Kementerian memastikan bahawa syarikat pengangkutan berkenaan masih layak mendapat diesel *super subsidy.*

66

## SYOR-SYOR AUDIT

- Pengambilan sampel bagi ujian diesel bersubsidi dengan kaedah *nanotag* hanya dibuat secara *on-site* sahaja memandangkan hasil ujian *off-site* mempunyai beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan ketepatan ujian tersebut.
- Aktiviti penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. Pegawai Penguatkuasa perlu mengadakan lawatan mengejut dari semasa ke semasa ke premis syarikat pengangkutan yang diluluskan kuota diesel *super subsidy* untuk memeriksa rekod serta kenderaan yang berkaitan bagi memastikan syarat-syarat kelulusan dipatuhi dan syarikat berkenaan masih layak mendapat kuota berkenaan atau kelulusan kuota perlu dikaji semula.

67

## SYOR-SYOR AUDIT

- LKIM hendaklah membuat penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi untuk menentukan peruntukan yang dibelanjakan mencapai objektif yang ditetapkan.
- LKIM hendaklah memastikan pusat jualan Diesel Subsidi bagi Zon C2 mengikut harga yang ditetapkan. LKIM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pusat jualan yang telah menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2.
- LKIM hendaklah membuat penambahbaikan terhadap PDA supaya memaparkan maklumat kapasiti tangki vesel bagi mengawal penjualan diesel bersubsidi.
- LKIM hendaklah menyemak semula kuota diesel bersubsidi di setiap PNK dan memastikan pengagihan adalah mencukupi berdasarkan penggunaan bulanan setiap zon.
- LKIM hendaklah memastikan PNK membuat pemeriksaan stok fizikal diesel bersubsidi pada setiap hari dengan menggunakan alat pengukur yang bersesuaian.

68

SEKIAN

TERIMA KASIH

69

# TAKLIMAT
# PELAKSANAAN SKIM SUBSIDI DIESEL DAN PETROL NELAYAN KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**19 JUN 2014**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)**

# TUJUAN

Untuk memaklumkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan Oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

# SKOP TAKLIMAT

- Latar Belakang
- Mekanisme Penyaluran Subsidi
- Status Pelaksanaan
- Mekanisme Kawalan
- Isu dan Penambahbaikan
- Penutup

# LATAR BELAKANG

# MATLAMAT SKIM

## MEMBANTU MENAMPUNG SEBAHAGIAN KOS OPERASI MENANGKAP IKAN YANG DITANGGUNG OLEH NELAYAN KESAN KENAIKAN HARGA MINYAK

# KATEGORI PENYALUR

❖Keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Harga dan Bekalan Diesel pada 15 September 2005

| | |
|---|---|
| PEMBEKAL | • PETRONAS DAGANGAN BERHAD (PETRONAS)<br>• SHELL MALAYSIA TRADING SDN BHD (SHELL)<br>• CHEVRON MALAYSIA LIMITED SDN BHD (CALTEX)<br>• BOUSTEAD PETROLEUM MARKETING SDN BHD (BHP) |
| PEMBORONG | • PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)<br>• PERSATUAN NELAYAN NEGERI SARAWAK (PENESA)<br>• KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN) |
| RUNCIT | • PERSATUAN NELAYAN KAWASAN (PNK) |
| PENGGUNA | • NELAYAN |

# KRONOLOGI PELAKSANAAN SKIM

(TAHUN 1997)
SKIM DIESEL TANPA DUTI UNTUK NELAYAN DILAKSANAKAN MELALUI NEKMAT DAN DIURUSKAN OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA

(TAHUN 2001)
SKIM SUBSIDI DIESEL MELIPUTI PENGANGKUTAN DARAT, AIR DAN VESEL PERIKANAN DILAKSANAKAN DAN DIAMBILALIH JAWATANKUASA KELULUSAN SUBSIDI DIESEL (JKSD) DIBAWAH KPDNKK

(15 SEPTEMBER 2005)
- JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI HARGA DAN BEKALAN DIESEL MEMUTUSKAN SKIM SUBSIDI DIESEL NELAYAN DILETAKKAN DIBAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

( Tahun 2006 )
KUATKUASA PADA 1 JANUARI 2006 DI SEMENANJUNG DAN DIPERLUASKAN DI SABAH DAN SARAWAK MULAI 1 JUN 2006

- HARGA DIESEL/PETROL BERSUBSIDI NELAYAN DITETAPKAN PADA HARGA RM1.00/LITER SEHINGGA 4 JUN 2008
- BERBANDING DENGAN HARGA INDUSTRI RM1.40 DAN HARGA DI STESYEN PUMP RM 1.58/LITER



# MEKANISME PENYALURAN SUBSIDI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)

# KAEDAH PENYALURAN

**Pembekal**



**Syarikat Minyak**

Petronas
Shell
BHP
Caltex

**Pemborong**

NEKMAT (Semenanjung)
PENESA (Sarawak)
KO-NELAYAN (Sabah)



<u>Pengangkutan</u>
menggunakan lori
- Syarikat Minyak (berlogo syarikat minyak)
- Persatuan Nelayan (berlogo PN)

**Pusat Jualan Runcit**



Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)

Kawalan melalui sistem E-Nelayan di Kompleks LKIM dan Jeti-Jeti Pendaratan Ikan (kawalan Kuota menggunakan kad pengenalan)

**Pengguna**



**Nelayan**





**PDA + IC**

# PERBELANJAAN SUBSIDI DIESEL OLEH KERAJAAN KEPADA SEKTOR PERIKANAN TAHUN 2013

| SEKTOR | JUMLAH PENGGUNAAN ( LITER/TAHUN) 2013 | HARGA SUBSIDI (RM/LITER) 2013 | HARGA STESEN (RM/LITER) | PURATA KADAR SUBSIDI (RM/LITER) | JUMLAH SUBSIDI (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| PERIKANAN PANTAI (ZON A, B, C) (DIESEL) | 966.34 juta | RM1.45/liter | RM2.00 | RM 1.38 | 1338.64 juta |
| PERIKANAN LAUT DALAM (ZON C2) (DIESEL) | 91.64 juta | RM2.00/liter | RM2.00 | RM0.83 | 91.64juta |
| PERIKANAN PANTAI (PETROL) | 123.14 juta | RM1.45/liter | RM2.10 | RM1.41 | 172.84 juta |
| JUMLAH | 1181.12 juta | | | | 1603.12 juta |

# KUOTA BULANAN DIESEL BERSUBSIDI KEPADA SYARIKAT PEMBEKAL

| SYARIKAT | KUOTA SEBULAN (Liter) 2014 |
|---|---|
| PETRONAS | 66.946JUTA |
| SHELL | 24.054 JUTA |
| BHP | 5.5 JUTA |
| CALTEX | 3.5 JUTA |
| JUMLAH KESELURUHAN | 100 JUTA |

# KELULUSAN KUOTA DIESEL BERSUBSIDI KEPADA PEMBORONG (LITER/BULAN)

| PEMBEKAL | KUOTA JAN – JUN 2014 | | |
|---|---|---|---|
| | SUPER SUBSIDI | SUBSIDI | JUMLAH |
| NEKMAT | 60,942,000 | 10,058,000 | 71 juta |
| KO-NELAYAN | 14,860,000 | 140,000 | 15 juta |
| PENESA | 11,290,000 | 2,710,000 | 14 juta |
| JUMLAH | 83,192,000 | 16,808,000 | 100 juta |

# HAD KUOTA DIESEL BERSUBSIDI KEPADA VESEL NELAYAN

| PERKAKASAN | MUATAN (GRT) MENGIKUT ZON | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | ZON B | | | | ZON C | ZON C2 | ZON C3 |
| | 0.1 – 10 | 10.1- 20 | 20.1 - 30 | 30.1 – 39.9 | 40 – 69.7 | 70 KEATAS | 70 KEATAS |
| **A. KOMERSIAL** | | | | | | | |
| PUKAT TUNDA | 6,000 | 8,000 | 12,000 | 16,000 | 20,000 | 24,000 | |
| PUKAT JERUT | 4,000 | 6,000 | 8,000 | 10,000 | 13,000 | 20,000 | |
| PUKAT KENKA | 4,000 | 4,000 | 4,000 | 4,000 | - | - | - |

| PERKAKASAN | ZON A | | | | ZON B | ZON C | ZON C2 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 0.1 – 10 | 10.1- 20 | 20.1 - 30 | 30.1 – 39.9 | | | |
| **B. TRADISI** | | | | | | | |
| PUKAT BILIS | 3,000 | 4,000 | 8,000 | 10,000 | - | - | |
| PUKAT HANYUT | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | 7,500 | 10,000 | - |
| BUBU | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | 10,000 | 10,000 | - |
| PANCING | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | 10,000 | 10,000 | - |
| PUKAT TARIK | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | - | - | - |
| PUKAT TANGGUK | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | - | - | - |
| PUKAT BAKUL | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | - | - | - |
| PUKAT RENTANG | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | - | - | - |
| RAMPAIAN | 2,000 | 3,000 | 4,000 | 5,000 | - | - | - |
| MPPI | 1,000 | 1,500 | 2,000 | 2,500 | 2,500 | 2,500 | 2,500 |
| SANGKAR LAUT | 500 | 500 | 750 | 1,000 | - | - | - |
| MENANGGUK KERANG | 500 | 500 | 750 | 1,000 | - | - | - |
| BELAT/POMPANG | 500 | 500 | 750 | 1,000 | - | - | - |

# STATUS PERLAKSANAAN

SKIM SUBSIDI DIESEL & PETROL NELAYAN

# KELULUSAN VESEL PENERIMA DIESEL & PETROL SEHINGGA MEI 2014

| TAHUN | KATEGORI | | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|
| | DIESEL | PETROL | |
| 2006 | 15,811 | 14,721 | 30,532 |
| 2007 | 16,138 | 15,411 | 31,549 |
| 2008 | 16,794 | 17,958 | 34,752 |
| 2009 | 17,767 | 26,578 | 44,345 |
| 2010 | 17,297 | 27,511 | 44,808 |
| 2011 | 17,452 | 28,601 | 46,053 |
| 2012 | 17,663 | 31,076 | 48,739 |
| 2013 | 17,548 | 34,761 | 52,309 |
| Jan- Mei 2014 | 17,635 | 35,454 | 53,089 |

# BILANGAN PUSAT JUALAN DIESEL & PETROL BERSUBSIDI MENGIKUT NEGERI ( SEHINGGA MEI 2014 )

| BIL | NEGERI | BIL. PUSAT JUALAN DIESEL | BIL STESYEN PETROL | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PERLIS | 4 | 4 | 8 |
| 2 | KEDAH | 7 | 11 | 18 |
| 3 | P.PINANG | 3 | 14 | 17 |
| 4 | PERAK | 53 | 21 | 74 |
| 5 | SELANGOR | 20 | 21 | 41 |
| 6 | MELAKA | 2 | 7 | 9 |
| 7 | N.SEMBILAN | 1 | 4 | 5 |
| 8 | JOHOR | 14 | 27 | 41 |
| 9 | PAHANG | 11 | 9 | 20 |
| 10 | TERENGGANU | 13 | 16 | 29 |
| 11 | KELANTAN | 8 | 5 | 13 |
| 12 | SARAWAK | 30 | 16 | 46 |
| 13 | SABAH | 23 | 26 | 49 |
| 14 | W.LABUAN | 2 | 10 | 12 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 191 | 191 | 382 |

# PENYALURAN SEBENAR DIESEL BERSUBSIDI

| TAHUN | BILANGAN PENERIMA FAEDAH | KELULUSAN KUOTA (LITER/TAHUN) | KUANTITI PENGGUNAAN SETAHUN (LITER) | PURATA PENJIMATAN KUOTA (LITER/TAHUN) |
|---|---|---|---|---|
| 2006 | 15,811 | 1174.84 juta | 989 juta | 185.84 juta |
| 2007 | 16,138 | 1176 juta | 1,099 juta | 77 juta |
| 2008 | 16,794 | 1188 juta | 1,069 juta | 119 juta |
| 2009 | 17,767 | 1344.3 juta | 1,035 juta | 309.23 juta |
| 2010 | 17,297 | 1200 juta | 1,129 juta | 71 juta |
| 2011 | 17,452 | 1200 juta | 1,059 juta | 141 juta |
| 2012 | 17,663 | 1200 juta | 1,093 juta | 107 juta |
| 2013 | 17,548 | 1200 juta | 1,078 juta | 122 juta |
| Jan- Mei 2014 | 17,635 | 500 juta | 456.9 juta | 43.1 juta |



# MEKANISME KAWALAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)

# JAWATANKUASA KAWALAN YANG DITUBUHKAN

| Jawatankuasa | Pengerusi | Keahlian |
|---|---|---|
| Jawatankuasa Induk Pelaksana Petrol & Diesel Nelayan Peringkat Kementerian | Ketua Setiausaha MOA | MOA, JKDM, KPDNKK,APMM, MOF, DOF, DOF Sabah, Jabatan Dermaga dan Pelabuhan Sabah, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah |
| Jawatankuasa Taskforce Peringkat Ibu Pejabat LKIM | Ketua Pengarah LKIM | Bahagian Penguatkuasa & Pelesenan<br>Bahagian Pembangunan Masyarakat & Institusi Nelayan<br>Pengarah- Pengarah LKIM Negeri<br>Bahagian Audit Dalam LKIM |
| Jawatankuasa Taskforce Peringkat LKIM Negeri | Pengarah LKIM Negeri | Bahagian Penguatkuasa LKIM Negeri<br>Persatuan-Persatuan Nelayan Kawasan |

# BIDANG KUASA PENGUATKUASAAN

| Kawasan | Pihak Berkuasa /Keanggotaan |
|---|---|
| Laut | APMM |
| Darat | KPDNKK |
| Pusat Jualan /Jeti/ Kompleks LKIM | Penguatkuasa LKIM |
| Operasi Bersepadu - Ops Titik (15 Mei- 31 Disember 2014) | KPDNKK,JKDM,PDRM, SPRM, APMM, Jabatan Laut Malaysia, JPJ, SPAD, JIM, LKIM |

# TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH LKIM SEHINGGA MEI 2014

| NEGERI | STATUS | | |
|---|---|---|---|
| | AKTIF | TANGGUH | SENARAIHITAM |
| PERLIS | 520 | 23 | 19 |
| KEDAH | 774 | 94 | 62 |
| P.PINANG | 379 | 19 | 7 |
| PERAK | 3,109 | 46 | 5 |
| SELANGOR | 1,204 | 7 | 9 |
| MELAKA | 70 | 8 | 1 |
| N.SEMBILAN | 26 | 0 | 0 |
| JOHOR | 834 | 43 | 24 |
| PAHANG | 934 | 53 | 0 |
| KELANTAN | 1,007 | 137 | 4 |
| TERENGGANU | 893 | 20 | 4 |
| SARAWAK | 1,999 | 218 | 20 |
| SABAH | 1,534 | 10 | 43 |
| W.LABUAN | 65 | 1 | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 13,348 | 679 | 198 |

# PENUTUPAN PUSAT JUALAN

| BIL. | PUSAT JUALAN | LOKASI | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Jeti Tung Hai (swasta) | Sandakan, Sabah | Hanya menjual minyak diesel bersubsidi kepada vesel jeti tersebut sahaja dan tidak kepada Bumiputera |
| 2. | Jeti Pendaratan Ikan Kompleks Mini KO-NELAYAN Kolapis, Beluran, Sandakan (PNK Beluran) | Sandakan, Sabah | Jualan subsidi tidak selari dengan senarai penerimaan subsidi |
| 3. | Jeti Jin Fat Fisheries (PNK Matang) | Teluk Kertang, Matang, Perak | Kegiatan penyelewengan minyak diesel super subsidi di sekitar kawasan Teluk Kertang. |

# KES TANGKAPAN OLEH APMM 2013 YANG MELIBATKAN BOT NELAYAN

| JUMLAH KES DIESEL | VESEL | KUANTITI (LITER) | NILAI (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | KNF 7868 | 20,000 | RM 36,000 |

# KES TANGKAPAN OLEH KPDNKK YANG MELIBATKAN BOT NELAYAN

KPDNKK

| Tahun | Negeri | Jumlah Kes | Kuantiti (Liter) | Nilai (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 2011 | Selangor | 2 | 4,325.00 | 7,243.00 |
| | Terengganu | 1 | 15,500.00 | 16,275.00 |
| | Sarawak | 1 | 80,000.00 | 80,000.00 |
| | Sabah | 5 | 27,800.00 | 42,800.00 |
| | Jumlah | 9 | 127,625.00 | 146,318.00 |

| Tahun | Negeri | Jumlah Kes | Kuantiti (Liter) | Nilai (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 2013 | Perlis | 2 | 3,900.00 | 7,020.00 |



# ISU DAN PENAMBAHBAIKAN

# Isu dan Penambahbaikan

| ISU | PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|
| Kad Pintar e-Diesel boleh digunakan oleh bukan pemilik | Penggunaan kad pintar e-diesel telah diganti dengan kad pengenalan |
| Pengangkutan minyak oleh lori persendirian | Mewajibkan penggunaan lori tangki syarikat pembekal berlogo |
| Alat peranti tidak berkeupayaan untuk membaca kad pengenalan dan tidak boleh mengawal kuota vesel | Mempertingkatkan keupayaan alat peranti bimbit |
| Pengeluaran minyak bersubsidi tidak selari dengan kuantiti pendaratan ikan negara | Mewajibkan pengisytiharan hasil tangkapan di pusat-pusat pengisytiharan pendaratan ikan LKIM |
| Kekurangan kakitangan untuk membuat pemantauan di peringkat pusat jualan | 12 pejabat LKIM Daerah telah diwujudkan |

# SEKIAN
# TERIMA KASIH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA




# TAKLIMAT
# PENYELEWENGAN DAN PENYELUDUPAN DIESEL BERSUBSIDI

## Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara(PAC)
## Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**
**19 JUN 2014**

# KANDUNGAN TAKLIMAT

- Latar Belakang
- Pengagihan Diesel Bersubsidi
- Faktor Penyumbang Penyelewengan
- Kawalan dan Penguatkuasaan
- Way Forward
- Kesimpulan

# • Latar Belakang

**1999: Subsidi ke atas diesel diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM83 juta**

**2006: Penandaan ke atas diesel bersubsidi diperkenalkan untuk memantapkan penguatkuasaan ketirisan.**

**2011: Penandaan ke atas diesel bersubsidi dimansuhkan.**



Tiada kompromi dalam usaha banteras penyelewengan diesel subsidi

## Hasan minta SPRM siasat

MUKADIMAH

Laporan Khas

HASAN MALEK



## Kakitangan terlibat rasuah tidak dilindungi - Alias

SENARIO SEMASA

# Pengagihan Diesel Bersubsidi

Penetapan harga subsidi dan penentuan kategori penerima ditentukan oleh MOF

KPDNKK melaksanakan keputusan dan dasar yang diputuskan oleh MOF

# KATEGORI PENGGUNA/PENERIMA SUBSIDI DIESEL DAN KELAYAKAN MEREKA

| BIL. | KATEGORI | HARGA (PER LITER) |
|---|---|---|
| 1. | Kenderaan Persendirian | RM2.00 |
| 2. | Fleet card (pengangkutan awam) | RM1.68 |
| 3. | Skid tank | Pengangkutan awam:RM1.68<br>Bot penumpang sungai: RM1.68<br>Kenderaan pengangkutan darat:RM2.00 |

# KELULUSAN KUOTA DIESEL BERSUBSIDI BAGI TAHUN 2012 & 2013

| SUKU TAHUNAN | TAHUN 2012 (liter) | TAHUN 2013 (liter) | % KENAIKAN |
|---|---|---|---|
| Suku Pertama (Jan-Mac) | 1,917,305,124 | 2,146,932,867 | 11.97 |
| Suku Kedua (Apr-Jun) | 1,994,384,960 | 2,185,414,159 | 9.58 |
| Suku Ketiga (Jul-Sept) | 2,012,001,857 | 2,278,690,156 | 13.25 |
| Suku Keempat (Okt-Dis) | 2,066,056,867 | 2,304,990,289 | 11.56 |
| JUMLAH | 7,987,748,808 | 8,916,027,471 | 11.62 |

- Jumlah kelulusan kuota Fleet Card mengikut jenis kenderaan yang telah diluluskan ( data Januari 2014)

| BIL | KATEGORI | BIL. KENDERAAN | JUMLAH KUOTA (LITER/BULAN) |
|---|---|---|---|
| 1. | BAS SEKOLAH | 15,619 | 8,902,830 |
| 2. | BAS EKSPRES | 6,869 | 19,782,720 |
| 3. | BAS BERHENTI-HENTI | 6,308 | 9,083,520 |
| 4. | BAS MINI | 2,691 | 3,875,040 |
| 5. | BAS PENGANTARA | 57 | 68,400 |
| 6. | KERETA SEWA | 8,218 | 5,916,960 |
| 7. | TEKSI | 1,122 | 807,840 |
| 8. | VAN MAYAT | 130 | 62,400 |
| 9. | LORI MAYAT | - | - |
| 10. | AMBULAN (DIKENDALIKAN OLEH BADAN SUKARELA) | 64 | 46,080 |
| 11. | BOMBA (DIKENDALIKAN OLEH BADAN SUKARELA) | 70 | 50,400 |
| | JUMLAH | 41,148 | 48,596,190 |

# PERBANDINGAN KELULUSAN KUOTA SUBSIDI DIESEL SKID TANK TAHUN 2012 -2013

| KATEGORI / TAHUN | KELULUSAN (LITER) | | % PERUBAHAN |
|---|---|---|---|
| | 2012 | 2013 | |
| PENGANGKUTAN AWAM | 176,082,723 | 173,500,624 | -1.47 |
| PENGANGKUTAN BARANGAN | 80,803,410 | 76,385,220 | -5.47 |
| BOT PENUMPANG SUNGAI | 120,268,680 | 110,759,200 | -7.91 |
| **JUMLAH** | **377,154,813** | **360,645,044** | **-4.38** |

# Faktor Penyumbang Penyelewengan

1
- Beza harga di stesen dan harga industri

2
- Beza harga di stesen dengan negara-negara jiran

3
- Tiada mekanisme untuk membezakan minyak diesel bersubsidi dengan industri (nanotag mansuh pada Mac 2011)

# PERBANDINGAN HARGA(MEI 2014)

## HARGA DIESEL DI STESEN DENGAN HARGA INDUSTRI




## HARGA DIESEL BEBERAPA NEGARA-NEGARA ASEAN




TREND JUALAN DIESEL BERSUBSIDI
DARI TAHUN 2000 HINGGA 2013
JUTA LITER
10,000
9,000
8,000
7,000
6,000
5,000
4,000
3,000
2,000
1,000
0
2,873
2,511
2,987
4,113
5,563
5,622
5,467
5,027
4,215
3,034
4,295
5,997
7,913
8,610
2000
2001
2002
2003
2004
2005
2006
2007
2008
2009
2010
2011
2012
2013
TAHUN

# Kawalan dan Penguatkuasaan



# AGENSI PENGUATKUASAAN

*Membanteras Penyelewengan Diesel Bersubsidi*



# PENGUATKUASAAN DAN TINDAKAN KES PENYELEWENGAN DIESEL BERSUBSIDI TAHUN 2009 HINGGA 2013

| TAHUN | DIESEL | | |
|---|---|---|---|
| | BIL. KES | KUANTITI RAMPASAN (LITER) | NILAI (RM) |
| 2009 | 105 | 700,844 | 1,261,519 |
| 2010 | 315 | 3,232,812 | 5,819,062 |
| 2011 | 629 | 7,706,282 | 13,871,308 |
| 2012 | 315 | 3,655,199 | 6,579,358 |
| 2013 | 501 | 7,470,606 | 14,941,212 |
| **JUMLAH** | **1,865** | **22,765,743** | **42,472,459** |

# OPS TITIK

**TEMPOH: 15 Mei – 31 Disember 2014**

**Fokus : Petrol RON 95, Diesel, Gas Petroleum Cecair**

## Objektif

- Membasmi kegiatan jenayah penyelewengan bahan petroleum bersubsidi
- Menggempur semua hotspot

**KEKUATAN ANGGOTA:** 1800 orang

## DARI 15 MEI SEHINGGA 18 JUN 2014

| BIL | NEGERI | JUMLAH KES | NILAI RAMPASAN |
|---|---|---|---|
| 1 | PERLIS | 10 | RM 98,159.40 |
| 2 | KEDAH | 31 | RM 935,151,00 |
| 3 | PULAU PINANG | 11 | RM 193,070.00 |
| 4 | PERAK | 12 | RM 535,064.00 |
| 5 | SELANGOR | 17 | RM 1,341,422.00 |
| 6 | WP KUALA LUMPUR | 4 | RM 236,236.00 |
| 7 | WP PUTRAJAYA | 6 | RM 1,591,627.56 |
| 8 | NEGERI SEMBILAN | 10 | RM 253,400.00 |
| 9 | MELAKA | 1 | RM 21,000.00 |
| 10 | JOHOR | 9 | RM 2,363,632.00 |
| 11 | PAHANG | 10 | RM 184,134.00 |
| 12 | TERENGGANU | 1 | RM 19,000.00 |
| 13 | KELANTAN | 16 | RM 349,390.82 |
| 14 | SABAH | 14 | RM 332,290.65 |
| 15 | SARAWAK | 18 | RM 279,841.20 |
| 16 | WP LABUAN | 1 | RM 1,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 171 | RM 8,734,419.23 |

# POINT OF TARGET (POT)
# Peranan dan Kerjasama Penguatkuasaan



# HOTSPOT PENYELEWENGAN




- KAWASAN PERINDUSTRIAN
- PELABUHAN UTAMA & JETI
- KAWASAN PERAIRAN NEGARA

# OPERASI KHAS BERSAMA JABATAN PEGUAM NEGARA

| OPERASI | JUMLAH KES | RAMPASAN | | PEMBEKUAN AKAUN BANK | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | MINYAK (Liter) | WANG TUNAI (RM) | JUMLAH AKAUN | NILAI (RM) |
| OD1N | 13 | 160,150 | 720,000 | 90 | 21 JUTA |
| OD2N | 6 | 95,414 | 229,929 | 94 | 7.96 JUTA |
| OD1S | 10 | 632,650 | - | 186 | 21.9 JUTA |
| ODEC | 9 | 1,407,369 | - | - | - |
| **JUMLAH** | **38** | **2,295,583** | **949,929** | **370** | **50.86 JUTA** |

# KESALAHAN-KESALAHAN UTAMA

- **Stor pengumpulan dan penjualan diesel bersubsidi secara haram**
- Stesen minyak bersekongkol menjual minyak diesel bersubsidi kepada sindiket
- **Mengeksport secara haram minyak diesel bersubsidi**

**HUKUMAN : SEKSYEN 22 AKTA KAWALAN BEKALAN 1961:**

**ORANG PERSEORANGAN: Denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga 3 tahun**

**SYARIKAT/KORPORAT: Denda sehingga RM250,000**

# IMPAK/KEJAYAAN OPS TITIK

## JANGKA PENDEK

- Kejadian **stock out** diesel di stesen minyak berkurangan.
- Kuantiti penggunaan diesel bersubsidi berkurangan:



# PEMANTAPAN INTEGRITI

**Kawalan Dalaman**

- Mewujudkan Bahagian Integriti
- Melaksanakan pusingan kerja lebih kerap ke atas pegawai penguatkuasa
- Bekerjasama dengan SPRM
- Membudayakan amalan nilai-nilai murni dan berintegriti : beri penghargaan kepada pegawai yang tolak rasuah

**Fakta**

- 2013/2014: Tiada pegawai ditangkap terlibat dengan rasuah – jenayah penyelewengan diesel
- 2013-2014: Banyak kes rasuah diadukan kepada SPRM melibatkan suapan antara RM1,000 – RM70,000
- 2010 : 24 *Sijil Penghargaan Tolak Rasuah* dikeluarkan oleh SPRM kepada pegawai penguatkuasa

# TINDAKAN TERBAHARU

- **Membekukan** pengeluaran Kebenaran PDA dan lesen borong dan runcit Petrol dan diesel
- **Membatalkan** Kebenaran PDA dan lesen borong diesel yang beroperasi di jeti-jeti persendirian
- **Menggantung** lesen semasa dalam siasatan dan **membatalkan** lesen jika disabitkan kesalahan
- **Menghadkan kuota jualan** diesel di stesen minyak radius 25 km dari sempadan negara tidak melebihi 600,000 liter.
- Menjalankan **operasi ulangan** bagi menghalang jenayah / penyelewengan berulang

# WAY FORWARD

- KPDNKK bersama dengan Kementerian Kewangan, EPU dan Majlis Ekonomi dalam peringkat akhir untuk memperkenalkan sistem baru pengurusan subsidi diesel dan petrol. Dijangka pelaksanaan September dan November 2014.

## • Kesimpulan

KPDNKK komited dan akan terus menggerakkan seluruh jentera penguatkuasaan dipelbagai agensi untuk memerangi penyelewengan bahan petroleum bersubsidi.

SASARAN :

- Penyelewengan di banteras
- Tiada stock out diesel
- Beban subsidi ke atas diesel berkurang



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa treler yang ditahan.

# 500 liter setiap stesen minyak

**Kuala Krai:** Tindakan mencurigakan pemandu treler yang kerap berhenti mengisi diesel membongkar kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi dilakukannya selepas ditahan penguat kuasa Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK), dalam kejadian di stesen minyak di Taman Guchil Jaya.

Ketua Bahagian Penguat-Kuasa PPDNKK Kelantan Ab Ghani Harun berkata, menerusi Ops Titik itu, pihaknya bertindak atas maklumat serta intipan yang mengesan kegiatan pemandu treler terbabit.

Katanya, penahanan dilakukan selepas lelaki terbabit didapati membeli diesel melebihi kegunaan dan kegia-

dengan dilengkapi dua tangki minyak besar yang boleh mengisi kira-kira 30,000 liter diesel.

"Ketika serbuan, lori berkenaan sempat diisi dengan 1,000 liter diesel. Pemandu terbabit dipercayai mengisi kira-kira 500 liter diesel di setiap stesen minyak yang disinggahi," katanya.

Ab Ghani berkata, dua pe-

Penyeludup petrol cuba rempuh kenderaan penguat kuasa PPDNKK

# Stesen minyak bersubahat disita

OLEH TOREK SULONG

**PASIR PUTEH** 15 Feb. – Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Kelantan menyita sebuah stesen minyak di Jalan Pasir Puteh-Kota Bharu dekat sini, malam tadi, kerana disyaki terlibat dengan penyeludupan petrol.

Dalam operasi melibatkan 18 pegawai kuasa yang bermula pukul 9 malam, pemilik premis berkenaan yang berpelat 'Tentuk' turut didenda sebanyak RM250,000 selepas didapati melakukan kesalahan sama untuk kali yang kedua.

Ketua Penguat Kuasa PPDNKK negeri, Abdul Ghani Harun berkata, tindakan pemilik premis berkenaan yang bersubahat dengan kegiatan penyeludupan petrol itu terbongkar selepas anggota penguat kuasa memeriksa dua kereta yang berhenti mengisi minyak di situ.

"Salah seorang pemandu berjaya melarikan diri dengan merempuh pacuan empat roda PPDNKK yang cuba menghalangnya manakala seorang lagi pemandu terpaksa meninggalkan kenderaannya.

"Pemeriksaan mendapati kereta yang ditinggalkan itu sarat dengan 18 tong berisi petrol RON 95 dengan nilai anggaran RM900. Selain itu terdapat sembilan lagi tong masih kosong," katanya di sini malam tadi.

Berikutan bukti yang diperoleh, Abdul Ghani berkata, pemilik stesen minyak berkenaan yang memiliki rekod sama sebelum ini didenda manakala urus niaga premisnya dihentikan selama dua minggu untuk membantu siasatan.

"Pada masa ini, pasaran domestik petrol subsidi RON 95 yang berharga RM2.10 seliter dapat dijual pada harga RM4.70 seliter di negara jiran, sekali gus menjadi daya penarik kepada penyeludup untuk mengaut keuntungan," katanya.

Beliau berkata, mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, mana-mana pengusaha stesen minyak yang didapati bersekongkol dengan kegiatan itu boleh didenda sebanyak RM100,000 bagi kesalahan pertama dan RM250,000 bagi kesalahan kali kedua.



ABDUL Ghani Harun (kanan) memeriksa sebuah kereta yang sarat dengan muatan petrol RON95 dalam tong yang diubah suai selepas berjaya menahan kenderaan berkenaan di Jalan Pasir Puteh-Kota Bharu, Kelantan, malam semalam.


NO SMOKING




NO SMOKING











# TERIMA KASIH

